



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2017

PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN

SIRI 1



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI/KEWANGAN
JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

**NEGERI SEMBILAN
SIRI 1**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	<u>BAHAGIAN I</u>
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH Pembinaan Kemudahan Awam di Mukim Daerah Kuala Pilah
20	JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN Perkhidmatan Pengembangan Teknologi Pertanian
52	MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN MAINS Holdings Sdn. Bhd.
	<u>BAHAGIAN II</u>
	PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI
83	PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
118	PENGAUDITAN MENGEJUT
127	PENUTUP



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI).

2. Laporan saya mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun 2017 Siri 1 ini mengandungi dua (2) bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

3. Laporan ini mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Jabatan dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri. Selain itu, dilaporkan juga hasil pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang dijalankan di 12 Jabatan/Agensi Negeri serta Pengauditan Mengejut di 9 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Kos (PK) dan Jabatan/ Agensi Negeri. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 25 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan

Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/ Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

12 Jun 2018



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH

1. *Pembinaan Kemudahan Awam di Mukim Daerah Kuala Pilah*

- a. Fungsi utama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) adalah untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dan prasarana di dalam kawasan pentadbiran masing-masing selain melaksanakan perancangan pembangunan dengan mengambil kira penglibatan penduduk setempat. Kemudahan awam meliputi penyediaan keperluan asas seperti jalan, dewan orang ramai, balai raya, jambatan, kuarters Kerajaan dan longkang. PDTKP telah menerima peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan kemudahan awam.
- b. Pengauditan telah dijalankan antara bulan Ogos 2017 hingga November 2017 dan merumuskan seperti perkara berikut:

i. Prestasi Pembinaan Kemudahan Awam

Projek pembinaan kemudahan awam secara keseluruhannya telah berjaya disiapkan seperti yang dirancang. Ini berdasarkan prestasi pelaksanaan projek di mana sebanyak 21 projek (87.5%) telah siap dalam tempoh yang ditetapkan, dua (2) projek (8.3%) disiapkan dengan kelulusan *Extension of Time* (EOT) dan satu (1) projek disiapkan dengan *Liquidated Ascertained Damage* (LAD).

ii. Pengurusan Pembinaan

Pengurusan pembinaan memerlukan tindakan penambahbaikan kerana terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pengurusan perolehan, pematuhan pembayaran dan kualiti pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera adalah seperti berikut:

- permohonan kemudahan awam oleh penduduk tidak difaikkan dengan teratur bagi tujuan menilai kecekapan pegawai bagi setiap permohonan dan siasatan;

- pengurusan pelawaan dan pelantikan kontraktor tidak teratur;
 - bayaran dibuat bagi baucar bayaran yang tidak lengkap;
 - terdapat projek dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti ditetapkan di dalam senarai kuantiti (BQ) serta lukisan pembinaan; dan
 - pemantauan prestasi projek hanya dilaporkan secara umum tanpa diperincikan.
- c. Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang untuk pengurusan pembinaan baru kemudahan awam, adalah disyorkan supaya pihak PDTKP memperbaiki beberapa kelemahan yang dinyatakan seperti berikut:
- i. menyediakan garis panduan yang komprehensif mengenai pengurusan pembinaan kemudahan awam untuk dijadikan rujukan pegawai dan meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan di samping memastikan semua pembinaan projek kemudahan awam adalah berdasarkan keperluan sebenar penduduk setempat;
 - ii. menjalinkan hubungan kerja yang lebih erat antara Jabatan-jabatan berkepentingan menggunakan model *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) iaitu di antara Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memandangkan wujudnya kekangan kepakaran teknikal bagi penyediaan lukisan pembinaan dan lukisan struktur di peringkat daerah; dan
 - iii. mengadakan naziran dalaman secara berkala bagi memastikan semua peraturan pembinaan projek dipatuhi, pengurusan perancangan kemudahan awam yang lebih tersusun dan pematuhan urusan perolehan dan pembayaran sepanjang masa bagi mengelakkan risiko penyelewengan, pembaziran dan salah guna kuasa.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

2. *Perkhidmatan Pengembangan Teknologi Pertanian*

- a. Salah satu perkhidmatan teras Jabatan Pertanian adalah memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan amalan baik di sepanjang rantai nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Perkhidmatan ini dilaksanakan melalui lima (5) aktiviti utama iaitu Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, Naik Taraf/Penyenggaraan Pusat Pertanian, Program Hari Ladang, Latihan Pegawai dan Petani serta

Komunikasi Pengembangan. Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan tersebut di Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) adalah Seksyen Metodologi Pengembangan, Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Projek Perkhidmatan Pengembangan Teknologi Pertanian

Prestasi projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian JPNS secara keseluruhannya mencapai objektif yang ditetapkan di mana sepanjang tahun 2015 hingga 2017 pelaksanaan projek berbanding sasaran telah dapat dicapai antara 97.3% hingga 100%. Bagaimanapun, masih terdapat prestasi pelaksanaan yang kurang cekap, berhemat dan berkesan seperti butiran berikut:

- Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian yang telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan; dan
- hasil kajian teknologi daripada pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian tahun 2016 belum dapat dinilai keberhasilannya kerana tiada rancangan bagi memastikan kesinambungan projek dan laporan pencapaian mengenainya. Manakala projek tahun 2017 bermula lewat dan tidak dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan bagi melihat impak teknologi pertanian tersebut terhadap produk.

ii. Pengurusan Projek

Pengurusan projek pula telah dinilai berdasarkan pengurusan perolehan dan pemantauan. Secara keseluruhannya masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh JPNS bagi perkara seperti berikut:

- kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan;
- kerosakan dan keretakan di bangunan Kompleks Pertanian Ulu Sepri (KTPUS) tidak dibaiki yang mengganggu kelancaran program bagi Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian serta latihan pegawai dan petani;
- Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri ada melaporkan berkaitan prestasi dan pelaksanaan berkaitan perkhidmatan pengembangan pertanian, namun ia tidak diperincikan; dan

- tiada wakil daripada JPNS dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA yang dipengerusikan oleh Pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah bagi membincangkan mengenai perancangan, pelaksanaan dan masalah dihadapi di Petak Demonstrasi dan Pemerhatian.
- c. Bagi memastikan kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan mendapat *best value for money* atas perolehan dan perkhidmatan berkaitan projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian yang telah dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:
- i. Pengurus Projek dan Ketua Penyelaras Projek dilantik dan bertanggungjawab terhadap projek bermula dari perancangan, strategi pelaksanaan, penilaian dan pelaporan projek bagi memastikan setiap teknologi projek diperkenalkan mampu memberi nilai tambah hasil tanaman yang sedia ada selain memastikan peruntukan dibelanjakan dengan memberi keutamaan terhadap aktiviti pengembangan teknologi pertanian yang memberi impak yang tinggi;
 - ii. JPNS hendaklah memastikan mekanisme pemantauan projek yang berkesan bagi memastikan teknologi projek yang diperkenalkan dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Usaha sama dengan Agensi *Remote Sensing* menggunakan GIS boleh dilaksanakan bagi memastikan semua projek dilaksanakan seperti ditetapkan dalam prosedur kerja;
 - iii. JPNS, Kerajaan Negeri, Majlis Daerah Rembau dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan hendaklah bekerjasama mengambil tindakan segera menangani kerosakan dan keselamatan di semua pusat pertanian bagi memastikan projek dan pembangunan teknologi pertanian dapat dilaksanakan dengan lancar; dan
 - iv. pegawai JPNS yang terlibat dalam menguruskan perolehan berkaitan aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian perlu menghadiri kursus berkaitan Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Kewangan supaya dapat memahami prosedur kewangan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pembayaran tidak teratur pada masa hadapan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

3. **MAINS Holdings Sdn. Bhd.**

- a. MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). MHSB dahulunya dikenali sebagai EDIFAJAR Development Sdn. Bhd., telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada

22 Januari 1997 dan telah ditukar namanya kepada MAINS Holdings Sdn. Bhd mulai 10 November 1998. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan adalah berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM750,000. Objektif MHSB ditubuhkan adalah untuk meningkatkan sumber pendapatan MAINS melalui aktiviti perniagaan, menguruskan dan membangunkan aset MAINS supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Aktiviti utama MHSB adalah pengurusan harta tanah, pembangunan harta tanah, perkhidmatan kaunseling dan penyewaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Misi MHSB adalah untuk melaksanakan konsep muamalat dalam aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada usaha menggalakkan umat Islam mencebur ke dalam perniagaan serta melindungi kepentingan ekonomi umat Islam Negeri Sembilan. Syarikat diterajui oleh sepuluh orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai Pengurus dan sembilan (9) orang ahli antaranya Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha MAINS dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Pengurusan MHSB pula diuruskan oleh 35 orang kakitangan yang diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh seorang Pembantu Pengurus Besar, seorang Perunding Projek, seorang akauntan, empat (4) orang eksekutif, empat (4) orang kakitangan sokongan di pejabat utama MHSB serta 23 orang kakitangan di enam (6) lokasi pusat kaunseling. MHSB mempunyai tiga (3) syarikat subsidiari iaitu MAINS Hotel Sdn. Bhd. (Klana Beach Resort), MAINS Urus Harta Sdn. Bhd. dan Perbadanan Wakaf Sdn. Bhd. Pengurusan MHSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Memorandum Dan Artikel Penubuhan (M&A) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta *Standard Operating Procedures* syarikat.

- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara berikut:

i. **Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan MHSB adalah kukuh kerana pendapatan operasi secara puratanya meningkat dan melebihi perbelanjaan operasi yang seterusnya menyebabkan syarikat berupaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai tiga (3) tahun berturut-turut serta keuntungan terkumpul sejumlah RM6.16 juta pada akhir tahun 2016. Selain itu, jumlah aset juga melebihi liabiliti dan aliran tunai syarikat berbaki positif.

ii. **Pengurusan Aktiviti**

Pengurusan aktiviti MHSB secara keseluruhannya belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana pendapatan bagi aktiviti penyewaan peralatan ICT masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Penyenggaraan dan pemantauan berkala juga tidak dilakukan terhadap premis serta peralatan ICT

yang disewakan. Selain itu, terdapat premis perniagaan kosong tanpa penyewa dan kadar pajakan tanah yang dikutip tidak sama seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus MHSB pula berada pada tahap memuaskan kerana terdapat beberapa amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan seperti penyediaan Rancangan Korporat atau Pelan Strategik.

iv. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh MHSB adalah seperti berikut:

- pendapatan bagi aktiviti penyewaan peralatan ICT tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- sejumlah 49 (35.8%) daripada 137 premis perniagaan kosong tanpa penyewa dan premis perniagaan yang memerlukan tindakan penambahbaikan;
- kadar pajakan tanah yang dikutip tidak sama seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian yang dipersetujui kedua-dua pihak dan tiada Perjanjian Tambahan dibuat;
- penyenggaraan dan pemantauan berkala tidak dilakukan terhadap premis dan peralatan ICT yang disewakan;
- beberapa kelemahan pengurusan peralatan ICT telah dikesan; dan
- terdapat amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan.

c. Bagi memastikan objektif penubuhan MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) dapat dicapai sepenuhnya pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah MHSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. menyediakan model dan strategi bagi mentransformasikan Bazaar MAINS seperti melantik operator khusus untuk menguruskan Bazaar MAINS agar dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk berkunjung, meningkatkan promosi bagi memastikan setiap premis dapat disewakan dan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan lain yang lebih menarik kepada pengunjung;
- ii. memastikan Dokumen Perjanjian Pajakan Hartanah disemak dan dikemas kini berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak bagi memastikan kepentingan syarikat dilindungi serta mengelakkan sebarang pertikaian di masa akan datang; dan

- iii. menambah baik amalan tadbir urus dengan memastikan Pelan Strategik yang telah disediakan diluluskan oleh ALP, SOP disediakan dengan lengkap melibatkan semua proses kerja syarikat dan memastikan Laporan UAD dibentangkan dalam Mesyuarat JKA bagi memantau pengurusan syarikat agar tindakan penambahaikan boleh dibuat oleh JKA.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. *Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)*

- a. Pada tahun 2017, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 12 Jabatan/Agensi Negeri untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 mengenai Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, dengan itu pelaporan hanya dibuat berdasarkan prestasi kewangan tahun 2017 sahaja tanpa perbandingan dengan prestasi tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan lima (5) Jabatan/ Agensi Negeri atau 42% mencapai tahap cemerlang, tujuh (7) Jabatan/Agensi Negeri atau 58% berada di tahap baik.
- b. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahaikan diambil oleh Jabatan/Agensi. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
- i. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
 - ii. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
 - iii. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
 - iv. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjelaskan imej Kerajaan;

- v. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- vi. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut; dan
- vii. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.
- viii. pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

5. Pengauditan Mengejut

- a. Pengauditan Mengejut di sembilan (9) Pusat Tanggung Jawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) dan Jabatan/Agensi yang diaudit pada tahun 2017 adalah berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi dua (2) kawalan yang diaudit iaitu kawalan terimaan dan kawalan perbelanjaan. Ketua PTJ/PK dan Jabatan/Agensi yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi.
- b. Sehubungan itu, semua PTJ/PK di setiap Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:
 - i. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
 - ii. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
 - iii. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;

- iv. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- v. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- vi. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- vii. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.

BAHAGIAN I

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH

1. PEMBINAAN KEMUDAHAN AWAM DI MUKIM DAERAH KUALA PILAH

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Kemudahan awam di mukim adalah di bawah tanggungjawab semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Negeri Sembilan. Fungsi utama PDT adalah untuk memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial dan prasarana di dalam kawasan pentadbiran masing-masing selain melaksanakan perancangan pembangunan dengan mengambil kira penglibatan penduduk setempat. Kemudahan awam meliputi penyediaan keperluan asas seperti jalan, dewan orang ramai, balai raya, jambatan, kuarters Kerajaan dan longkang. PDT Kuala Pilah (PDTKP) terdiri daripada 11 mukim iaitu Mukim Ampang Tinggi, Johol, Kepis, Langkap, Parit Tinggi, Pilah, Seri Menanti, Terachi, Ulu Jempol, Ulu Muar dan Juasseh. PDTKP telah menerima peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan kemudahan awam.

1.1.2. Bagi tahun 2015 hingga tahun 2017, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) telah memperuntukkan kepada PDTKP sejumlah RM3.39 juta untuk tujuan pembinaan dan penyenggaraan kemudahan awam di mukim-mukim luar bandar di Negeri Sembilan dan sejumlah RM3.22 juta telah dibelanjakan.

1.1.3. Kajian Audit mengenai penyediaan kemudahan awam ini pernah dibuat oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2011 dan antara isu-isu yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. terdapat pembinaan kemudahan awam dalam kawasan tanah milik tanpa dokumen kebenaran daripada pemilik;
- ii. tiada penyenggaraan kemudahan awam secara berkala; dan
- iii. daftar inventori kemudahan awam di mukim luar bandar tidak diselenggarakan bagi tujuan rujukan untuk penyenggaraan dan baik pulih.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pembinaan Kemudahan Awam di Mukim Daerah Kuala Pilah telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini meliputi kesemua pembinaan kemudahan awam seperti pembinaan jalan, longkang, jambatan, tandas dan bangunan Kerajaan di Mukim Daerah Kuala Pilah bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 yang melibatkan 24 projek di bawah peruntukan Pelbagai Projek Kecil dan Bangunan-bangunan Kerajaan. Tujuh (7) projek pembinaan kemudahan awam telah dipilih berdasarkan nilai kos projek dan jenis kemudahan yang dibina bagi tujuan semakan fizikal. Pemilihan PDTKP adalah berdasarkan jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang kedua tertinggi diterima dalam tempoh pengauditan.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen, rekod, fail dan membuat analisis terhadap data berkaitan dari proses permohonan hingga pembayaran. Temubual dengan pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan projek dan lawatan ke tapak projek turut dilaksanakan bagi tujuan pengesahan maklumat. Selain itu, khidmat nasihat pegawai teknikal Jabatan Audit Negara juga turut digunakan bagi membantu melancarkan proses pengauditan. Standard umum bagi spesifikasi pembinaan jambatan yang diguna pakai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga digunakan bagi tujuan perbandingan dengan spesifikasi yang diguna pakai oleh PDT KP.

1.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan antara bulan Ogos 2017 hingga November 2017 dan merumuskan seperti perkara berikut:

a. Prestasi Pembinaan Kemudahan Awam

Projek pembinaan kemudahan awam secara keseluruhannya telah berjaya disiapkan seperti yang dirancang. Ini berdasarkan prestasi pelaksanaan projek di mana sebanyak 21 projek (87.5%) telah siap dalam tempoh yang ditetapkan, dua (2) projek (8.3%) disiapkan dengan kelulusan *Extension of Time* (EOT) dan satu (1) projek disiapkan dengan *Liquidated Ascertained Damage* (LAD).

b. Pengurusan Pembinaan

Pengurusan pembinaan memerlukan tindakan penambahbaikan kerana terdapat kelemahan dalam aspek perancangan, pengurusan perolehan, pematuhan pembayaran dan kualiti pelaksanaan projek. Antara kelemahan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera adalah seperti berikut:

- i. permohonan kemudahan awam oleh penduduk tidak difaikkan dengan teratur bagi tujuan menilai kecekapan pegawai bagi setiap permohonan dan siasatan;
- ii. pengurusan pelawaan dan pelantikan kontraktor tidak teratur;
- iii. bayaran dibuat bagi baucar bayaran yang tidak lengkap;
- iv. terdapat projek dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti ditetapkan di dalam senarai kuantiti (BQ) serta lukisan pembinaan; dan
- v. pemantauan prestasi projek hanya dilaporkan secara umum tanpa diperincikan.

1.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada PDTKP telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 12 Februari 2018. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

1.6.1. Prestasi Projek

1.6.1.1. Pencapaian Fizikal

- a. Setiap projek pembinaan perlu disiapkan mengikut tempoh dan syarat yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan Inden Kerja yang dipersetujui. 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK4 dan Surat Arahan KPKR Bil. 22 Tahun 2016 mengenai Garis Panduan Perolehan Kerja Bernilai Sehingga RM500,000 menyatakan bahawa EOT hanya dibenarkan bagi had nilai kontrak yang melebihi RM200,000 hingga RM500,000 tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi pelaksanaan pembinaan bagi 24 projek mendapati sebanyak 21 projek (87.5%) telah siap dalam tempoh yang ditetapkan dalam Inden Kerja. Selain itu, terdapat dua (2) projek (8.3%) disiapkan dalam tempoh EOT dan satu (1) projek (4.2%) telah siap dengan LAD. Dua (2) projek yang diberi kelulusan EOT adalah projek Bina Longkang di Kg. Juasseh Kapitan dan Membina Susur Gajah di Perkarangan Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah masing-masing bernilai RM64,743 dan RM80,634. EOT diluluskan atas sebab faktor cuaca iaitu pada musim hujan dan kelewatan pembekal menghantar longkang konkrit pratuang. Manakala projek yang dikenakan LAD adalah projek Bina Baru Ruang Menunggu di Lobi PDTKP yang bernilai RM169,183. LAD yang dikenakan bagi projek ini berjumlah RM1,567.62. Pihak Audit mendapati kelulusan EOT bagi dua (2)

projek tersebut iaitu Bina Longkang di Kg. Juasseh Kapitan dan Membina Susur Gajah di Perkarangan Kompleks Pentadbiran Kuala Pilah diberikan berdasarkan syarat-syarat ditetapkan dalam inden kerja. Butiran prestasi pelaksanaan projek adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.1
PRESTASI 24 PROJEK PEMBINAAN BARU
KEMUDAHAN AWAM DI MUKIM DAERAH KUALA PILAH**

KATEGORI PROJEK	BILANGAN PROJEK				KOS (RM)
	JUMLAH PROJEK	IKUT JADUAL	EOT	LAD	
Jalan	7	7	-	-	347,887.65
Longkang	4	3	1	-	112,743.00
Jambatan	9	9	-	-	528,688.00
Balai Raya	2	2	-	-	30,000.00
Bangunan Kerajaan	2	0	1	1	248,169.38
JUMLAH	24	21	2	1	1,267,488.03

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

- c. Merujuk kepada Proses Kerja PDTKP bagi permohonan peruntukan projek-projek kecil luar bandar, projek kemudahan awam yang dirancang perlu juga mengambil kira keutamaannya berdasarkan keperluan penduduk setempat. Seterusnya projek yang dirancang akan disenaraikan berserta justifikasi bagi tujuan permohonan peruntukan kepada Pejabat SUKNS dan penyediaan spesifikasi kerja.
- d. Semakan Audit terhadap dokumen permohonan peruntukan negeri mendapati urusan permohonan projek dan penyediaan anggaran bajet telah dibuat oleh PDTKP kepada Pejabat SUKNS dengan justifikasi untuk setiap projek. Bagaimanapun, semakan lanjut terhadap justifikasi bagi 24 projek tersebut didapati sumber rujukan justifikasi tersebut tidak difailkan dengan teratur bagi memastikan setiap permohonan projek kemudahan awam telah pun mengambil kira dan merujuk kepada permohonan penduduk mengikut mukim masing-masing. Kelemahan ini telah menyebabkan PDTKP perlu mengulangi proses penyediaan justifikasi projek seperti keperluan atau permasalahan yang berlaku pada kawasan cadangan projek pada bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 kerana kelemahan sistem inventori maklumat yang sepatutnya telah dikumpulkan mengenai senarai projek dan keutamaannya untuk perancangan projek masa hadapan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan projek telah mencapai matlamat pembinaan seperti dirancang. Bagaimanapun, pembinaan bagi setiap projek kemudahan awam masih boleh ditambah baik untuk memastikan

semua keperluan penduduk telah diambil kira bagi setiap pembinaan projek kemudahan awam

1.6.1.2. Prestasi Kewangan

- a. Kerajaan Negeri Sembilan telah memperuntukkan sejumlah RM3.39 juta kepada PDTKP bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017 untuk pembinaan kemudahan awam. Sehingga bulan Disember 2017, sejumlah RM3.22 juta atau 94.9% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Sepanjang tempoh tiga (3) tahun, sebanyak 24 projek pembinaan kemudahan awam telah dilaksanakan melibatkan kos sejumlah RM1.27 juta manakala baki sejumlah RM1.95 juta adalah bagi tujuan penyenggaraan kemudahan awam. Kos bagi kesemua projek pembinaan kemudahan awam adalah antara RM10,000 hingga RM167,535. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan pembangunan PDTKP bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah 92.7% sehingga 96.7% seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.2
PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING PERUNTUKAN
PEMBANGUNAN PDTKP BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN (%)
2015	0.40	0.38	0.01	96.7
2016	1.19	1.11	0.09	92.7
2017	1.80	1.73	0.07	96.6
JUMLAH	3.39	3.22	0.17	94.9

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

- b. Bagi tujuan pengurusan Arahan Perubahan Kerja (APK), PDTKP menggunakan Surat Arahan KPKR Bil. 22 Tahun 2016 para 17.4, mengenai Garis Panduan Perolehan Kerja Bernilai Sehingga RM500,000. Garis panduan ini menyatakan bahawa sesuatu perubahan kerja yang melibatkan perubahan atau pengubahsuaihan ke atas reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja akan memberi kesan kepada jumlah kos kontrak. Perubahan kerja hendaklah berpunca daripada arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa (PP) yang diberi kuasa dan mendapat kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga.
- c. Semakan Audit mendapati tiga (3) projek iaitu pembinaan Jalan di Kg. MARA Parit Tinggi, Ruang Menunggu di Lobi PDTKP dan Jambatan Serta Kerja-kerja berkaitan di Air Kuning, Kg. Kepis Ulu, Johol melibatkan APK sejumlah RM302,537 dan telah diluluskan oleh PP. APK yang diluluskan adalah disebabkan terdapat perubahan skop kerja dan kuantiti. Selain itu, pihak Audit mendapati Kelulusan Kuantiti Sementara (KKS) diberi kepada pembinaan Ruang Menunggu di Lobi PDTKP dan satu (1) Pelarasan Harga

Kontrak (PHK) berjumlah RM67,600 bagi projek Jambatan Serta Kerja-kerja Berkaitan di Air Kuning, Kg. Kepis Ulu, Johol. Semakan terhadap semua APK yang diluluskan oleh PP bagi tiga (3) projek tersebut mendapati ia telah mematuhi syarat APK yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan telah menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dengan prestasi kewangan mencapai sebanyak 94.9% bagi tahun 2015 hingga tahun 2017.

1.6.2. Pengurusan Projek

1.6.2.1. Perancangan Projek

Merujuk kepada Prosedur Kerja PDTKP, semua projek pembinaan kemudahan awam di mukim-mukim adalah di bawah tanggungjawab dan kelulusan Pegawai Daerah. Bagaimanapun, projek kemudahan awam yang dirancang juga hendaklah mengambil kira sumber seperti permohonan penduduk dan perbincangan dengan komuniti setempat berdasarkan minit perbincangan atau minit mesyuarat.

a. Permohonan Kemudahan Awam

- i. Semakan Audit terhadap fail Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) bagi permohonan orang awam, semua permohonan pembinaan kemudahan awam hendaklah dibuat melalui Wakil Rakyat atau Pegawai Daerah. Selain itu, permohonan juga boleh dimajukan melalui Ketua Kampung atau JKKK. Setiap surat permohonan yang diterima perlu difaiklan dengan teratur bagi tindakan siasatan lanjut.
- ii. Bagaimanapun, Pegawai Daerah juga boleh mempertimbangkan mengikut kesesuaian mana-mana projek kemudahan awam yang ingin dibina berdasarkan peruntukan dan keperluan semasa penduduk setempat.
- iii. Pihak Audit telah memilih lima (5) projek yang telah dibina oleh PDTKP bagi mengenal pasti sama ada projek-projek ini telah memenuhi keperluan kepada penduduk setempat. Projek-projek berkenaan ialah Bina Jalan ke Perkampungan Kemboja, Bina Jalan Kg. MARA Parit Tinggi, Bina Jambatan di Kg. Jawa, Bina Gabion di Kg. Batu 1, Jalan Tampin dan Bina Jambatan di Kg. Beting dengan nilai keseluruhan projek ialah RM327,177.

iv. Semakan ke atas lima (5) buah fail permohonan kemudahan awam berkaitan projek-projek berkenaan mendapati hanya dua (2) projek iaitu Jambatan Kg. Beting dan Gabion di Batu 1, Jalan Tampin yang menunjukkan projek tersebut mengambil kira permohonan yang dibuat oleh orang awam. Manakala tiga (3) projek yang lain tidak dapat dibuktikan punca sumber permohonannya kerana tiada dokumen permohonan, minit mesyuarat atau minit perbincangan difailkan. Bagaimanapun, lawatan Audit ke lima (5) lokasi projek pada 7 dan 8 November 2017 mendapati semua projek tersebut telah siap dan penduduk setempat telah mendapat manfaat dari setiap kemudahan awam yang dibina. Maklumat berkaitan projek adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 1.3
PERMOHONAN PROJEK KEMUDAHAN AWAM PDTKP**

NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	SURAT PERMOHONAN (Ada/Tiada)	HASIL LAWATAN AUDIT
Bina Jalan ke Perkampungan Kemboja	56,905	Tiada	Jalan ke Perkampungan Kemboja telah dibina bagi kegunaan penduduk.
Bina Jalan Kg. MARA Parit Tinggi	65,754	Tiada	Jalan Kg. MARA Parit Tinggi telah dibina bagi menghubungkan jalan utama ke rumah penduduk.
Bina Jambatan di Kg. Jawa	63,610	Tiada	Jambatan di Kg. Jawa telah dibina bagi kegunaan penduduk.
Bina Gabion di Kg. Batu 1, Jalan Tampin	93,660	Ada	Gabion telah dibina bagi menghalang hakisan sungai berdekatan rumah penduduk.
Bina Jambatan di Kg. Beting	47,248	Ada	Jambatan di Kg. Beting telah dibina bagi menggantikan jambatan asal yang telah roboh.
JUMLAH	327,177		

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

v. Pihak Audit mendapati punca perkara ini berlaku adalah disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab mengikut mukim tidak menyediakan laporan seperti minit mesyuarat, minit perbincangan dan laporan di lokasi setelah perbincangan dibuat dengan JKKA atau penduduk setempat. Kelemahan ini telah menyebabkan PDTKP tidak dapat menentukan tahap kecekapan pegawainya dalam menguruskan setiap permohonan penduduk bagi semua cadangan projek yang dikemukakan setiap tahun.

b. Proses Permohonan

i. PDTKP menerima pelbagai sumber permohonan iaitu melalui surat, panggilan telefon, mesej pesanan ringkas (*sms* dan *What's App*) atau secara lisan. Prosedur Kerja PDTKP bagi aktiviti pengurusan permohonan kemudahan awam menyatakan Penolong Jurutera Kanan (PJK) atau Penolong Jurutera (PJ) akan melaksanakan siasatan terhadap permohonan yang diterima. PJK atau PJ akan menyediakan laporan hasil daripada siasatan yang telah dibuat.

- ii. PJK atau PJ akan melaporkan penilaian keperluan kemudahan awam oleh penduduk sama ada perlu dilaksanakan dengan segera berserta anggaran peruntukan. Laporan tersebut adalah penting bagi menyediakan reka bentuk projek kemudahan awam yang akan dibina.
- iii. Pihak Audit mendapati PJK atau PJ hanya bergantung pada fail permohonan projek sahaja. Tiada daftar permohonan yang lengkap diselenggarakan sepanjang tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017. Pengurusan rekod dan fail yang tidak teratur telah menyukarkan PJK atau PJ membuat pemantauan kecekapan pegawai bawahannya untuk memastikan tindakan siasatan seterusnya dilaksanakan bagi setiap permohonan yang difaikkan. Hasil semakan terhadap 17 permohonan yang diterima PDTKP dari tahun 2015 hingga tahun 2017 mendapati hanya dua (2) permohonan sahaja disusuli dengan laporan siasatan oleh PJ. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, PDTKP telah merekodkan hasil siasatan secara bertulis bermula bulan Julai tahun 2017.

Maklum Balas PDTKP yang Diterima pada 22 Februari 2018

Arahan untuk menjalankan siasatan kepada PJ telah disampaikan di dalam kertas minit fail JKKK. Bagi tahun 2015 hingga tahun 2017, hasil siasatan yang telah diadakan dilaporkan secara lisan kepada PJK dan Penolong Pegawai Daerah (PPD) atau direkodkan semula di atas kertas minit pada fail JKKK untuk tindakan selanjutnya. Bagi permohonan yang diterima selepas Julai 2017, hasil laporan siasatan telah direkodkan di dalam satu format laporan siasatan yang telah mula dikuatkuasakan di PDTKP pada Ogos 2017 dan didaftarkan semula di dalam fail JKKK untuk tindakan selanjutnya oleh pegawai bertanggungjawab. Bagaimanapun, proses tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan kekangan masa pegawai. Pihak PDTKP akan melengkapkan sepenuhnya laporan siasatan mengikut format yang telah disediakan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan adalah tidak cekap dan masih boleh ditambah baik bagi menilai prestasi kecekapan pegawai dalam menguruskan permohonan oleh penduduk terhadap setiap cadangan projek pembinaan kemudahan awam.

1.6.2.2. Pengurusan Pembayaran

Semua 24 projek pembinaan kemudahan awam yang telah diluluskan peruntukan dipilih bagi menilai kecekapan PDTKP dari aspek pengurusan pembayaran. Semakan adalah merujuk kepada Arahan Perbendaharaan bagi melihat kecekapan pegawai dalam menyelesaikan semua proses pembayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan. Hasil semakan Audit mendapat kelemahan seperti berikut:

a. Pengurusan Pembayaran

- i. Arahan Perbendaharaan perkara 99 menyatakan baucar bayaran hendaklah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- ii. Semakan Audit mendapat semua projek kemudahan awam yang disemak pembayaran dilakukan dengan melibatkan 24 baucar bayaran bernilai RM1.27 juta. Kesemua baucar bayaran telah disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagaimanapun, terdapat butiran pada dokumen sokongan yang tidak lengkap bagi inden kerja, invois dan polisi insurans. Ringkasan perincian butiran di dokumen sokongan yang tidak lengkap dan bilangan projek terlibat adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 1.4
DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK LENGKAP**

BIL.	PERKARA	BILANGAN PROJEK	MAKLUMAT YANG TIDAK LENGKAP
1.	Inden kerja	12	<ul style="list-style-type: none">• Tiada tarikh• Tiada tandatangan• Perakuan bayaran pada inden tidak lengkap
2.	Invois daripada kontraktor	5	<ul style="list-style-type: none">• Tiada tarikh cop terima
3.	Polisi insurans	1	<ul style="list-style-type: none">• Tiada insurans bagi tempoh EOT

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

Maklum Balas PDTKP yang Diterima pada 22 Februari 2018

PDTKP akan memastikan invois yang diterima lengkap dengan tarikh dan dicop terima. Selain itu, PDTKP akan menjadikan Perakuan Semakan Kerja (final measurement) sebagai salah satu dokumen sokongan bayaran bagi projek peruntukan negeri. Pihak PDTKP akan memastikan borang inden yang lengkap sahaja yang akan diterima dan diluluskan untuk pembayaran projek.

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan pembayaran adalah baik. Bagaimanapun, terdapat kelemahan pada peringkat penyemak untuk memastikan semua butiran di dokumen sokongan adalah lengkap.

1.6.2.3. Kualiti dan Spesifikasi Pelaksanaan Projek Pembinaan Kemudahan Awam

- a. Pelaksanaan projek hendaklah disempurnakan mengikut spesifikasi dan terma-terma lain yang terkandung dalam syarat-syarat am tawaran, senarai kuantiti dan lukisan pembinaan bagi memastikan kualiti projek terjamin.
- b. Lawatan Audit ke tujuh (7) projek pembinaan baru kemudahan awam dan dua (2) kuarters Kerajaan yang disenggara pada 7 dan 8 November 2017 mendapati empat (4) projek yang dibina adalah tidak mengikut spesifikasi dan standard piawaian pembinaan. Ini kerana kerja yang dilaksanakan tidak mengikut seperti lukisan pembinaan dan BQ serta hasil kerja siap yang kurang berkualiti. Manakala dua (2) kuarters Kerajaan tidak disenggara dengan baik.
- c. Perincian penemuan Audit bagi lima (5) projek pembinaan kemudahan awam dan penyenggaraan dua (2) kuarters Kerajaan adalah seperti berikut:
 - i. **Membina Susur Gajah di Perkarangan Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah**
 - Projek Membina Susur Gajah di Perkarangan Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah merupakan projek di bawah peruntukan P59/13000 dengan waran peruntukan yang diturunkan sejumlah RM100,000. Pihak PDTKP telah melantik kontraktor dengan kos projek berjumlah RM80,634. Tempoh siap projek ini adalah selama enam (6) minggu iaitu bermula pada 5 April 2017 hingga 17 Mei 2017. Skop kerja projek ini meliputi kerja-kerja membekal dan memasang struktur keluli bagi susur gajah dan tempat letak kenderaan, talang cucur atap separuh bulat bersaiz 150mm diameter, salur tegak air hujan bersaiz 150mm diameter, memasang *awning* dan kerja-kerja membina petak tempat letak kereta.
 - Lawatan Audit pada 8 November 2017 ke tapak projek mendapati kerja-kerja pembinaan seperti salur tegak air hujan dan tiang tidak mengikut spesifikasi, kuantiti yang ditetapkan dalam BQ serta lukisan pembinaan. Bagaimanapun, semakan terhadap baucar bayaran yang bertarikh 8 Jun 2017 mendapati bayaran telah dibuat sepenuhnya berjumlah RM80,634. Butiran lanjut adalah seperti jadual dan gambar berikut:

JADUAL 1.5
KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

BIL.	BUTIRAN KERJA	JENIS/SAIZ (BQ)	SEMAKAN AUDIT
1.	Membekal dan memasang 150mm diameter salur tegak air hujan dengan sambungan soket dan dipasang pada dinding dengan bolt dan pendakap dan pemasangan liku pada setiap tiang seperti di Gambar 1.1 .	150mm Diameter	100mm Diameter
2.	Membekal dan memasang awning bergelugur bagi kawasan melebihi 5 meter persegi termasuk 25mm tebal bingkai/rangka besi (<i>framing</i>) dengan pemasangan tiang 120mm x 120mm x 22.7 kg seperti di Gambar 1.2 .	120mm x 120mm	100mm x 100mm

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

GAMBAR 1.1



Susur Gajah PDTKP
100mm Diameter Salur Tegak Air Hujan
(08.11.2017)

GAMBAR 1.2



Susur Gajah PDTKP
Pemasangan Tiang 100mm x 100mm
(08.11.2017)

Maklum Balas PDTKP yang Diterima pada 22 Februari 2018

Pihak PDTKP mempunyai kekangan kepakaran bagi mengesahkan lukisan pembinaan walaupun mempunyai seorang Pelukis Pelan. Bagaimanapun, PDTKP boleh menggunakan pendekatan G2G bersama pihak JKR. Namun begitu, pihak JKR memaklumkan sekiranya projek tersebut tidak dilaksanakan oleh JKR, agensi tersebut tidak akan bertanggungjawab dengan lukisan yang dikeluarkan oleh PDTKP.

Mengenai pembinaan yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti yang telah ditetapkan bagi item Salur Tegak Air Hujan, pihak PDTKP telah meminta pihak kontraktor untuk menukar item mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Manakala item tiang, pembinaan di tapak adalah mengikut lukisan pembinaan dan tidak berdasarkan spesifikasi kerja.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi Pembinaan Susur Gajah di Perkarangan Kompleks Pentadbiran Daerah Kuala Pilah adalah tidak berhemat kerana berlakunya pembayaran tidak teratur (*improper payment*) bagi kerja-kerja dilaksanakan di tapak. Pihak PDTKP telah membuat pembayaran penuh kepada pihak kontraktor tanpa membuat ukuran akhir.

ii. Bina Baru Jalan di Kg. Mara Parit Tinggi

- Projek Bina Baru Jalan di Kg. Mara Parit Tinggi merupakan projek di bawah peruntukan P57/15000 dengan waran peruntukan yang diturunkan sejumlah RM70,000. Pihak PDTKP telah melantik kontraktor dengan kos projek berjumlah RM65,754. Tempoh siap projek ini adalah selama empat (4) minggu iaitu bermula pada 25 April 2016 hingga 23 Mei 2016. Skop kerja projek ini meliputi kerja-kerja membekal menghampar bahan dasar jalan (*road base*), lapisan haus (*macadam bitumen*) berserta bitumen cecair (*prime coat*) dan membekal, memasang dan membina longkang.
- Lawatan Audit pada 7 November 2017 ke tapak projek mendapati kuantiti kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan di tapak bina tidak mengikut BQ yang telah ditetapkan, tanpa kelulusan PHK dan tiada ukuran akhir dibuat sebelum bayaran akhir dilakukan. Selain itu, tiada lukisan pembinaan disediakan bagi projek ini. Pihak Audit dimaklumkan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh pelukis pelan juga diberi tanggungjawab untuk menjaga projek.
- Semakan terhadap baucar bayaran yang bertarikh 6 Jun 2016 mendapati bayaran telah dibuat sepenuhnya berjumlah RM65,754 walaupun kerja di tapak projek tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti yang ditetapkan. Ini menyebabkan berlaku pembayaran tidak teratur iaitu sejumlah RM25,967.38 telah terlebih bayar. Butiran lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 1.6
KERJA-KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SENARAI KUANTITI

BIL.	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI		KADAR (RM)		JUMLAH (RM)		LEBIH/KURANG (RM)
			ASAL	SEBENAR	ASAL	SEBENAR	ASAL	SEBENAR	
1.	Batu-batu hancur atau bahan dasar jalan (<i>road base</i>) lain yang setara dan diluluskan, dimampatkan sehingga 150mm tebal.	M2	855	375.97	20.00	20.00	17,100.00	7,519.40	9,580.60
2.	Membekal dan menghampar lapisan haus (<i>macadam bitumen</i>) termasuk satu (1) lapisan bitumen cecair (<i>tack mcoat</i>).	M2	987	375.97	26.00	26.00	25,662.00	9,775.22	15,886.78
3.	Kerja-kerja membina <i>sump</i> dengan binaan batu-bata berukuran 2'0" x 2'0" dan lain-lain kerja.	No	3	2	500.00	500.00	1,500.00	1,000.00	500.00
JUMLAH							44,262.00	18,294.62	25,967.38

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi Bina Baru Jalan di Kg. Mara Parit Tinggi adalah tidak berhemat kerana berlakunya pembayaran tidak teratur (*improper payment*) bagi kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak. Pihak PDTKP telah membuat pembayaran penuh kepada pihak kontraktor tanpa membuat ukuran akhir.


iii. Bina Baru Jambatan

- Dua (2) projek dipilih iaitu Projek Bina Baru Jambatan dan Lain-lain Kerja di Kg. Jawa dan Bina Baru Jambatan di Kg. Beting serta Kerja-kerja Berkaitan di JKKK Beting.
- Kerja-kerja pemasangan dan spesifikasi *bearing plate* tidak dinyatakan secara terperinci di dalam BQ. Ini disebabkan BQ bagi kerja-kerja pembinaan jambatan dilaksanakan secara pukal.
- Projek Bina Baru Jambatan dan Lain-lain Kerja di Kg. Jawa merupakan projek di bawah peruntukan P57/15000 dengan waran peruntukan yang diturunkan sebanyak RM70,000. Pihak PDTKP telah melantik kontraktor dengan kos projek berjumlah RM63,610. Tempoh siap projek ini adalah selama enam (6) minggu iaitu bermula pada 28 Julai 2016 hingga 8 September 2016. Projek ini dibina berdasarkan sumber aduan daripada pihak JKKK Kg. Jawa bertarikh 8 Disember 2016 yang memerlukan jambatan baru kerana jambatan lama telah usang. Skop kerja projek ini meliputi kerja-kerja membekal dan menyiapkan jambatan konkrit dan kerja-kerja pemasangan *gabion*.
- Projek Bina Baru Jambatan Baru di Kg. Beting Serta Kerja-kerja Berkaitan di JKKK Beting merupakan projek di bawah peruntukan P57/15000 dengan waran peruntukan yang diturunkan sebanyak RM50,000. Pihak PDTKP telah melantik kontraktor dengan kos projek berjumlah RM47,248. Tempoh siap projek ini adalah selama enam (6) minggu iaitu bermula pada 12 Julai 2017 hingga 23 Ogos 2017. Skop kerja projek ini meliputi kerja-kerja membekal dan menyiapkan jambatan konkrit dan kerja-kerja pemasangan *gabion*.
- Lawatan Audit pada 7 November 2017 di tapak projek mendapati kerja-kerja pembinaan yang telah dilaksanakan di tapak bina tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan lukisan pembinaan. Hasil lawatan didapati jambatan yang telah siap dibina tidak dipasang *bearing plate* pada struktur jambatan tersebut. Keadaan ini akan


memberi risiko kepada pengguna sekiranya berlaku keretakan pada struktur jambatan. Bagaimanapun, item *bearing plate* tersebut dinyatakan secara pukal di dalam kerja-kerja pembinaan jambatan.

- Semakan terhadap baucar bayaran yang bertarikh 7 September 2016 dan 8 Ogos 2017 mendapati bayaran telah dibuat sepenuhnya bagi kedua-dua projek masing-masing berjumlah RM63,610 dan RM47,248 walaupun kerja di tapak projek tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pihak Audit telah membuat semakan standard minimum bagi pembinaan jambatan daripada JPS dan mendapati *bearing plate* ini merupakan standard asas yang perlu ada bagi menjamin jangka hayat jambatan tersebut. Ia juga berfungsi untuk memindahkan bebanan serta memudahkan pergerakan semasa perubahan cuaca (*expansion and contraction*). Butiran lanjut adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 1.3




GAMBAR 1.4



Jambatan di Kg. Jawa dan Kg. Beting
- Lukisan Pembinaan Ada Menyatakan Kerja-Kerja Pemasangan Bearing Plate
(07.11.2017)

GAMBAR 1.5



GAMBAR 1.6



Jambatan di Kg. Jawa
- Tiada Bearing Plate Dipasang pada Struktur Jambatan
(07.11.2017)



GAMBAR 1.7

Jambatan Baru di Kg. Beting
- Tiada Bearing Plate Dipasang pada Struktur
Jambatan
(07.11.2017)

Maklum Balas PDTKP yang Diterima pada 21 Januari 2018

Projek pembinaan jambatan oleh PDTKP adalah berdasarkan lukisan yang telah dimuktamadkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Namun begitu, pemasangan bearing plates tidak dilaksanakan di tapak atas sebab spesifikasi kerja berdasarkan unit pukal. Bagi projek pembinaan jambatan baru, PDTKP dengan kelulusan Pegawai Pengawal akan menyerahkan projek tersebut kepada pihak JKR.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan bagi Bina Baru Jambatan dan Lain-lain Kerja di Kg. Jawa dan Bina Baru Jambatan di Kg. Beting Serta Kerja-Kerja Berkaitan di JKJKK Beting dan adalah tidak berhemat kerana berlakunya pembayaran tidak teratur (*improper payment*) bagi kerja-kerja dilaksanakan di tapak. Pihak PDTKP telah membuat pembayaran penuh kepada pihak kontraktor tanpa membuat ukuran akhir.

1.6.2.4. Pemantauan Kemajuan Projek

Pemantauan yang dirancang dan dilaksanakan dengan berkala di setiap peringkat secara tidak langsung dapat membantu PDTKP menjalankan aktiviti pemantauan dengan berkesan. Sistem pemantauan yang mantap dan komprehensif dapat memastikan sebarang masalah boleh diatasi bagi melancarkan perjalanan semua aktiviti berkaitan projek untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

a. Laporan Prestasi Pembinaan Projek Kemudahan di Tapak

- i. Pemantauan kemajuan projek secara keseluruhannya mencerminkan susunan operasi kerja yang munasabah dan objektif untuk membolehkan keseluruhan kerja disiapkan pada atau sebelum tarikh siap.
- ii. Semakan Audit mendapati pihak PDTKP ada menjalankan pemantauan terhadap kemajuan projek tetapi rekod laporan pemantauan tidak

difailkan dengan teratur. Kelemahan ini telah menyebabkan pihak PDTKP tidak dapat membuktikan pemantauan projek dilaksanakan dan laporan siasatan telah dilakukan seperti ditetapkan dalam Prosedur Kerja PDTKP. Kelemahan kawalan dalam bagi membuat pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai di tapak projek telah menyebabkan projek dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan dan tidak sempurna. Implikasi terhadap kelemahan ini telah menyebabkan PDTKP tidak dapat membuat teguran kepada kontraktor terhadap kualiti kerja pembinaan dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) bagi semua projek memandangkan tiada dokumen sokongan yang boleh dirujuk. Bagaimanapun, selepas teguran Audit, PDTKP telah mengambil langkah penambahbaikan terhadap penyediaan laporan siasatan di tapak projek secara rasmi.

b. Laporan Pengurusan Projek Kemudahan Awam

- i. PDTKP melaporkan prestasi kemajuan projek pembinaan kemudahan awam di dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Daerah Kuala Pilah bahawa tiada garis panduan yang boleh dirujuk bagi membantu PDTKP memantau dan melaksanakan projek dengan lebih tersusun dan sistematik. Perlaksanaan projek adalah berdasarkan proses kerja sedia ada dan berdasarkan kefahaman pegawai sahaja.
- ii. Pihak Audit mendapati PDTKP ada menjalankan pemantauan berkala bagi setiap projek yang dilaksanakan tetapi tidak direkodkan secara bertulis. Pihak Audit dimaklumkan semasa mesyuarat *exit conference* bahawa status kemajuan projek ada dilaporkan secara ringkas dan dilaporkan setiap bulan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah. Bagaimanapun, fail mesyuarat berkaitan tidak dikemukakan sebagai bukti pemantauan tersebut.

Maklum Balas PDTKP yang Diterima pada 21 Januari 2018

Pihak PDTKP akan mewujudkan Buku Laporan Pemantauan Projek bagi memantau projek yang dilaksanakan dan mengenal pasti masalah di tapak dengan lebih cepat selewat-lewatnya pada bulan Jun 2018.

Pada pendapat Audit, PDTKP mempunyai sistem kawalan pemantauan bagi semua projek kemudahan awam yang dilaksanakan tetapi mekanisme pemantauan ini masih belum mencukupi bagi memastikan semua projek yang dilaksanakan berjalan lancar, isu-isu dibincangkan dengan terperinci

dan diselesaikan bagi mengelakkan sebagai risiko kecacatan selepas projek siap yang boleh memberi implikasi peningkatan kos penyenggaraan pada masa hadapan.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang untuk pengurusan pembinaan baru kemudahan awam, adalah disyorkan supaya pihak PDTKP memperbaiki beberapa kelemahan yang dinyatakan seperti berikut:

- 1.7.1. menyediakan garis panduan yang komprehensif mengenai pengurusan pembinaan kemudahan awam untuk dijadikan rujukan pegawai dan meningkatkan pemantauan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan di samping memastikan semua pembinaan projek kemudahan awam adalah berdasarkan keperluan sebenar penduduk setempat;
- 1.7.2. menjalinkan hubungan kerja yang lebih erat antara jabatan-jabatan berkepentingan menggunakan model *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) iaitu di antara Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memandangkan wujudnya kekangan kepakaran teknikal bagi penyediaan lukisan pembinaan dan lukisan struktur di peringkat daerah; dan
- 1.7.3. mengadakan naziran dalaman secara berkala bagi memastikan semua peraturan pembinaan projek dipatuhi, pengurusan perancangan kemudahan awam yang lebih tersusun dan pematuhan urusan perolehan dan pembayaran sepanjang masa bagi mengelakkan risiko penyelewengan, pembaziran dan salah guna kuasa.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SEMBILAN

2. PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN TEKNOLOGI PERTANIAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Salah satu perkhidmatan teras Jabatan Pertanian adalah memberi khidmat pengembangan dan pembangunan pertanian melalui pemindahan teknologi berteraskan amalan baik di sepanjang rantaian nilai bagi meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta memastikan pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan. Berdasarkan anggaran belanjawan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi tahun 2016, perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian dilaksanakan bertujuan bagi:

- a. memperkayakan pengetahuan pengusaha untuk menambah nilai kepada produk yang dikeluarkan melalui latihan berstruktur;
- b. meneroka opsyen bagi meningkatkan kecekapan operasi pengeluaran melalui pengurusan kos yang cekap;
- c. peningkatan tahap keperluan melalui konsultasi dan pengkajian yang persis; dan
- d. menyediakan mekanisme yang membolehkan pengusaha dapat menggunakan hasil penyelidikan yang dapat mengurangkan impak ke atas alam sekitar dalam sistem pengeluaran pertanian melalui latihan, *hands on*, petak-petak demonstrasi dan promosi teknologi dan pameran di Hari Ladang.

2.1.2. Perkhidmatan ini dilaksanakan melalui lima (5) aktiviti utama iaitu Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, Naik Taraf/Penyenggaraan Pusat Pertanian, Program Hari Ladang, Latihan Pegawai dan Petani serta Komunikasi Pengembangan. Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan tersebut di Jabatan Pertanian Negeri Sembilan (JPNS) adalah Seksyen Metodologi Pengembangan, Bahagian Pengembangan, Perundingan dan Pelaburan. Objektif perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian adalah seperti berikut:

- a. memperkasakan sistem penyampaian aktiviti pengembangan di jabatan bagi meningkatkan keberkesanan perlaksanaan projek dengan penerapan teknologi;
- b. meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tahap profesionalisme pegawai dalam aspek-aspek teknikal mengenai tanaman makanan yang dikenal pasti selaras dengan dasar agro makanan negara;

- c. menjalankan program dan aktiviti komunikasi pertanian bagi memperkuatkan dan menyokong program pengembangan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan secara efisien dan berkualiti; dan
- d. melahirkan golongan sasar berpengetahuan dan berdaya saing serta berketerampilan mengikut perkembangan dan pembangunan pertanian semasa.

2.1.3. Dalam melaksanakan aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian, JPNS telah menggunakan pakai peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti Manual Pengembangan Pertanian, Manual Prosedur Kerja JPNS, MS ISO 9001 2008 Manual Kualiti Perkhidmatan Pengembangan Pertanian dan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP). Bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017, JPNS telah mendapat peruntukan di bawah lapan (8) komponen berjumlah RM4.7 juta dan telah melaksanakan 824 projek di bawah lima (5) aktiviti utama. Butiran lanjut mengenai pelaksanaan aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah seperti di jadual berikut:

**JADUAL 2.1
PELAKSANAAN AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN
TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017**

BIL.	AKTIVITI	BILANGAN PROJEK/PROGRAM/KERJA/LATIHAN			JUMLAH
		2015	2016	2017	
1.	Petak Demonstrasi	0	2	8	10
	Petak Pemerhatian	0	3	12	15
2.	Naik Taraf/Penyenggaraan Pusat Pertanian	34	26	26	86
3.	Hari Ladang	13	12	14	39
4.	Latihan Pegawai	36	38	43	117
	Latihan Petani	141	213	179	533
5.	Komunikasi Pengembangan	10	7	7	24
JUMLAH		234	301	289	824

Sumber: JPNS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian JPNS telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

2.3.1. Skop pengauditan meliputi aktiviti yang dilaksanakan oleh JPNS di bawah lima (5) aktiviti utama perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian iaitu Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, Pembangunan Pusat Pertanian, Program Hari Ladang, Latihan Pegawai dan Petani serta Komunikasi Pengembangan. Lokasi Pusat Pertanian Daerah yang terlibat adalah di Seremban, Jelebu, Tampin, Jempol,

Kuala Pilah, Port Dickson dan Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri, Rembau. Tempoh pengauditan adalah bagi tahun 2015 hingga tahun 2017. Pengauditan ini terbahagi kepada dua (2) perkara iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu pencapaian output projek, pencapaian *outcome* projek dan prestasi kewangan. Manakala pengurusan projek pula meliputi pengurusan perolehan dan mekanisme pemantauan. Bagi tujuan semakan dokumen dan lawatan fizikal di tapak, kriteria pemilihan sampel adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
PEMILIHAN SAMPEL PENGAUDITAN PERKHIDMATAN
PENGEMBANGAN TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	PERKARA	BILANGAN SAMPEL			KRITERIA PEMILIHAN SAMPEL
		2015	2016	2017	
SEMAKAN DOKUMEN					
1.	Petak Demonstrasi	14	2	9	<ul style="list-style-type: none"> • 30% daripada jumlah projek atau minimum 30 projek • Kesemua projek telah dipilih kerana projek tahun 2015 tidak dilaksanakan
	Petak Pemerhatian	-	3	12	
2.	Naik Taraf/ Penyenggaraan Pusat Pertanian	6	11	14	Projek yang bernilai RM15,000 ke atas
3.	Program Hari Ladang	13	12	14	Hari Ladang yang telah dilaksanakan
4.	Latihan Pegawai	15	15	15	10% daripada jumlah latihan yang dianjurkan
	Latihan Petani	14	21	18	
5.	Komunikasi Pengembangan	10	7	7	Semua perolehan
SAMPEL LAWATAN FIZIKAL AUDIT					
6.	Petak Demonstrasi	-	1	6	<ul style="list-style-type: none"> • Projek yang telah mendapat keputusan • Projek yang lewat dilaksanakan • Semua empat (4) projek tahun 2015
	Petak Pemerhatian		2	8	
7.	Pembangunan Pusat Pertanian	6	11	14	Projek yang bernilai RM15,000 ke atas

Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak data, rekod, dokumen, baucar bayaran, Surat Setuju Terima dan fail yang berkaitan. Lawatan fizikal turut dijalankan ke Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian, Pusat Pertanian di daerah Seremban, Port Dickson, Tampin, Jempol, Jelebu dan Kuala Pilah serta Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri dan Pusat Kejuruteraan Pedas di Rembau bagi menilai status projek yang dilaksanakan adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual gerak kerja, kerja naik taraf/penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut spesifikasi ditetapkan dan telah diguna dengan sebaiknya. Pihak Audit turut mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan daripada Unit Teknikal, Jabatan Audit Negara. Temu bual bersama pegawai berkaitan dan pengusaha/petani terlibat telah dibuat bagi mendapat maklumat dan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh. Selain JPNS, maklumat yang berkaitan turut diperoleh daripada Bahagian Teknikal Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) Negeri Sembilan dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS). Pihak Audit

juga telah menggunakan proses analisis data melalui perisian *Audit Command Language* (ACL) bagi senarai baucar yang berkaitan di bawah kod projek 31000 iaitu perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian.

2.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2017 hingga Januari 2018 merumuskan perkara berikut:

2.5.1. Prestasi Projek Perkhidmatan Pengembangan Teknologi Pertanian

Prestasi projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian JPNS secara keseluruhannya mencapai objektif yang ditetapkan di mana sepanjang tahun 2015 hingga 2017 pelaksanaan projek berbanding sasaran telah dapat dicapai antara 97.3% hingga 100%. Bagaimanapun, masih terdapat prestasi pelaksanaan yang kurang cekap, berhemat dan berkesan seperti butiran berikut:

- a. Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian yang telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan; dan
- b. hasil kajian teknologi daripada pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian tahun 2016 belum dapat dinilai keberhasilannya kerana tiada rancangan bagi memastikan kesinambungan projek dan laporan pencapaian mengenainya. Manakala projek tahun 2017 bermula lewat dan tidak dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan bagi melihat impak teknologi pertanian tersebut terhadap produk.

2.5.2. Pengurusan Projek

Pengurusan projek pula telah dinilai berdasarkan pengurusan perolehan dan pemantauan. Secara keseluruhannya masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh JPNS bagi perkara seperti berikut:

- a. kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditetapkan;
- b. kerosakan dan keretakan di bangunan Kompleks Pertanian Ulu Sepri (KTPUS) tidak dibaiki yang boleh mengganggu kelancaran program bagi petak demonstrasi dan petak pemerhatian serta latihan pegawai dan petani;
- c. Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri ada melaporkan berkaitan prestasi dan pelaksanaan berkaitan perkhidmatan pengembangan pertanian, namun ia tidak diperincikan; dan

- d. tiada wakil daripada JPNS dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA yang dipengerusikan oleh Pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah bagi membincangkan mengenai perancangan, pelaksanaan dan masalah dihadapi di Petak Demonstrasi dan Pemerhatian.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas Jabatan Pertanian Negeri Sembilan telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 6 April 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti berenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Projek

2.6.1.1. Pencapaian *Output* Projek

- a. Penilaian prestasi projek diukur berdasarkan sasaran dan pelaksanaannya. Bahagian Pengembangan JPNS setiap tahun akan membuat perancangan tahunan projek yang akan dilaksanakan di bawah lima (5) aktiviti utama iaitu Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, Naik Taraf/Penyenggaraan Pusat Pertanian, Hari Ladang, Latihan Pegawai dan Petani serta Komunikasi Pengembangan. Prestasi pelaksanaan projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian bagi tahun 2015 hingga tahun 2017 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.3
PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN
TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017

BIL.	AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN	SASARAN PELAKSANAAN			PELAKSANAAN SEBENAR			PERATUS PENCAPAIAN (%)		
		2015	2016	2017	2015	2016	2017	2015	2016	2017
1.	Petak Demonstrasi	16	2	9	0	2	8	0	100	88.9
	Petak Pemerhatian	6	3	12	0	3	12	0	100	100
2.	Naik Taraf/ Penyenggaraan Pusat Pertanian	24	24	24	34	26	26	142	108	108
3.	Hari Ladang	12	12	14	13	12	14	108	100	100
4.	Latihan Pegawai	19	30	38	36	38	43	190	127	113
	Latihan Petani	147	185	193	141	213	179	96	115	93
5.	Komunikasi Pengembangan	10	7	7	10	7	7	100	100	100
JUMLAH		234	263	297	234	301	289	100	114.4	97.3

Sumber: JPNS

- b. Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya JPNS telah melaksanakan 234 projek iaitu 100% berbanding sasaran pada tahun 2015. Bagaimanapun, walaupun 100% projek tahun 2015 telah dilaksanakan berbanding sasaran, namun projek bagi Petak Demonstrasi dan

Pemerhatian tidak dilaksanakan. Bagi tahun 2016 pula, sebanyak 301 projek berbanding 263 yang disasarkan (114.1%). Manakala, bagi tahun 2017 pula, sebanyak 289 daripada 297 atau 97.3% projek telah dilaksanakan. Perbezaan tersebut adalah disebabkan dua (2) Petak Demonstrasi yang tidak dilaksanakan.

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri tahun 2015 mendapati, kesemua 22 projek Petak Demonstrasi dan Pemerhatian yang telah dirancang bagi tahun 2015 tidak dilaksanakan. Semakan lanjut Audit terhadap 11 baucar bayaran berjumlah RM18,271 mendapati JPNS hanya menjalankan cara pembuatan dan penggunaan *Organic Plant Booster* (OPB) secara *hands-on* kepada petani. Penggunaan OPB diberikan keutamaan kerana ia dilihat berjaya memberi kesan yang baik dalam meningkatkan pendapatan petani. Manakala, bagi tahun 2017 pula, sebanyak 20 tajuk Petak Demonstrasi dan Pemerhatian telah dilaksanakan berbanding 21 sasaran yang ditetapkan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Pegawai Pertanian JPNS, kegagalan mencapai sasaran bagi tahun 2017 adalah disebabkan oleh pihak JPNS sukar untuk mengenal pasti usahawan yang berminat dan dapat memberikan komitmen terhadap tajuk yang telah dirancang.
- d. Semakan Audit terhadap latihan yang dianjurkan JPNS bagi projek ini mendapati latihan petani pada tahun 2015 dan tahun 2017 tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu masing-masing sebanyak enam (6) (141 berbanding 147) dan 14 (179 berbanding 193) kursus. Latihan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana pihak JPNS kekurangan tenaga pengajar di mana perlu memberi penumpuan dalam memberi latihan kepada pegawai bagi memastikan kesiapsiagaan terhadap kepakaran dan pengetahuan teknologi pertanian yang ingin diperkenalkan sebelum dipindahkan dan dikembangkan kepada bakal-bakal petani/usahawan. Ini menyebabkan latihan kepada bakal petani/usahawan tidak dapat dilaksanakan berdasarkan sasaran yang ditetapkan seterusnya mengakibatkan program-program yang dirancang kepada bakal pengusaha/petani dikurangkan.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Bagi Petak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi tahun 2015, keutamaan diberikan kepada aktiviti pembuatan dan penggunaan OPB untuk meningkatkan pengeluaran hasil pada tahun berkenaan. Manakala bagi tahun 2017, Petak Demonstrasi yang tidak dapat dilaksanakan telah dimulakan pada bulan Februari 2018.

Pada pendapat Audit, kecekapan projek masih belum dapat dicapai sepenuhnya kerana output yang dihasilkan daripada aktiviti Petak Demonstrasi dan Pemerhatian belum dapat dibuktikan keberkesanannya dan latihan berkaitan pengembangan teknologi pertanian belum diberikan sepenuhnya kepada petani.

2.6.1.2. Prestasi Kewangan

- Berdasarkan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2015, 2016 dan 2017 menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah merancang dan memastikan perbelanjaan dibuat dengan cermat dan berhemah selaras dengan belanjawan yang diluluskan. Di samping itu, perbelanjaan hendaklah berasaskan kepada jumlah peruntukan yang diluluskan sahaja sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Belanjawan dan Waran Peruntukan yang dikeluarkan.
- Bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017, sejumlah RM4.7 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan pengembangan teknologi pertanian dan daripada jumlah ini sejumlah RM4.66 juta (99.1%) telah dibelanjakan, seperti jadual berikut:


JADUAL 2.4
PRESTASI KEWANGAN PENGEMBANGAN
TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA TAHUN 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2015	1.31	1.30	99.2
2016	1.75	1.73	98.9
2017	1.64	1.63	99.4
JUMLAH	4.70	4.66	99.1

Sumber: JPNS

- Semakan Audit terhadap fail peruntukan dan fail belanjawan JPNS mendapati JPNS telah membelanjakan peruntukan yang diterima berdasarkan belanjawan yang diluluskan. Analisis lanjut Audit terhadap perbelanjaan Perkembangan Teknologi Pertanian bagi tempoh tersebut mendapati daripada RM4.66 juta yang dibelanjakan, sejumlah RM2.21 juta (48%) dibelanjakan untuk Projek Naik Taraf Penyenggaraan Pusat Pertanian. Perbelanjaan ini adalah tertinggi berbanding perbelanjaan aktiviti yang lain. Seterusnya, perbelanjaan kedua tertinggi sejumlah RM0.87 juta (19%) adalah perbelanjaan Lain-lain dikuti Latihan Pegawai dan Petani berjumlah RM0.7 juta (15%). Peratus pecahan perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.1
PECAHAN PERBELANJAAN BERDASARKAN
ANALISIS JABATAN AUDIT NEGARA
BAGI TAHUN 2015 HINGGA NOVEMBER 2017



Sumber: Jabatan Audit Negara

- d. Berdasarkan carta di atas, bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017 peruntukan perbelanjaan yang paling rendah digunakan adalah bagi Petak Demonstrasi dan Pemerhatian iaitu sebanyak RM0.11 juta atau 3% sahaja. Manakala, peruntukan perbelanjaan yang paling tinggi adalah bagi projek naik taraf/penyenggaraan Pusat Pertanian iaitu sebanyak RM2.21 juta atau 48%. Ia diikuti oleh Latihan Pegawai dan Petani sebanyak RM0.70 juta (15%), Komunikasi Pengembangan RM0.45 juta (10%) dan Hari Ladang sejumlah RM0.25 juta (5%). Ini menunjukkan keutamaan JPNS bukanlah pada projek teknologi pertanian melalui komponen Petak Demonstrasi dan Pemerhatian di mana projek-projek berkenaan pada tahun 2015 tidak dilaksanakan. Selain itu, peruntukan perbelanjaan bagi projek naik taraf dan penyenggaraan Pusat Pertanian telah diberi keutamaan yang menunjukkan bahawa peruntukan projek ini menjurus kepada penyediaan prasarana dan kemudahan berbanding usaha bagi memperkenalkan kaedah teknologi pertanian terbaru yang merupakan objektif utama projek.
- e. Manakala, sejumlah RM0.87 juta atau 19% daripada keseluruhan peruntukan dikategorikan di bawah lain-lain perbelanjaan iaitu perbelanjaan yang menyokong pelaksanaan lima (5) aktiviti utama tersebut. Analisis Audit mendapati daripada jumlah tersebut, sejumlah RM0.19 juta adalah bagi pembayaran makan dan minum untuk pelbagai mesyuarat perkhidmatan pengembangan dan gotong-royong di peringkat Ibu Pejabat dan daerah bagi tahun 2015 hingga tahun 2017. Selain itu, sejumlah RM0.20 juta adalah untuk pembayaran sewaan bas serta sewaan peralatan/khemah bagi lawatan/penganjuran pelbagai program (selain Hari Ladang) seperti Program

Gerak Kerja Transformasi JPNS dan Program TN50. Kesemua perbelanjaan tersebut adalah termaktub di bawah kelulusan belanjawan JPNS.

- f. Selain itu, pihak Audit juga mendapati JPNS telah membelanjakan sejumlah RM32,560 bagi tiga (3) kerja untuk Ibu Pejabat JPNS yang tidak sepatutnya digunakan di bawah perbelanjaan pembangunan iaitu seperti kerja menaik taraf rak fail pejabat, kerja menaik taraf bilik mesyuarat dan sistem akses pintu pejabat di mana perbelanjaan tersebut tidak termasuk di bawah perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian. Tambahan lagi, Ibu Pejabat JPNS bukanlah disenaraikan di bawah Pusat Pertanian.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Merujuk kepada skop dalam anggaran belanjawan pembangunan RMKe-11 menyatakan kos bagi melaksanakan satu Petak Demonstrasi ialah sejumlah RM4,000. Manakala jumlah peruntukan yang tinggi telah diperuntukkan untuk kerja-kerja naik taraf/penyenggaraan di Pusat Pertanian untuk menjadikannya sebagai pusat pembelajaran/latihan dan sebagai pusat contoh bagi pelaksanaan aktiviti pengembangan dalam teknologi pertanian. Selain itu, perbelanjaan yang dibuat di Ibu Pejabat bagi menambah baik ruang penyimpanan peralatan dan perkhidmatan percetakan serta telah mendapat teguran daripada Audit Keselamatan Pejabat (sistem akses pintu pejabat). JPNS menggunakan peruntukan pembangunan disebabkan JPNS tidak mempunyai peruntukan mengurus yang mencukupi bagi melaksanakan kerja tersebut.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang kecil dibelanjakan bagi tujuan aktiviti Petak Demonstrasi dan Pemerhatian boleh menjelaskan strategi JPNS bagi menggalakkan usahawan mengaplikasikan teknologi pertanian terkini seterusnya meningkatkan kecekapan dalam mengeluarkan produk-produk pertanian yang bermutu dan berkualiti tinggi.

2.6.1.3. Pencapaian Outcome Projek

Pelaksanaan projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian terdiri daripada lima (5) aktiviti utama. Melalui strategi ini, hasil-hasil pertanian dapat ditingkatkan bagi memenuhi permintaan pasaran yang tinggi dengan kos yang optimum dan harga yang lebih kompetitif. Seksyen Metodologi Pengembangan JPNS akan melaksanakan projek yang telah dirancang berdasarkan peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan seperti dalam Manual Pengembangan Pertanian, Manual Prosedur Kerja JPNS dan MS ISO 9001 2008 Manual Kualiti Perkhidmatan Pengembangan Pertanian. Butiran lanjut mengenai projek dan

objektif yang ditetapkan di bawah lima (5) aktiviti tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.5
BUTIRAN PROJEK DAN OBJEKTIF 5 KOMPONEN UTAMA PERKHIDMATAN PENGEMBANGAN TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL.	KOMPONEN UTAMA/KETERANGAN	OBJEKTIF PROJEK
1.	<p>Petak Demonstrasi Tajuk projek yang dipilih adalah berdasarkan teknologi yang telah disahkan berjaya/sesuai untuk digunakan.</p> <p>Petak Pemerhatian Tajuk projek yang dipilih adalah teknologi baru untuk dikaji sama ada ia berjaya/sesuai untuk dilaksanakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Petak dipilih di kawasan kebun petani/usahawan yang komited atau di Pusat Pertanian Daerah dan diurus selia oleh Agen Pengembangan Kawasan (APK) di setiap daerah terlibat. Contoh projek yang dilaksanakan adalah Penggunaan Umpam Protein Pada Tanaman Mangga (Demonstrasi) dan Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah (Pemerhatian). Projek akan dikawal selia oleh APK dan Pegawai Teknikal DOA dengan memastikan petani/usahawan telah melaksanakan Gerak Kerja yang telah ditetapkan. Laporan akan disediakan oleh APK dan Pegawai Teknikal DOA bagi melaporkan perkembangan projek sama ada berjaya atau gagal.
2.	Pembangunan Pusat Pertanian <ul style="list-style-type: none"> Terdiri daripada 14 Pusat Pertanian dan 14 Balai Informasi Pertanian (BIP). Contoh projek yang dilaksanakan adalah seperti naik taraf pembangunan kemudahan dan ladang, menyediakan kelengkapan peralatan dan penyelenggaraan prasarana. 	Untuk menyempurnakan maklumat dan teknologi terkini untuk mempromosikan teknologi baru dan terkini secara amali kepada golongan sasaran.
3.	Program Hari Ladang Contoh atur cara yang dilaksanakan adalah pameran/jualan, kursus <i>hands-on</i> , ceramah, taklimat, forum, lawatan dan pertandingan kepada pegawai, petani dan pengusaha.	Untuk memberi khidmat nasihat kepada usahawan dan pihak swasta dan menghebahkan teknologi secara pakej di kebun/ ladang.
4.	Latihan Pegawai <ul style="list-style-type: none"> Latihan akan diadakan melalui kursus jangka pendek, kursus sehari, lawatan dan tinjauan teknologi dalam dan luar negara dan latihan insitu atau latihan berjadual. Contoh latihan pegawai yang dilaksanakan adalah kursus gerak kerja pengurusan tanaman dan kursus bio nutrien organik. 	Melengkapkan kakitangan yang mahir dan terlatih dengan teknologi pertanian terkini.
5.	Latihan Petani <ul style="list-style-type: none"> Latihan petani dirancang, dijadual dan dilaksanakan sama ada dalam bentuk ceramah (teori) atau secara latihan praktikal (<i>hands-on</i>). Penganjuran kursus secara formal dan tidak formal di Pusat Latihan, program mentor menti di peringkat ladang dan petak demonstrasi yang mengaplikasikan pendekatan perkembangan, pertunjukan kaedah dan pertunjukan keputusan. Contoh latihan petani yang dilaksanakan adalah kursus <i>plant booster</i> dan kursus cantuman nangka. 	Untuk meningkatkan jati diri, memupuk minda positif untuk berubah, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknikal, pengurusan tanaman yang berteraskan Amalan Pertanian Baik (APB), Industri Asas Tani yang berdasarkan Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Keusahawanan.
5.	Komunikasi Pengembangan <ul style="list-style-type: none"> Berperanan dalam mempertingkatkan keberkesanannya aktiviti-aktiviti Pelan Strategik Pengembangan melalui bahan-bahan dan peralatan komunikasi untuk kegunaan agen-agen pengembangan, petani dan usahawan Jabatan. 	Untuk meningkatkan kemudahan input media bahan sokongan dalam bentuk media cetak, media massa, alat bandang dengar, video, fotografi, poster, kain rentang dan risalah untuk pameran serta penggunaan media elektronik dan media cetak .

Sumber: JPNS

Bagi menilai sama ada projek yang dilaksanakan telah dilaksanakan mencapai objektif ditetapkan, pihak Audit telah membuat semakan dokumen dan lawatan fizikal terhadap pelaksanaan 26 projek Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, 31 projek naik taraf/penyenggaraan Pusat Pertanian, 39 program Hari Ladang, 129 Latihan Pegawai dan Petani serta 24 projek Komunikasi Pengembangan bagi tahun 2015 hingga 2017. Semakan dan lawatan fizikal Audit terhadap pelaksanaan projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian pada tempoh di antara 22 November 2017 hingga Januari 2018 mendapati secara keseluruhannya projek telah dilaksanakan berdasarkan kriteria dan objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan semasa pelaksanaannya seperti yang diperincikan di perenggan berikut:

a. Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian Tidak Dilaksanakan

- i. Berdasarkan Manual Pengembangan Pertanian, DOA dan Manual Prosedur Kerja (MPK) JPNS, Tajuk Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian yang telah dirancang hendaklah dilaksanakan mengikut ketetapan seperti dinyatakan dalam perancangan tahunan perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian. Pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian akan dikawal selia oleh Penolong Pegawai Pertanian Daerah, Agen Pengembangan Kawasan (APK) dan Bahagian Teknikal, DOA. Setelah pelaksanaan dibuat, Data Kemajuan Petak dan Laporan Prestasi Keseluruhan Petak Demonstrasi dan Pemerhatian hendaklah disediakan oleh Penolong Pegawai Pertanian/Bahagian Teknikal DOA atau APK yang terlibat. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA di Negeri Sembilan Bil. 1 Tahun 2015, semua Petak Demonstrasi dan Pemerhatian perlu dilengkapkan dengan *Experimental Research Sheet* (ERS), Gerak Kerja dan parameter yang perlu diambil dan dilengkapkan dengan gambar sebelum dan selepas. Laporan keseluruhan projek akan dikumpulkan oleh Bahagian Teknikal dan dilaporkan kepada Pengarah JPNS pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri.
- ii. Semakan Audit mendapati tiada bukti atau laporan menyatakan 16 projek Petak Demonstrasi dan enam (6) Petak Pemerhatian yang dirancang pada tahun 2015 telah dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Pegawai Pertanian Bahagian Pengembangan JPNS projek bagi tahun 2015 hanya melibatkan aktiviti penyediaan *Organic Plant Booster* (OPB) kepada tanaman di mana ia dilaksanakan dalam bentuk kursus/*hands on* kepada petani. Antara tajuk Petak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi tahun 2015 yang telah dirancang tetapi tidak dilaksanakan adalah Kawalan Lalat Buah Menggunakan Umpam Protein

Pada Tanaman Mangga di Pusat Pertanian Serting, Penggunaan Solar Bagi Kawalan Perosak Tanaman Padi, Perbandingan Baja Kimia dan Baja Organik Pada Tanaman Betik dan Pemerhatian Peningkatan Hasil Padi melalui Projek Sawah Gemilang.

- iii. Semakan lanjut Audit terhadap 11 baucar bayaran bagi penyediaan OPB berjumlah RM18,271 dan tiga (3) baucar bayaran bagi perolehan pelbagai berjumlah RM11,735 yang diletakkan sebagai aktiviti gantian di bawah Petak Demonstrasi dan Pemerhatian mendapati perincian bagi bayaran yang dibuat adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
JUMLAH DAN PERIHAL BAUCAR BAYARAN
BAGI PETAK DEMONTRASI DAN PEMERHATIAN TAHUN 2015

BIL.	JUMLAH DAN BILANGAN BAUCAR	PERIHAL BAUCAR
1.	11 baucar berjumlah RM18,271	Perolehan bahan mentah untuk membuat OPB seperti sayur kangkung, belacan, telur, gula merah, ragi dan susu segar. OPB adalah bahan penggalak tumbesaran semula jadi yang melalui proses fermentasi. Ia merupakan gabungan bahan-bahan semula jadi bersama mikroorganisma berfaedah yang memberi kesan ke atas pertumbuhan, membaik pulih dan meningkatkan hasil tanaman.
2.	Tiga (3) baucar bayaran berjumlah RM11,735	Perolehan bahan penggalak pokok mangga, anak benih tisu kultur pisang berangan dan alat perangkap kumbang tanduk.

Sumber: JPNS

- iv. Manakala dua (2) projek bagi tahun 2017 juga tidak dilaksanakan iaitu Petak Demonstrasi Cantuman Dewasa Dengan Klon Terpilih pada Tanaman Durian di Kampung Dato' Samad, Rembau dan Kesan Penggunaan *Plant Booster & EM (Effective Microorganism)* pada Tanaman Durian Belanda di Batu 7, Jalan Pantai, Seremban. Pihak Audit mendapati projek ini menghadapi masalah untuk dilaksanakan disebabkan kegagalan JPNS untuk mendapatkan persetujuan pengusaha bagi melaksanakan projek. Selain itu, JPNS didapati lewat untuk mengambil tindakan segera mencari bakal pengusaha yang baru bagi memastikan projek terus berjalan dengan lancar seperti dirancang.
- v. Selain kelewatan JPNS mengambil tindakan penggantian petani/ pengusaha baru, pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Pegawai Pertanian JPNS kelemahan ini berlaku disebabkan kekangan pegawai bagi tujuan pemantauan berkala dilaksanakan oleh Bahagian Pengembangan JPNS dan Bahagian Teknikal DOA. Selain itu, berdasarkan semakan terhadap fail laporan pelaksanaan aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian mendapati Bahagian Teknikal DOA tidak membuat laporan pelaksanaan dan melaporkan masalah yang dihadapi kepada Bahagian Pengembangan JPNS sepanjang tempoh tahun 2015 hingga tahun 2017. Jadual Pelaksanaan juga tidak disediakan sebagai *timeline* dan tidak dijadikan sebagai Key

Performance Indicator (KPI) untuk memastikan projek berjalan dengan lancar. Implikasi kelemahan ini telah menyebabkan prestasi pelaksanaan projek juga tidak dapat diukur dan dinilai untuk tujuan penambahaikan pada masa hadapan.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Setelah perbincangan dengan pihak teknikal tajuk berkaitan OPB diberi keutamaan pada tahun berkenaan. Tajuk ini dipilih berdasarkan keperluan pada masa itu yang dilihat berkesan untuk meningkatkan hasil petani. Pihak JPNS mengakui terdapat kelemahan daripada segi penyediaan laporan pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Pemerhatian sehingga tahun 2016. Bagaimanapun, maklumat pelaporan telah ditambah baik bermula pada tahun 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti bagi Petak Demonstrasi dan Pemerhatian adalah kurang cekap setelah semua projek bagi tahun 2015 dan satu (1) projek tahun 2017 tidak dilaksanakan.

b. Projek yang Telah Dilaksanakan Tidak Diteruskan

- i. Berdasarkan amalan terbaik, setiap projek kerajaan yang telah siap hendaklah digunakan secara berterusan dan dipelihara bagi mengelakkan pembaziran. Lawatan Audit terhadap lima (5) projek Petak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi tahun 2016 mendapati tiga (3) daripada lima (5) projek bagi tahun 2016 yang telah dilaksanakan tidak diteruskan dan terbiar yang melibatkan projek bernilai RM42,191. Manakala dua (2) projek lagi adalah merupakan bekalan bahan mentah yang telah diguna habis berjumlah RM5,961 iaitu Membekal Hormon Pembesaran Agrofil dan Hormon Pengeluaran Hasil Agrofil Untuk Petak Demonstrasi Tanaman di Daerah Kuala Pilah dan Rawatan Polybag Tanaman Fertigasi di TKPM Air Kering, Jempol. Selain itu, tiada laporan disediakan bagi projek tersebut seperti laporan ERS, Gerak Kerja dan parameter yang perlu diambil dan dilengkapkan dengan gambar sebelum dan selepas disediakan bagi kesemua tajuk tersebut bagi memastikan objektif projek dicapai.
- ii. Perkara ini disebabkan tiada pemantauan berkala dan berterusan yang dilaksanakan oleh JPNS dan Pegawai Teknikal DOA bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan dengan baik. Ini menyebabkan berlakunya pembaziran terhadap perolehan yang telah dilaksanakan dan

manfaat daripada teknologi tersebut tidak dapat dioptimumkan bagi mencapai hasil pertanian yang maksimum dan berkualiti. Penerangan dan butiran lanjut mengenai empat (4) projek tersebut adalah seperti di perenggan dan gambar berikut:

- **Sistem Penanaman Caplus dan Hanging Pot**

Sistem Penanaman *Caplus* dan *Hanging Pot* adalah sistem yang tertumpu kepada pertanian bandar iaitu penggunaan oleh penduduk di kawasan taman perumahan berjumlah RM6,000 tidak lagi digunakan kerana tangki air yang sepatutnya berada di Pusat Semaian tersebut tidak berada di lokasi seperti gambar di bawah. Pihak Audit dimaklumkan oleh pengusaha terbabit tangki air tersebut diletakkan di sebuah taman perumahan di Seremban 2 untuk tujuan demonstrasi penduduk taman. Selain itu, tiada laporan projek disediakan dan pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Pertanian JPNS projek ini tidak dipantau kerana projek ini dilaksanakan di kawasan usahawan.

GAMBAR 2.1



Pusat Semaian, Seremban
- *Hanging Pot* yang Tidak Digunakan Semasa Pemeriksaan Audit
(22.11.2017)

GAMBAR 2.2



Pusat Semaian, Seremban
- Sistem *Caplus* yang Tidak Boleh Digunakan Kerana Tangki dan Pam Tiada di Lokasi Semasa Pemeriksaan Audit. Siraman Dibuat Secara Manual
(22.11.2017)

GAMBAR 2.3



Pusat Semaian Kawasan Hijau Mantin
- *Hanging Pot* yang Telah Dipindahkan Kepada Pengusaha Baru
(09.04.2018)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

GAMBAR 2.4



Pusat Semaian Kawasan Perindustrian Nilai
- Tangki Kepada Sistem Penanaman *Caplus* yang Asal Telah Dipindahkan Kepada Pengusaha Baru
(09.04.2018)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Sistem Penanaman Caplus bersama tangki air telah dipindahkan kepada pengusaha di Kawasan Perindustrian Nilai dan Hanging Pot pula telah dipindahkan kepada pengusaha di Kawasan Hijau Mantin pada 9 April 2018.

Pada pendapat Audit, projek ini belum menepati objektif perolehannya kerana tiada bukti ia telah digunakan oleh golongan sasar iaitu pengusaha/penduduk kerana tiada laporan mengenai prestasi projek ini telah disediakan.

- Petak Demonstrasi Aplikasi Teknologi Penyuntik Baja Bagi Sistem Fertigasi di Pusat Pertanian Jempol**

Objektif pelaksanaan projek ini adalah penggunaan *injector pump* sebagai alat utama untuk pengagihan baja cecair dengan sekata berbanding dengan pemberian baja secara tabur yang kurang efisien. Sistem ini lebih efisien kerana proses larut resap ke dalam tanah adalah lebih baik disebabkan penggunaan baja cecair akan terus meresap ke dalam tanah. Projek ini berjumlah RM19,800 dan telah siap pada bulan Mac 2016. Berdasarkan laporan pelaksanaan projek yang diberikan semasa lawatan Audit mendapati, terdapat kenyataan sistem tersebut digunakan tetapi tiada pengesahan pelaksanaan dibuat oleh Pegawai Pertanian Daerah. Lawatan Audit pada 14 Disember 2017 mendapati ia tidak lagi digunakan kerana pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Pertanian Daerah Jempol proses pembajaan dibuat secara manual (oleh pekerja) seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.5



**Pusat Pertanian Serting
- Aplikasi Teknologi Penyuntik Baja Bagi
Sistem Fertigasi Tidak Lagi Digunakan
(14.12.2017)**

GAMBAR 2.6



**Pusat Pertanian Serting
- Kawasan Penanaman Pokok Mangga yang
Tidak Lagi Menggunakan Pemberian Baja Secara
Fertigasi
(14.12.2017)**

GAMBAR 2.7



Pusat Pertanian Serting
- Aplikasi Teknologi Penyuntik Baja Bagi
Sistem Fertigasi Telah Digunakan Semula
(13.04.2018)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

GAMBAR 2.8



Pusat Pertanian Serting
- Kawasan Penanaman Pengusaha Baru yang
Menggunakan Teknologi Penyuntik Baja
(13.04.2018)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Sistem penyuntik baja ini digunakan untuk tanaman fertigasi halia di bawah tanaman mangga. Bagaimanapun, pengusaha tidak meneruskan tanaman halia kerana peserta bermasalah dan tidak memberikan komitmen terhadap pelaksanaan projek ini. Tindakan yang diambil untuk tahun 2018 ialah dengan memindahkan sistem tersebut kepada pengusaha baru untuk tanaman sayuran di lot lain berhampiran sistem tersebut. Pemindahan ini telah dilaksanakan pada 13 April 2018.

Pada pendapat Audit, projek ini tidak mencapai objektif perolehannya dan tidak diuruskan dengan cekap kerana tidak digunakan untuk tujuan asal projek serta mengambil masa dua (2) tahun untuk digunakan semula bagi projek tanaman yang lain.

- **Petak Pemerhatian Sistem Pengairan di Pusat Kejuruteraan Pedas**

Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk menjadikan tapak latihan dan pemerhatian kepada Pegawai Kejuruteraan, Agen Pengembangan Kawasan, petani, usahawan serta individu yang berminat mengenai Sistem Pengairan Renjis dan Titis. Projek ini berjumlah RM14,000 dan telah siap pada bulan Mac 2016. Lawatan Audit pada 19 Januari 2018 mendapati sistem ini tidak digunakan. Pihak Audit dimaklumkan oleh Penolong Pegawai Pertanian di Pusat Kejuruteraan Pedas (PKP) projek ini tidak lagi dilaksanakan kerana tidak mendapat peruntukan bahan input (benih tanaman, baja dan polybag) daripada JPNS. Ini menyebabkan sistem tersebut tidak digunakan dan keadaannya semasa lawatan Audit adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.9



Pusat Kejuruteraan Pertanian, Pedas
- Sistem Pengairan Renjis dan Titis yang
Terbiar dan Tidak Digunakan
(19.01.2018)

GAMBAR 2.10



Pusat Kejuruteraan Pertanian, Pedas
- Sistem Pengairan Renjis dan Titis yang
Terbiar dan Tidak Digunakan
(19.01.2018)

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Petak Pemerhatian ini hanya untuk tempoh selama satu (1) tahun iaitu untuk tahun 2016 sahaja. Sepanjang tahun 2016 sebanyak dua (2) pusingan tanaman telah ditanam dengan menggunakan sistem ini. Bagi tahun 2017 kawasan tersebut direhatkan sementara untuk tujuan pemulihian kawasan dan dijangka akan dimulakan semula pada bulan Jun 2018 setelah perolehan bahan input tanaman dilaksanakan. Status perolehan bahan input sedang di peringkat proses tender jabatan.

Pada pendapat Audit, projek ini tidak diuruskan dengan cekap kerana projek yang dilaksanakan tidak dimanfaatkan sepenuhnya yang mengambil masa hampir dua (2) tahun bagi memulihkan kembali sistem tersebut.

c. Hasil Keputusan Kajian Teknologi Daripada Pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian

Berdasarkan kepada Manual Pengembangan Pertanian dan Manual Prosedur Kerja JPNS, pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian dikawal selia oleh Penolong Pegawai Pertanian Daerah, APK dan Bahagian Teknikal, DOA. Laporan keseluruhan projek akan dikumpulkan oleh Bahagian teknikal dan dilaporkan kepada Pengarah JPNS pada Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri bagi membincangkan keputusan projek yang telah dilaksanakan sama ada ada telah berjaya atau tidak. Analisis lanjut Audit terhadap laporan hasil keputusan projek bagi tujuh (7) Petak Demonstrasi dan 12 Petak Pemerhatian yang telah dilaksanakan bagi tahun 2017 mendapati enam (6) projek telah mendapat keputusan baik atau berjaya, satu (1) projek telah gagal/terbiar, tujuh (7) projek lagi belum mendapat keputusan kerana masih dalam pemerhatian pelaksanaannya dan enam (6)

projek lewat dimulakan menyebabkan hasil kajian belum dapat dinilai. Manakala, satu (1) projek belum lagi dilaksanakan. Bagi tahun 2015 dan 2016 pula, tiada laporan projek disediakan menyebabkan pihak Audit tidak dapat membuat analisis dan semakan. Maklumat lanjut mengenai keputusan bagi pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi tahun 2017 adalah seperti di jadual dan perenggan berikut:

**JADUAL 2.7
KEPUTUSAN PELAKSANAAN
PETAK DEMONSTRASI DAN PEMERHATIAN BAGI TAHUN 2017**

BIL.	TAJUK PETAK/LOKASI PROJEK	KEPUTUSAN KAJIAN
PETAK DEMONSTRASI		
1.	Kesan Penggunaan <i>Plant Booster</i> dan EM (<i>Effective Microorganism</i>) pada Tanaman Durian Belanda - Kg Batang Pilah, Kuala Pilah	Baik
2.	Amalan Agronomi dan Pengurusan Tanaman Durian - TKPM Bemban	Hasil belum dituai kerana tempoh projek sehingga hasil dituai adalah tiga (3) tahun
3.	Pengurusan Tanaman Kelapa - Pusat Pertanian Ampang Tinggi	Masih dalam pelaksanaan dan tiada keputusan dikeluarkan.
4.	Penggunaan Umpan Protein pada Tanaman Mangga - Pusat Pertanian Chuah	Belum mendapat keputusan kerana pemerhatian masih dijalankan.
5.	Amalan Agronomi dan Pengurusan Tanaman Nangka - Kg. Raja Alias	Belum mendapat keputusan (lewat mula)
6.	Perbandingan Penggunaan <i>Plant Booster</i> pada Kualiti Lepas Tuai Buah Jambu Batu - Pusat Pertanian Serting	Belum mendapat keputusan (lewat mula)
7.	Amalan Agronomi dan Pengurusan Tanaman Nangka - TKPM Gemas	Belum mendapat keputusan (lewat mula)
8.	Kesan Penggunaan <i>Plant Booster & EM</i> (<i>Effective Microorganism</i>) pada Tanaman Durian Belanda - Batu 7, Jalan Pantai, Seremban	Tidak dilaksanakan.
9.	Cantuman Dewasa Dengan Klon Terpilih pada Tanaman Durian - Kg. Dato' Samad, Kundur Ulu	Belum mendapat keputusan (lewat mula)
PETAK PEMERHATIAN		
1.	Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah - Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri (KTPUS)	Baik
2.	Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah - Pusat Pertanian Serting	Baik
3.	Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah - Kompleks Pertanian Chembong	Baik
4.	Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah - Pusat Pertanian Sendayan	Baik
5.	Perbandingan Kesan Penggunaan Sumber Air Berlainan pada Tanaman Cili Fertigasi (Air Kolam) - Ladang Rakyat Sg. Dua, Tampin	Baik
6.	Peremajaan Tanaman Belimbing Dengan Pengurusan Tanaman yang Efektif - Pusat Pertanian Asahan, Tampin	Belum mendapat keputusan kerana pemerhatian masih dijalankan
7.	Penggunaan Baja Agrofill dan Baja AB Terhadap Prestasi Tanaman Cili Fertigasi - Kompleks Teknologi Pertanian Ulu Sepri	Belum mendapat keputusan kerana pemerhatian masih dijalankan
8.	Penggunaan Pelbagai Jenis Rawatan Terhadap Penyakit Kanker pada Tanaman Durian - Dusun Durian Lembaga Pertubuhan Peladang, Jelebu	Belum mendapat keputusan kerana pemerhatian masih dijalankan
9.	Pengurusan Tanaman Pucuk Paku - TKPM Air Kering	Belum mendapat keputusan kerana pemerhatian masih dijalankan
10.	Penggunaan Pelbagai Jenis Rawatan Terhadap Penyakit Layu Bakteria dan Fusarium pada Tanaman Pisang - Pusat Pertanian Chuah	Belum mendapat keputusan (lewat mula)

BIL.	TAJUK PETAK/LOKASI PROJEK	KEPUTUSAN KAJIAN
11.	Penggunaan Pelbagai Jenis Rawatan Terhadap Penyakit <i>Dieback</i> & PRSV pada Tanaman Betik - Pusat Pertanian Chuah	Belum mendapat keputusan (lewat mula).
12.	Perbandingan Kesan Penggunaan Sumber Air Berlainan pada Tanaman Cili Fertigasi (Air Paip) - Balai Informasi Pertanian (BIP) Sg. Raya, Port Dickson	Projek Terbiasa kerana pengusaha menarik diri semasa projek sedang dilaksanakan disebabkan tiada penyelia yang memantau di samping pengusaha mempunyai masalah peribadi

Sumber: JPNS dan Jabatan Teknikal, DOA

Berdasarkan laporan pelaksanaan projek yang diterima daripada JPNS, pihak Audit telah membuat lawatan terhadap 14 projek Petak Demonstrasi dan Pemerhatian tahun 2017. Hasil pemerhatian Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Projek Mendapat Keputusan Baik/Berjaya Dilaksanakan

- Berdasarkan jadual di atas, enam (6) projek telah mendapat hasil keputusan yang baik atau berjaya dilaksanakan iaitu Penggunaan Umpan Protein pada Tanaman Mangga, Kesan Penggunaan *Plant Booster* dan EM (*Effective Microorganism*) pada Tanaman Durian Belanda, Projek Tanaman Kubis di Tanah Rendah (di empat (4) lokasi) dan Perbandingan Kesan Penggunaan Sumber Air Berlainan pada Tanaman Cili Fertigasi (Air Kolam).
- Projek Petak Pemerhatian Tanaman Kubis di Tanah Rendah yang dilaksanakan di empat (4) lokasi iaitu di KTPUS, Pusat Pertanian Serting, Kompleks Pertanian Chembong dan Pusat Pertanian Sendayan. Berdasarkan laporan pelaksanaan projek tanaman kubis boleh ditanam di tanah rendah secara fertigasi dan batas. Objektif projek ini adalah untuk mengenal pasti prestasi tanaman kubis di tanah rendah dan mengenal pasti sistem penanaman yang berkesan ke atas tanaman kubis di tanah rendah. Kaedah ini dapat membantu kerajaan mengurangkan import sayuran kubis dari negara luar dan dapat membantu meningkatkan pengeluaran kubis tempatan di samping membantu para petani meningkatkan sumber pendapatan.
- Projek Kesan Penggunaan *Plant Booster* dan EM (*Effective Microorganism*) pada Tanaman Durian Belanda yang dilaksanakan di kebun pengusaha di Kampung Batang Pilah, Kuala Pilah pula bertujuan memastikan petani mengamalkan pengurusan agronomi tanaman durian belanda yang betul dan membantu meningkatkan hasil serta kualiti durian belanda. Dengan menggunakan teknologi pertanian tersebut, ia dijangka dapat meningkatkan hasil sebanyak

25% hingga 30% dan meningkatkan rintangan pokok terhadap penyakit. Berdasarkan laporan pelaksanaan projek, penggunaan teknologi tersebut telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran dengan purata peningkatan sebanyak 3.75 kg sepokok. Selain itu, ukur lilit purata pokok juga telah meningkat daripada 30.7cm pada bulan September 2017 kepada 33.3 cm pada bulan Disember 2017.

- Projek Perbandingan Kesan Penggunaan Sumber Air Berlainan pada Tanaman Cili Fertigasi (Air Kolam) di Ladang Rakyat Sg. Dua, Tampin bertujuan mengukuhkan fakta bahawa sumber air yang berkualiti dapat meningkatkan hasil tanaman. Berdasarkan laporan pelaksanaan projek, tanaman cili bara yang menggunakan sumber air kolam adalah subur dan mengalami sedikit penyakit. Usahawan juga telah mengikut gerak kerja dalam ERS yang diberikan dan dipantau oleh APK daerah.
- Lawatan Audit ke lokasi projek-projek tersebut mendapati keadaan tapak projek adalah seperti yang dilaporkan seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.11



Pusat Pertanian Sendayan
- Tanaman Sayur Kubis Secara Fertigasi
(24.11.2017)

GAMBAR 2.12



Pusat Pertanian Sendayan
- Tanaman Sayur Kubis di Batas dan Hasil Telah Dituai
(24.11.2017)

GAMBAR 2.13



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Tanaman Sayur Kubis Secara Fertigasi
(05.12.2017)

GAMBAR 2.14



Kampung Batang Pilah, Kuala Pilah
- Penghasilan Buah Durian Belanda yang Banyak
(14.12.2017)

ii. Projek Lewat Dimulakan dan Terbengkalai

- Berdasarkan Manual Pengembangan Pertanian dan Manual Prosedur Kerja JPNS, projek yang dilaksanakan hendaklah dimulakan berdasarkan masa dan perancangan yang ditetapkan bagi mengelakkan ia lewat disiapkan dan terbiar. Berdasarkan jadual perancangan projek Petak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi tahun 2017 projek hendaklah dimulakan antara bulan Januari hingga Jun 2017. Semakan Audit mendapati, enam (6) daripada 21 projek telah lewat dimulakan iaitu hanya dimulakan pada bulan Jun hingga November 2017 dan satu (1) projek telah terbengkalai.
- Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Pertanian Daerah JPNS kerana kelewatan ini adalah disebabkan oleh pihak JPNS sukar untuk mendapatkan pengusaha yang berminat dan dapat memberi komitmen penuh dalam melaksanakan projek yang telah dirancang semasa peringkat awal projek. Selain itu, pemantauan tidak dilaksanakan secara berkala oleh pegawai Seksyen Metodologi Pengembangan daripada Ibu Pejabat bagi memastikan projek berjalan lancar dan mengikut jadual serta tiada laporan pemantauan secara terperinci disediakan. Ini menyebabkan keputusan hasil projek lewat diperoleh dan seterusnya menyebabkan projek-projek dilaksanakan bergerak perlahan dan keputusan projek lewat diperoleh.
- Lawatan Audit terhadap empat (4) Tapak Demonstrasi dan Pemerhatian bagi projek yang lewat dimulakan dan terbengkalai mendapati keadaan di tapak projek adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.15



Balai Informasi Pertanian Sg. Raya, Port Dickson
- Projek Kesan Penggunaan Sumber Air Paip
Terhadap Prestasi Tanaman Cili Fertigasi Terbiar
(13.12.2017)

GAMBAR 2.16



Balai Informasi Pertanian Sg. Raya, Port Dickson
- Projek Kesan Penggunaan Sumber Air Paip
Terhadap Prestasi Tanaman Cili Fertigasi yang Telah
Dimulakan Semula oleh Pengusaha Baru
(05.03.2018)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

GAMBAR 2.17



Pusat Pertanian Chuah, Port Dickson
- Projek Penggunaan Pelbagai Jenis Rawatan
Terhadap Penyakit Layu Bakteria dan Fusarium pada
Tanaman Pisang yang Lewat Ditanam iaitu pada
Bulan Oktober 2018
(13.12.2017)

GAMBAR 2.18



Pusat Pertanian Chuah, Port Dickson
- Anak Benih Pokok Betik yang Lewat Ditanam iaitu
Pada Bulan Disember 2017
(17.12.2017)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Petak pemerhatian agak lewat dilaksanakan bagi tahun berkenaan disebabkan oleh perbincangan mengenai tajuk dan kawasan yang sesuai lewat dikenal pasti. Penambahbaikan yang telah diambil ialah dengan mengadakan mesyuarat teknikal pada awal tahun dan keperluan input diberikan dua (2) minggu selepas mesyuarat untuk urusan perolehan dan supaya petak dapat dilaksanakan dengan segera.

Pada pendapat Audit, walaupun terdapat projek tahun 2017 yang berjaya dan telah mencapai objektif, namun masih ada kelemahan projek yang boleh ditambah baik memandangkan projek dilaksanakan tidak mengikut jadual yang ditetapkan. Kawalan projek yang dilaksanakan juga masih belum mencukupi bagi membantu JPNS menilai hasil keberkesanan setiap projeknya.

2.6.2. Pengurusan Projek

Pengurusan projek pula telah dinilai berdasarkan pengurusan perolehan dan pemantauan. Secara keseluruhannya tahap pengurusan bagi aspek perolehan dan pemantauan projek masih perlu ditingkatkan dengan memberi tumpuan

2.6.2.1. Pengurusan Perolehan

- a. Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 99(e)(ii) sesuatu bayaran kemajuan bagi kerja hendaklah diperakukan mengikut nilai kerja setakat mana yang telah dilaksanakan atau nilai bahan-bahan yang sebenarnya telah dibekalkan. Semakan dan lawatan Audit terhadap 31 kerja naik taraf/ penyenggaraan/baik pulih mendapati tiga (3) daripadanya tidak mengikut seperti yang ditetapkan di dalam *Bills of Quantities* (BQ). Bagaimanapun,

bayaran telah dibuat sepenuhnya kepada kontraktor berjumlah RM54,250. Mengikut kiraan Audit, sejumlah RM7,671 telah terlebih bayar berbanding kos kerja yang dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut:

JADUAL 2.8
SKOP KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN

BIL.	PROJEK/SKOP KERJA MENGIKUT BQ	KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	KOS TERLEBIH BAYAR (RM)
1	Kerja-kerja Menaik Taraf Infrastruktur Ladang dan Kerja Berkaitan yang Lain di Pusat Pertanian Asahan berjumlah RM69,750 Tempoh Kerja Siap: 10.07.2017 – 29.09.2017 Kerja naik taraf pagar kepada pagar jenis anti climb di hadapan pejabat <ul style="list-style-type: none">• Kerja membuka, menanggal dan membuang pagar <i>chain link</i> di bahagian hadapan pejabat. Kerja termasuk memecahkan <i>kerb</i> konkrit dan membuang tiang pagar ke lokasi yang telah ditetapkan (60 meter).• Kerja membekal dan memasang pagar jenis BRC <i>galvanised</i> “anti climb” dengan saiz lubang 50mm X 150mm dan tebal BRC 4mm. Kerja termasuk membina tiang besi, <i>footing</i> tiang dan <i>kerb</i> konkrit di bahagian bawah pagar (60 meter).	900 13,200	Ukuran sebenar adalah 45.75 meter.	214
	Ukuran pagar kurang sebanyak 14.25 meter X RM15=RM213.75 Ukuran pagar kurang sebanyak 14.25 meter X RM220=RM3,135		3,135	
	Kerja menaik taraf pagar hadapan dan keliling. Kerja menukar ganti pagar <i>chain link</i> <ul style="list-style-type: none">• Kerja membuka, menanggal dan mengantikan yang baru pagar jenis <i>chain link</i> di lokasi yang ditunjukkan oleh Penyelia Tapak (200 meter).	4,000	Ukuran sebenar adalah 174 meter. Ukuran pagar kurang sebanyak 26 meter X RM20=RM520	520
	Kerja naik taraf jalan tar <ul style="list-style-type: none">• Kerja membekal dan menurap 40mm tebal lapisan haus (<i>macadam bitumen</i>) menggunakan <i>paver machine</i> termasuk satu lapisan bitumen cecair (<i>tack coat</i>) disembur pada kadar 2 liter/meter persegi dan di mampat dengan <i>roller compactor</i> 8 tan.	12,500	Tiada <i>road coring test</i> (ujian yang dijalankan untuk menguji ketebalan jalan yang diturap) pada sekurang-kurangnya satu <i>point</i> . Kerja turapan yang telah rosak.	Tidak dapat dinilai kerana tiada <i>road coring test</i> dijalankan
2	Kerja-kerja menaik taraf bumbung bangunan dan stor serta kerja berkaitan di Pusat Kejuruteraan Pertanian Pedas berjumlah RM59,285 Tempoh Kerja Siap: 05.06.2017 – 21.06.2017 <ul style="list-style-type: none">• Kerja membekal dan memasang penutup gulung (<i>roller shutter</i>) dari 0.55mm tebal keluli lembut bergalvani beroperasi secara manual lengkap dengan semua alat tambah yang perlu mengikut penentuan pembuat (3.5m X 3.0m)=10.5 meter persegi.	6,000	Ukuran sebenar adalah 8.3 meter persegi. Kurang sebanyak 2.2 meter persegi RM571.43 X 2.2 meter persegi =RM1,257.15	1,257
3	Kerja-kerja menaik taraf di Pusat Pertanian Tembun, Kuala Klawang berjumlah RM72,930 Tempoh Kerja Siap: 18.07.2016 – 15.08.2016 <ul style="list-style-type: none">• Membekal dan memasang tingkap kesmen aluminium termasuk kelengkapan tingkap. Tingkap yang telah rosak dibuang dan diganti dengan tingkap baru seperti arahan Pegawai Penguasa (21 meter persegi).	5,250	Ukuran sebenar 11.61 meter persegi. Ukuran tingkap kurang sebanyak 9.39 meter persegi X	2,348

BIL.	PROJEK/SKOP KERJA MENGIKUT BQ	KOS (RM)	PENEMUAN AUDIT	KOS TERLEBIH BAYAR (RM)
	<ul style="list-style-type: none"> Membekal dan memasang <i>handrail</i> pada tangga dan apron bangunan seperti arahan Pegawai Penguasa (20 meter). Kerja-kerja menurap semula dataran kejat dengan <i>premix</i> 50mm tebal serta dipadatkan dengan penggelek 3 tan. 	2,400 10,000	<p>RM250.00=RM2,347.50</p> <p>Ukuran sebenar 18.36 meter</p> <p>Ukuran <i>handrail</i> kurang sebanyak 1.64 meter X RM120=RM196.80</p> <p>Tiada <i>road coring test</i> (ujian yang dijalankan untuk menguji ketebalan jalan yang diturap) pada sekurang-kurangnya satu point.</p>	197
	JUMLAH	54,250		7,671

Sumber: JPNS dan Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.19



Pusat Pertanian Asahan
- Tiada *Road Coring Test* pada Sekurang-Kurangnya Satu (1) Point.
(05.12.2017)

GAMBAR 2.20



Pusat Pertanian Asahan
- Kerja Turapan yang Telah Rosak
(05.12.2017)

- Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan tiada pengukuran semula dilaksanakan setelah kerja disiapkan oleh kontraktor dan tiada pemantauan oleh pegawai penyelia kerja.
- Selain itu, analisis Audit mendapati 20 daripada 21 spesifikasi bagi kerja yang berharga RM20,000 ke bawah bernilai RM352,966 disediakan oleh pegawai pertanian yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal. Ini menyebabkan berlaku pembayaran yang tidak sewajarnya kepada kontraktor dan JPNS tidak menilai setiap kerja yang telah ditetapkan seperti dalam BQ.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Pegawai tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut menyebabkan pengukuran semula tidak dilaksanakan. Penambahbaikan telah dibuat di mana Borang Penilaian Kerja telah diguna mulai projek tahun 2018. Selain itu, JPNS juga telah memastikan kerja berharga di bawah RM20,000 akan

disediakan oleh pegawai teknikal dan telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Peringkat Jabatan Bil. 1/2018.

Pada pendapat Audit, urusan pengesahan dan prosedur perubahan kerja perlu dibuat dengan teratur dan sempurna. Kelemahan ini telah menyebabkan bayaran dibuat bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak mencapai tahap kualiti dan spesifikasi ditetapkan.

2.6.2.2. Kerosakan di Bangunan Kompleks Pertanian Ulu Sepri (KTPUS) Tidak Segera Dibaiki dan Mengganggu Kelancaran Petak Demonstrasi dan Petak Pemerhatian

- i. Berdasarkan amalan terbaik, kerosakan dan keretakan bangunan yang terdapat pada sesebuah bangunan kerajaan hendaklah diperbaiki segera kerana ia menjelaskan keselamatan kakitangan dan orang awam yang berada di bangunan tersebut.
- ii. KTPUS adalah tersenarai di bawah salah satu (1) Pusat Pertanian JPNS yang berfungsi sebagai pusat latihan pegawai dan petani, tempat membangunkan teknologi pertanian, pusat yang dibangunkan dengan tanaman bagi tajuk Petak Demonstrasi dan Pemerhatian serta projek tanaman yang lain seperti MyGAP (*Malaysian Good Agricultural Practices*) serta aktiviti-aktiviti berkaitan bidang pertanian. KTPUS juga mempunyai stor utama yang menyimpan stok baja JPNS sebelum ia diedarkan ke Pejabat Pertanian Daerah. Struktur bangunan KTPUS adalah terdiri dari Blok Pentadbiran, Blok Dewan Makan, Blok Makmal/Bilik Kuliah, Kuarters Kakitangan dan Chalet untuk kegunaan pegawai dan disewakan kepada orang awam. Seramai 22 orang pegawai telah ditempatkan bagi menguruskan operasi di KTPUS.
- iii. Lawatan Audit pada 5 dan 18 Disember 2017 mendapati terdapat kerosakan, keretakan dan mendapan tanah pada bangunan dan apron di blok pentadbiran, bangunan makmal/bilik kuliah serta bengkel Industri Asas Tani di KTPUS. Semakan Audit terhadap dokumen berkaitan kerosakan tersebut mendapati Unit Forensik Tanah Runtuh, Bahagian Kejuruteraan Cerun, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah membuat lawatan tapak di KTPUS pada 6 Ogos 2014 dan telah mengeluarkan Laporan Awalan Pemeriksaan Kegagalan Cerun di KTPUS adalah seperti berikut:

JADUAL 2.9
LAPORAN UNIT FORENSIK TANAH RUNTUH
LAPORAN AWALAN KEGAGALAN CERUN DI KTPUS
BERDASARKAN LAWATAN TAPAK PADA 6 OGOS 2014

BIL.	LOKASI KEROSAKAN	LAPORAN PEMERIKSAAN	CADANGAN PEMBAIKAN
1.	Runtuhuan Bahagian Cerun	Kegagalan cerun berlaku disebabkan aliran air daripada puncak cerun dipercayai telah mengalir secara langsung di permukaan cerun dan juga lebihan sisa binaan telah dibuang di puncak cerun boleh menyebabkan bebanan cerun tersebut.	Membina tembok penahan seperti <i>gabion</i> di kaki cerun sebanyak 2 tier, membina sistem perparitan di puncak cerun dan menanam rumput di permukaan cerun. Kos anggaran sebanyak RM300,000.
2.	Kegagalan di bahagian tepi anak sungai	Didapati sebahagian <i>gabion</i> telah bergerak daripada kedudukan asal dan benteng penahan cerun telah jatuh.	Membina sistem perparitan di puncak dan permukaan cerun. memerlukan <i>sheetpile</i> sebagai benteng penahan Kos anggaran sebanyak RM300,000.

Sumber: JPNS

- iv. Selain itu, pemeriksaan oleh Cawangan Kejuruteraan Jalan dan Geoteknik, Ibu Pejabat, JKR Malaysia dan telah mengeluarkan Laporan Pemeriksaan Geoteknik, Laporan Awalan Kegagalan Cerun di KTPUS berdasarkan lawatan tapak pada 26 Jun 2014 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.10
LAPORAN PEMERIKSAAN GEOTEKNIK LAPORAN AWALAN
KEGAGALAN CERUN DI KTPUS BERDASARKAN LAWATAN TAPAK PADA 26 JUN 2014

BIL.	LOKASI KEROSAKAN	LAPORAN PEMERIKSAAN DAN CADANGAN PEMBAIKAN
1.	Pembaikan kegagalan cerun	<ul style="list-style-type: none"> Boleh diatasi dengan membina <i>interceptor drain</i> dan <i>cascade drain</i> untuk mengalirkan air larian permukaan dengan sempurna. Pembinaan sistem perparitan ini juga dapat melindungi cerun daripada masalah hakisan terus berlaku di kawasan ini. Longkang yang terdapat di bangunan pentadbiran juga lebih sesuai untuk dibina <i>cascade drain</i> untuk mengurangkan halaju air yang melalui kawasan berbukit tersebut. Longkang yang terdapat di keseluruhan kompleks ini perlu dbersihkan dan diselenggarakan dengan baik. Ini perlu bagi memastikan air larian permukaan dapat dialirkan dengan sempurna dan seterusnya dapat mengelakkan masalah hakisan tanah daripada terus berlaku di kawasan ini.
2.	Pembaikan struktur yang mengalami keretakan	<ul style="list-style-type: none"> Keretakan struktur yang berlaku tiada kaitan dengan mendapan yang berlaku di kawasan ini. Perkara ini perlu dikaji dengan lebih mendalam punca serta langkah yang perlu diambil bagi menyelesaikan masalah tersebut. Dinasihat agar perkara ini dirujuk kepada Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur dan Jambatan untuk pengesahan lanjut.
3.	Pembaikan apron bangunan	<ul style="list-style-type: none"> Apron yang telah pecah dan retak boleh dibaiki dengan membina semula apron mengikut lukisan tipikal dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Anggaran kos pembaikan apron: Keluasan apron yang terlibat = 40 meter (panjang) X 1 meter (lebar) = 40 meter² Kos per meter² = RM300 Jumlah = 40m² X RM300 = RM12,000

Sumber: JPNS

- v. Susulan daripada laporan tersebut, Pengarah JPNS telah mengeluarkan arahan pemberhentian perkhidmatan sewaan bagi kemudahan di KTPUS kepada orang awam kerana terdapat beberapa masalah teknikal pada

semua kemudahan di kompleks tersebut seperti hakisan tanah di cerun, rawatan air bersih dan masalah sistem pendawaian elektrik seperti pada 17 Oktober 2014.

- vi. Semakan lanjut Audit juga mendapati kerja-kerja pembaikan kegagalan cerun, pembaikan struktur bangunan yang mengalami keretakan dan pembaikan apron bangunan di KTPUS seperti yang telah disyorkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya pada tahun 2014 masih belum diambil tindakan sehingga kini. Selain itu, pihak Audit juga mendapati *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) masih belum diperoleh sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Pihak JPNS telah melaksanakan usaha bagi mendapatkan CCC tersebut. Masalah ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Daerah Rembau bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama tetapi ia masih belum selesai sehingga kini. Selain itu, pihak Audit mendapati KTPUS masih belum menerima kemudahan air terawat dan menggunakan pam untuk mendapatkan bekalan air daripada sungai berhampiran. Seterusnya keadaan keretakan bangunan dan apron di KTPUS semasa lawatan Audit pada 5 dan 18 Disember 2017 adalah seperti di gambar berikut:

GAMBAR 2.21



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keretakan pada Apron di Bangunan Pentadbiran
(18.12.2017)

GAMBAR 2.22



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keretakan pada Apron di Bangunan Makmal
(18.12.2017)

GAMBAR 2.23



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keretakan Maksimum Berukuran Hampir dua (2) Inci
(18.12.2017)

GAMBAR 2.24



GAMBAR 2.25



GAMBAR 2.26



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keretakan di Belakang Bangunan Bengkel Industri Asas Tani
(18.12.2017)

GAMBAR 2.27



GAMBAR 2.28



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Hakisan Tanah di Bersebelahan Bangunan Pejabat
(18.12.2017)

GAMBAR 2.29



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keadaan Chalet Semasa Masih Beroperasi
(Tahun 2013)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

GAMBAR 2.30




Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Keadaan Chalet yang Terbiar dan Tidak
Disenggara Semasa Pemeriksaan Audit
(18.12.2017)

GAMBAR 2.31



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Kemudahan di Dalam Chalet KTPUS Semasa
Masih Beroperasi
(Tahun 2013)
(Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan)

GAMBAR 2.32



Kompleks Teknologi Pertanian, Ulu Sepri
- Kemudahan Chalet yang Terbiar dan Tidak
Digunakan Semasa Pemeriksaan Audit
(05.12.2017)

vii. Perkara ini boleh menyebabkan pegawai terdedah kepada risiko kemalangan akibat masalah tersebut. Ini kerana KTPUS adalah tempat untuk pelaksanaan kursus pegawai dan aktiviti demonstrasi pertanian kepada petani. Selain itu, sejak arahan pemberhentian perkhidmatan sewaan kemudahan KTPUS, tiada lagi latihan kepada petani berskala besar dilaksanakan dan ini memberi kesan terhadap hasil sewaan untuk Kerajaan Negeri. Berdasarkan rekod kutipan hasil sewaan KTPUS yang dikemukakan oleh JPNS, jumlah terimaan sewa yang diperoleh bagi tahun 2008 hingga Oktober 2014 adalah sejumlah RM188,869.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Peruntukan tidak mencukupi untuk pembaikan yang optima dan pihak jabatan masih perlu rujuk kembali pihak JKR dan Kerajaan Negeri mengenai kelulusan CCC tanah bagi Kompleks tersebut. Perbincangan mengenai isu ini telah dibuat bermula tahun 2015 di antara pihak Jabatan, Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS) dan Majlis Daerah Rembau. Isu ini tergantung disebabkan kegagalan pihak PKNNS mengemukakan pelan struktur asas tapak dan bangunan. Pada tahun 2017, pihak jabatan telah mengutarakan isu bekalan air bersih dalam mesyuarat JKTD Daerah Rembau namun sehingga kini tiada kata putus mengenainya.

Pada pendapat Audit, JPNS perlu meningkatkan usaha supaya semua pihak terlibat seperti Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengambil tindakan menangani setiap kerosakan dan keretakan di bangunan KTPUS dengan segera bagi mengelak sebarang risiko kemalangan pada masa hadapan serta memastikan kelangsungan projek pengembangan teknologi pertanian ini dapat dilaksanakan dengan licin dan lancar.

2.6.2.3. Mekanisme Pemantauan

- a. Bagi memantau pelaksanaan program perkhidmatan pengembangan pertanian, JPNS mempunyai mekanisme pemantauan seperti mesyuarat, lawatan ke tapak program oleh Agen Pengembangan Kawasan (APK), pegawai Ibu Pejabat JPNS dan pegawai teknikal DOA di Negeri.
- b. Semakan Audit mendapati bagi memantau pelaksanaan dan membincangkan prestasi aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian, JPNS telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri bagi tahun 2015 hingga tahun 2017. JPNS turut menyediakan

Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri bagi setiap suku tahun untuk dikemukakan kepada setiap Pejabat Pertanian Daerah. Selain itu, Bahagian Teknikal DOA Negeri turut menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA. Butiran ringkasan perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2.11
MESYUARAT YANG DIADAKAN BAGI TUJUAN PEMANTAUAN PROGRAMPEKHIDMATAN PENGEMBANGAN TEKNOLOGI PERTANIAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BIL .	NAMA MESYUARAT/LAPORAN	KEKERAPAN MESYUARAT	BILANGAN DILAKSANAKAN			PERKARA YANG DIBINCANGKAN/DILAPORKAN
			2015	2016	2017	
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Negeri	Mengikut keperluan	1	-	1	Pembentangan laporan teknikal berkenaan projek di Pusat Pertanian dan projek-projek utama JPNS seperti TKPM dan Industri Asas Tani. Perkara mengenai latihan turut dibincangkan.
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA (Bahagian Teknikal Negeri)	Mengikut keperluan	3	-	-	Membincangkan mengenai status pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Pemerhatian, Projek NBOS/Ladang Rakyat/TKPM/Kluster Herba.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri	4 kali setahun	4	4	4	Membincangkan prestasi kemajuan pelaksanaan aktiviti perkhidmatan pertanian, latihan dan aktiviti pengembangan pertanian. Laporan pencapaian Industri Asas Tani turut dibincangkan.
4.	Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri	4 kali setahun	4	4	4	Melaporkan bilangan latihan APK di setiap daerah, lawatan APK terhadap semua projek/operasi JPNS dan lawatan pasukan teknikal terhadap semua projek/operasi JPNS.

Sumber: JPNS

- c. Berdasarkan jadual di atas, kesemua mesyuarat telah dilaksanakan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri dan Laporan Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri mendapati mesyuarat tersebut ada melaporkan berkaitan prestasi dan pelaksanaan perkhidmatan pengembangan pertanian. Tetapi, ia bukanlah secara terperinci dan hanya dilaporkan bilangan pelaksanaan sahaja. Bagaimanapun, mulai tahun 2017 laporan dan pembentangan bagi perkara tersebut mula diperincikan butirannya pada minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengembangan Peringkat Negeri. Manakala, laporan bagi Kemajuan Aktiviti Perkhidmatan Pengembangan Negeri masih dilaporkan secara bilangan dan tajuk aktiviti sahaja kerana formatnya telah ditetapkan oleh garis panduan laporan tersebut. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pelaksanaan pemantauan dan aktiviti yang dilaksanakan kerana tiada dokumen sokongan atau laporan terperinci dikepilkhan bersama laporan tersebut.

d. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat DOA yang dipengerusikan oleh Pegawai Pertanian Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Sumber Tanah ada membincangkan mengenai perancangan dan pelaksanaan Petak Demonstrasi dan Pemerhatian termasuk masalah yang dihadapi. Bagaimanapun, berdasarkan kepada senarai kehadiran ahli mesyuarat, tiada wakil daripada JPNS dijemput untuk menghadiri mesyuarat tersebut. Hanya minit mesyuarat tahun 2015 sahaja diedarkan kepada JPNS. Sehubungan itu, perancangan dan prestasi pelaksanaan bagi Petak Demonstrasi dan Pemerhatian serta perkara lain yang berkaitan tidak dapat dibincangkan secara efektif dan menyeluruh.

Maklum Balas JPNS yang Diterima pada 18 April 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada tahun 2015 dan 2016 keahliannya hanya terdiri daripada semua Kuasausaha Teknikal. Hasil perbincangan di peringkat Jawatankuasa ini akan dibentangkan pada Jawatankuasa Pengembangan bagi tujuan kelulusan dan pelaksanaan. Penambahbaikan telah dibuat mulai tahun 2017 dengan melibatkan JPNS sebagai ahli Jawatankuasa Teknikal.

Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang dilaksanakan bagi projek perkhidmatan pengembangan pertanian masih boleh ditambah baik dari sudut pelaporan pelaksanaan setiap projek dan kaedah penyelesaian masalah projek.

2.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan dalam pengurusan perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian yang dibangkitkan tidak berterusan pada masa hadapan dan Kerajaan mendapat *best value for money* atas perolehan dan perkhidmatan berkaitan projek perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian yang telah dilaksanakan, adalah disyorkan pihak terlibat untuk mengambil tindakan seperti berikut:

2.7.1. Pengurus Projek dan Ketua Penyelaras Projek dilantik dan bertanggungjawab terhadap projek bermula dari perancangan, strategi pelaksanaan, penilaian dan pelaporan projek bagi memastikan setiap teknologi projek diperkenalkan mampu memberi nilai tambah hasil tanaman yang sedia ada selain memastikan peruntukan dibelanjakan dengan memberi keutamaan terhadap aktiviti pengembangan teknologi pertanian yang memberi impak yang tinggi;

2.7.2. JPNS hendaklah memastikan mekanisme pemantauan projek yang berkesan bagi memastikan teknologi projek yang diperkenalkan dapat membantu

meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Usaha sama dengan Agensi *Remote Sensing* menggunakan GIS boleh dilaksanakan bagi memastikan semua projek dilaksanakan seperti ditetapkan dalam prosedur kerja;

2.7.3. JPNS, Kerajaan Negeri, Majlis Daerah Rembau dan Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan hendaklah bekerjasama mengambil tindakan segera menangani kerosakan dan keselamatan di semua pusat pertanian bagi memastikan projek dan pembangunan teknologi pertanian dapat dilaksanakan dengan lancar; dan

2.7.4. Pegawai JPNS yang terlibat dalam menguruskan perolehan berkaitan aktiviti perkhidmatan pengembangan teknologi pertanian perlu menghadiri kursus berkaitan Perolehan Kerajaan dan Pengurusan Kewangan supaya dapat memahami prosedur kewangan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pembayaran tidak teratur pada masa hadapan.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

3. MAINS HOLDINGS SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). MHSB dahulunya dikenali sebagai EDIFAJAR Development Sdn. Bhd., telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 22 Januari 1997 dan telah ditukar namanya kepada MAINS Holdings Sdn. Bhd mulai 10 November 1998. Sehingga 31 Disember 2016, modal dibenarkan adalah berjumlah RM5 juta dan modal berbayar berjumlah RM750,000. Objektif MHSB ditubuhkan adalah untuk meningkatkan sumber pendapatan MAINS melalui aktiviti perniagaan, menguruskan dan membangunkan aset MAINS supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Aktiviti utama MHSB adalah pengurusan harta tanah, pembangunan harta tanah, perkhidmatan kaunseling dan penyewaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Misi MHSB adalah untuk melaksanakan konsep muamalat dalam aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada usaha menggalakkan umat Islam mencebur ke dalam perniagaan serta melindungi kepentingan ekonomi umat Islam Negeri Sembilan. MHSB beroperasi di Tingkat 12, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, Seremban.

3.1.2. Syarikat diterajui oleh 10 orang Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang terdiri daripada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai Pengerusi dan sembilan (9) orang ahli antaranya Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha MAINS dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Pengurusan MHSB pula diuruskan oleh 35 orang kakitangan yang diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh seorang Pembantu Pengurus Besar, seorang Perunding Projek, seorang akauntan, empat (4) orang eksekutif, empat (4) orang kakitangan sokongan di pejabat utama MHSB serta 23 orang kakitangan di enam (6) lokasi pusat kaunseling. MHSB mempunyai tiga (3) syarikat subsidiari iaitu MAINS Hotel Sdn. Bhd. (Klana Beach Resort), MAINS Urus Harta Sdn. Bhd. dan Perbadanan Wakaf Sdn. Bhd. Pengurusan MHSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A) dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan serta *Standard Operating Procedures* syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kedudukan kewangan MHSB adalah kukuh dan amalan tadbir urusnya adalah baik serta pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP PENG AUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus bagi tahun 2014 hingga bulan Ogos 2017. Bagi pengurusan aktiviti, dua (2) aktiviti syarikat telah dipilih untuk diaudit iaitu pengurusan harta tanah dan penyewaan peralatan ICT yang merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan operasi syarikat. Pihak Audit telah memilih sampel sebanyak 87 unit (63.5%) premis perniagaan dan 10 lot tanah (62.5%) yang diuruskan oleh MHSB untuk menilai pelaksanaannya bagi urusan pemasaran, penyewaan, penyenggaraan dan keselamatan premis/harta tanah tersebut serta 15 (57.69%) sampel lokasi penempatan peralatan ICT yang disewakan. Pengauditan dijalankan di ibu pejabat MHSB dan Bahagian Pengurusan Hartanah yang terletak di Bazaar MAINS.

3.4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan MHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Laporan Juruaudit Tanpa Teguran oleh Tetuan Nurdini & Co. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti serta analisis nisbah kewangan. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang dikemukakan oleh MHSB dan MAINS. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai MHSB juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Semak silang turut dibuat terhadap laporan pengeluaran kuari yang terdapat di Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sembilan (JMG). Selain itu, pasukan Audit juga menggunakan khidmat bantuan Agensi Remote Sensing Malaysia bagi mendapatkan imej satelit aktiviti kuari di tanah milik MAINS yang disewakan bagi tujuan pengesahan sempadan. Soal selidik juga telah diedarkan kepada penyewa premis/peralatan ICT untuk mengenal pasti tahap kepuasan hati pelanggan terhadap kualiti dan penyenggaraan premis/peralatan ICT milik MHSB. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset/stok termasuk lawatan ke lokasi harta tanah yang diuruskan oleh MHSB serta lokasi peralatan ICT disewakan turut dijalankan untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan aset yang berkaitan.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2017 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan MHSB adalah kukuh kerana pendapatan operasi secara puratanya meningkat dan melebihi perbelanjaan operasi yang seterusnya

menyebabkan syarikat berupaya mencatatkan keuntungan sebelum cukai tiga (3) tahun berturut-turut serta keuntungan terkumpul sejumlah RM6.16 juta pada akhir tahun 2016. Selain itu, jumlah aset juga melebihi liabiliti dan aliran tunai syarikat berbaki positif.

b. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti MHSB secara keseluruhannya belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana pendapatan bagi aktiviti penyewaan peralatan ICT masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Penyenggaraan dan pemantauan berkala juga tidak dilakukan terhadap premis serta peralatan ICT yang disewakan. Selain itu, terdapat premis perniagaan kosong tanpa penyewa dan kadar pajakan tanah yang dikutip tidak sama seperti yang ditetapkan dalam Dokumen Perjanjian.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus MHSB pula berada pada tahap memuaskan kerana terdapat beberapa amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan seperti penyediaan Rancangan Korporat atau Pelan Strategik.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh MHSB adalah seperti berikut:

- i. pendapatan bagi aktiviti penyewaan peralatan ICT tidak mencapai sasaran yang ditetapkan;
- ii. sejumlah 49 (35.8%) daripada 137 premis perniagaan kosong tanpa penyewa dan premis perniagaan yang memerlukan tindakan penambahbaikan;
- iii. kadar pajakan tanah yang dikutip tidak sama seperti yang ditetapkan dalam dokumen Perjanjian yang dipersetujui kedua-dua pihak dan tiada Perjanjian Tambahan dibuat;
- iv. penyenggaraan dan pemantauan berkala tidak dilakukan terhadap premis dan peralatan ICT yang disewakan;
- v. beberapa kelemahan pengurusan peralatan ICT telah dikesan; dan
- vi. terdapat amalan tadbir urus yang baik tidak dilaksanakan.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas MHSB telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 9 Januari 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Kedudukan Kewangan

3.6.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan MHSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan berdasarkan kedudukan kewangan syarikat ini yang merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.1
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016**

BUTIRAN	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)
Perolehan Operasi	1,697,583	1,676,382	1,685,067
Lain-lain Pendapatan	156,722	139,464	76,781
Jumlah Pendapatan	1,854,305	1,815,846	1,761,848
Perbelanjaan Pentadbiran	1,698,805	1,620,552	1,586,090
Kos Kewangan	28,103	25,001	24,909
Lain-lain Perbelanjaan	10,687	11,301	17,480
Jumlah Perbelanjaan	1,737,595	1,656,854	1,628,479
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	116,710	158,992	133,369
Hasil//(Belanja) Cukai	(27,147)	(53,278)	(19,861)
Keuntungan Selepas Cukai	89,563	105,714	113,508
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	5,990,299	6,096,013	6,159,521
JUMLAH ASET	46,727,032	57,006,273	56,989,797
JUMLAH LIABILITI	39,986,733	50,160,260	50,080,276
JUMLAH EKUITI	6,740,299	6,846,013	6,909,521
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	46,727,032	57,006,273	56,989,797
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	5,016,062	4,688,859	4,998,070


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.2. Pendapatan utama MHSB adalah hasil sewaan/pajakan harta tanah dan peralatan ICT milik MHSB serta yuran pengurusan yang diperoleh daripada pengurusan harta tanah MAINS. Analisis Audit terhadap trend pendapatan MHSB menunjukkan berlaku penurunan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 antaranya disebabkan pengurangan pendapatan daripada yuran pengurusan sejumlah RM83,152. Bagaimanapun pendapatan daripada hasil sewaan/pajakan harta tanah dan peralatan ICT meningkat sejumlah RM61,951. Seterusnya, trend pendapatan utama MHSB menunjukkan peningkatan sejumlah RM8,685 pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 disebabkan pertambahan kontrak sewaan peralatan ICT yang diperoleh syarikat. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.


3.6.1.3. Perbelanjaan MHSB pula terdiri daripada kos kewangan dan perbelanjaan pentadbiran antaranya penggajian/emolumen kakitangan, pelunasan aset konsesi dan susut nilai harta tanah, loji serta kelengkapan. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masing-masing berjumlah RM1.73 juta, RM1.66 juta dan RM1.63 juta. Berlaku penurunan jumlah perbelanjaan pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 antaranya disebabkan oleh pembayaran kepada juru perunding projek syarikat subsidiari MHSB iaitu MAINS Hotel Sdn. Bhd. sejumlah RM119,913 yang dibuat pada tahun 2014. Selain itu, terdapat perbelanjaan penyenggaraan pejabat pada tahun 2014 berjumlah RM26,016. Pihak Audit mendapati perbelanjaan lawatan Ahli Lembaga Pemegang Amanah MAINS dan ALP MHSB ke Timur Tengah sejumlah RM75,891 telah dibuat pada tahun 2015. Perbelanjaan tersebut telah mendapat kelulusan ALP MHSB dan ia bukanlah perbelanjaan operasi utama MHSB. Bagaimanapun pada tahun 2016, tiada perbelanjaan tersebut dibuat yang menyebabkan berlaku penurunan perbelanjaan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015.

3.6.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah memberi kesan positif terhadap keuntungan MHSB. MHSB telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM100,000 bagi tiga (3) tahun berturut-turut iaitu masing-masing berjumlah RM116,710, RM158,992 dan RM133,369 pada tahun 2014, 2015 dan 2016. Walaupun mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tiga (3) tahun berturut-turut, kadar keuntungan tersebut berkurangan sebanyak 16.1% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Ini telah menyebabkan peningkatan keuntungan terkumpul syarikat sebanyak 1% kepada RM6.16 juta pada akhir tahun 2016, berbanding tahun 2015. **Jadual 3.1** dan **Carta 3.2** adalah berkaitan.

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN BAGI
TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



CARTA 3.2
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM
CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI
TAHUN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.5. Analisis Audit mendapati MHSB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasi kerana kedudukan aset syarikat yang melebihi liabiliti bagi tempoh tiga (3) tahun ini. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun 2016, komponen terbesar yang menyumbang kepada aset MHSB ialah sewa prabayar, lain-lain terimaan dan deposit iaitu sebanyak 66.5% daripada jumlah keseluruhan aset syarikat serta pelaburan dalam syarikat subsidiari sebanyak 19.2%. Manakala komponen terbesar bagi liabiliti pula adalah pinjaman bank sebanyak 69.2% dan pinjaman daripada agensi induk (MAINS) sebanyak 25.7%. Pihak Audit mendapati 96.8% pinjaman bank yang dibuat oleh MHSB adalah bagi pihak MAINS untuk tujuan pembinaan Menara MAINS dan 99.1% pinjaman daripada agensi induk adalah untuk kegunaan syarikat subsidiari MHSB iaitu MAINS Hotel Sdn. Bhd.

3.6.1.6. Pihak Audit mendapati MHSB berada pada tahap kecairan yang baik di mana aset semasa masih melebihi liabiliti semasa antara dua (2) hingga tiga (3) kali ganda yang menunjukkan syarikat mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya pada bila-bila masa. Selain itu, MHSB juga mampu menjana hasil daripada aset bukan semasa antara RM1.15 hingga RM1.84 bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Bagaimanapun pengurusan kredit MHSB pula didapati memerlukan tindakan penambahbaikan dari sudut kecekapan untuk mendapat balik hutang yang pada masa kini menunjukkan tempoh masa purata antara 315 hingga 488 hari. Pihak Audit dimaklumkan oleh akauntan MHSB tempoh masa tersebut menjadi panjang disebabkan jumlah penghutang dagangan adalah termasuk lain-lain penghutang yang melibatkan MAINS dan syarikat subsidiari MHSB.

3.6.1.7. Analisis Audit telah dijalankan terhadap aliran tunai MHSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2016, MHSB mempunyai tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM5.0 juta dengan peningkatan sejumrah RM309,211 (6.6%) berbanding RM4.69 juta pada akhir tahun 2015.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018

Jumlah penghutang dagangan yang direkodkan dalam Penyata Kewangan Beraudit MHSB adalah termasuk lain-lain penghutang yang melibatkan MAINS dan syarikat subsidiari MHSB. Bagaimanapun perincianya tidak dinyatakan dalam Nota Kepada Akaun. MHSB akan memohon firma audit yang mengaudit penyata kewangan berkenaan agar membuat pelarasian terhadap item penghutang dagangan dalam persembahan Penyata Kewangan tahun berikutnya supaya nisbah kecekapan dapat dinilai dengan lebih tepat.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan di atas, secara keseluruhannya prestasi kewangan MHSB adalah kukuh.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti

MHSB merupakan sebuah syarikat berorientasikan keuntungan yang menyediakan perkhidmatan pengurusan harta tanah, pembangunan harta tanah, perkhidmatan kaunseling dan penyewaan peralatan ICT. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016, MHSB telah mencatatkan pendapatan operasi sejumlah RM6.25 juta yang terdiri daripada pendapatan hasil sewaan/pajakan harta tanah dan peralatan ICT milik MHSB sejumlah RM3.19 juta serta yuran pengurusan yang diperoleh daripada pengurusan harta tanah MAINS sejumlah RM3.06 juta. Pihak Audit telah memilih aktiviti pengurusan harta tanah dan penyewaan peralatan ICT untuk dibuat semakan selanjutnya kerana kedua-dua aktiviti tersebut merupakan penyumbang utama kepada pendapatan operasi MHSB. Bagi aktiviti pembangunan harta tanah, MHSB hanya melaksanakan aktiviti tersebut bagi pihak MAINS dan majoriti daripadanya tidak dikenakan yuran pengurusan. Perkhidmatan kaunseling yang diberikan pula tidak berorientasikan keuntungan dan bayaran yuran latihan yang dikenakan diguna untuk perbelanjaan makan/minum peserta serta peralatan latihan.

3.6.2.1. Prestasi Pencapaian Pendapatan Berbanding Sasaran

- a. MHSB telah menetapkan sasaran pendapatan syarikat mengikut aktiviti utama bagi setiap tahun kewangan. Pendapatan yang diperoleh daripada pengurusan harta tanah terdiri daripada yuran pengurusan yang diterima sebanyak 10% daripada jumlah kutipan sewa premis perniagaan dan pajakan tanah milik MAINS, 5% daripada jumlah kutipan sewa premis perniagaan di Bazaar MAINS serta 7.5% daripada kerja penyenggaraan yang dibuat bagi pihak MAINS. Bagi pendapatan sewaan peralatan ICT pula terdiri daripada hasil sewaan peralatan komputer (*desktop, laptop* dan *tablet*) milik MHSB.
- b. Semakan Audit terhadap prestasi pendapatan MHSB mendapati pendapatan sebenar bagi perkhidmatan pengurusan harta tanah telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 20.4% bagi tahun 2014, 6.1% bagi tahun 2015, 1.7% bagi tahun 2016 dan 30.3% (setakat Ogos 2017). Bagaimanapun, pendapatan sebenar bagi perkhidmatan penyewaan peralatan ICT adalah tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran bagi tiga (3) tahun berturut-turut iaitu 4.8% bagi tahun 2014, 8.2% bagi tahun 2015, 5.7% bagi tahun 2016 dan 32% (setakat Ogos 2017). MHSB sepatutnya membuat sasaran dengan lebih tepat disebabkan pelanggan utama MHSB yang merupakan pelanggan tetap pada setiap tahun, yang terdiri daripada agensi kerajaan dan syarikat subsidiari MHSB sendiri. Butiran lanjut mengenai pendapatan sebenar berbanding sasaran adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.2
PENDAPATAN SEBENAR PERKHIDMATAN
PENGURUSAN HARTANAH DAN PENYEWAAN PERALATAN ICT
BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN OGOS 2017

AKTIVITI	SASARAN PENDAPATAN (RM Juta) (a)				PENDAPATAN SEBENAR (RM Juta) (b)				PERBEZAAN (%) $\frac{(b)-(a)}{(a)} \times 100$			
	2014	2015	2016	2017 *	2014	2015	2016	2017 *	2014	2015	2016	2017 *
Pengurusan Hartanah	1.08	1.15	1.16	0.66	1.30	1.22	1.18	0.86	20.4	6.1	1.7	30.3
Penyewaan Peralatan ICT	0.42	0.49	0.53	0.50	0.40	0.45	0.50	0.34	-4.8	-8.2	-5.7	-32.0

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: * - Setakat Bulan Ogos 2017

- c. Berdasarkan maklumat yang diterima semasa perbincangan dalam *Exit Conference*, pihak Audit dimaklumkan kegagalan pencapaian sasaran pendapatan penyewaan peralatan ICT antaranya disebabkan oleh MHSB menyasarkan setiap penyewa sedia ada akan menyambung kontrak sewaan pada bulan Januari setiap tahun. Sebaliknya, kontrak penyewaan lewat dibuat proses lanjutan iaitu selepas kontrak asal tamat dan tiada prosedur semakan semula bajet dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor luar kawalan selepas kegagalan mencapai sasaran awal yang ditetapkan.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018

MHSB akan membuat penambahbaikan dengan menetapkan sasaran pendapatan penyewaan peralatan ICT pada bulan Disember 2018 dan seterusnya dengan mengambil kira sewaan semasa sahaja.

Pada pendapat Audit, pencapaian keseluruhan pendapatan yang dibuat oleh pihak MHSB adalah memuaskan berbanding sasaran kecuali bagi pencapaian pendapatan sewaan peralatan ICT.

3.6.2.2. Perkhidmatan Pengurusan Hartanah

- a. MAINS telah memeterai perjanjian dengan MHSB pada 27 Oktober 1999 yang memberikan kuasa kepada MHSB untuk menguruskan harta milik MAINS dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Aktiviti pengurusan harta adalah melibatkan pengurusan bagi 137 unit premis perniagaan/kediaman dan 17 lot tanah yang dipajak untuk tujuan kuari serta ladang kelapa sawit di sekitar Negeri Sembilan. Kesemua premis dan tanah tersebut adalah milik MAINS kecuali bagi empat (4) unit premis di Taman Senawang Indah yang mana keempat-empat unit premis berkenaan merupakan milik MHSB dan hasil sewaannya merupakan pendapatan operasi utama MHSB.

Perkhidmatan pengurusan harta tanah merupakan aktiviti utama MHSB yang menyumbang sejumlah RM4.56 juta (73%) kepada pendapatan operasi syarikat bagi tempoh tahun 2014 hingga Ogos 2017.

- b. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Ogos 2017, pendapatan operasi daripada aktiviti pengurusan harta tanah MHSB adalah sejumlah RM4.56 juta yang terdiri daripada yuran pengurusan premis perniagaan dan pajakan tanah milik MAINS sejumlah RM3.06 juta dan sewaan premis perniagaan milik MHSB sendiri sejumlah RM1.50 juta seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.3

PENDAPATAN PENGURUSAN HARTA TANAH BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN OGOS 2017

BIL.	PERKARA	PENDAPATAN				
		2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 * (RM)	JUMLAH (RM)
YURAN PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN DAN KEDIAMAN MILIK MAINS						
1.	Premis Perniagaan	516,858	463,393	424,175	269,990	1,674,416
2.	Bazaar MAINS	10,896	8,685	5,891	3,768	29,240
JUMLAH		527,754	472,078	430,066	273,758	1,703,656
YURAN PENGURUSAN PAJAKAN TANAH MILIK MAINS						
1.	Kuari	247,598	229,652	214,774	175,140	867,164
2.	Ladang	125,815	114,718	136,698	117,037	494,268
JUMLAH		373,413	344,370	351,472	292,177	1,361,432
KUTIPAN SEWA PREMIS PERNIAGAAN MILIK MHSB						
1.	Premis Perniagaan Taman Senawang Indah	400,857	407,148	398,618	292,736	1,499,359
JUMLAH KESELURUHAN		1,302,024	1,223,596	1,180,156	858,671	4,564,447

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota : * - Setakat Bulan Ogos 2017

- c. Pihak Audit seterusnya membuat semakan terhadap urusan pemasaran, penyewaan, penyenggaraan dan keselamatan premis/harta tanah yang diuruskan oleh MHSB dan mendapat perkara-perkara seperti berikut:

d. **Sewaan Premis Perniagaan/Kediaman**

Berdasarkan perjanjian antara MAINS dan MHSB, MHSB telah dipertanggungjawabkan menguruskan harta tanah milik MAINS dan sebagai balasan, MHSB akan mengenakan yuran pengurusan sebanyak 10% daripada jumlah kutipan sewa premis perniagaan/kediaman milik MAINS, 5% daripada jumlah kutipan sewa premis perniagaan di Bazaar MAINS dan 7.5% daripada kerja penyenggaraan yang dilaksanakan di premis MAINS. Skop pengurusan yang dipertanggungjawabkan kepada MHSB adalah meliputi pemasaran, lantikan penyewa, membuat kutipan sewa, penguatkuasaan, keselamatan premis dan kerja-kerja penyenggaraan premis yang rosak termasuklah membuat lantikan kontraktor pembersihan.

i. Prestasi Kutipan Sewa

Berdasarkan laporan prestasi kutipan sewa yang dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP), bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Ogos 2017, MHSB telah mengutip sewa sejumlah RM5.94 juta iaitu kurang sebanyak 3.1% berbanding sasaran RM6.13 juta seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.4
PRESTASI KUTIPAN SEWA PREMIS
PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JULAI 2017**

KATEGORI	SASARAN KUTIPAN SEWA (RM Juta) (a)				KUTIPAN SEWA SEBENAR (RM Juta) (b)				PERBEZAAN (%) $\frac{(b)-(a)}{(a)} \times 100$		
	2015	2016	2017 *	JUMLAH	2015	2016	2017 *	JUMLAH	2015	2016	2017 *
Sewa Bangunan Dan Kediaman	2.14	2.27	1.23	5.64	2.39	2.07	1.07	5.53	11.7	(8.8)	(13.0)
Bazaar MAINS	0.23	0.17	0.09	0.49	0.19	0.15	0.07	0.41	(17.4)	(11.8)	(22.2)
JUMLAH	2.37	2.44	1.32	6.13	2.58	2.22	1.14	5.94	8.9	(9.0)	(13.3)

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota : * - Setakat Bulan Ogos 2017

- ii. Berdasarkan jadual di atas, sasaran kutipan sewa bagi bangunan dan kediaman telah dicapai melebihi sasaran bagi tahun 2015 dan 2017 (setakat bulan Julai). Bagaimanapun, sasaran bagi tahun 2016 tidak tercapai di mana kutipan sewa sebenar adalah RM2.07 juta berbanding sasaran RM2.27 juta. Bagi Bazaar MAINS pula, sasaran kutipan sewa untuk ketiga-tiga tahun gagal dicapai di mana kutipan sebenar bagi tahun 2015, 2016 dan setakat bulan Julai 2017 adalah kurang daripada sasaran sebanyak 17.4%, 11.8% dan 22.2%, berbanding sasaran asal iaitu RM0.23 juta, RM0.17 juta dan RM0.09 juta.
- iii. Semakan Audit terhadap rekod penyewa yang diselenggarakan oleh MHSB mendapati punca kegagalan MHSB mencapai sasaran kutipan sewa yang telah ditetapkan antaranya disebabkan oleh 49 (35.8%) daripada 137 unit premis di mana penyewa telah berpindah dan masih kosong serta penyewa menutup perniagaan seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.5
SENARAI PREMIS KOSONG TANPA PENYEWA

BIL	LOKASI PREMIS	BIL. LOT/UNIT	KADAR SEWA BULANAN (RM)	TEMPOH KEKOSONGAN (BULAN)	JUMLAH KEHILANGAN HASIL SEWAAN MAINS (RM)	JUMLAH KEHILANGAN YURAN PENGURUSAN MHSB (RM)
Penyewa Berpindah						
1.	Bazaar MAINS	38	250 hingga 280	1 hingga 39	235,017	11,751
2.	Era Square	1	4,500	8	36,000	3,600
3.	Wisma Cahaya	2	400	7	5,600	560
Penyewa Menutup Perniagaan						
4.	Taman Sri Pertang	1	1,000	8	8,000	800
5.	Arab Malaysian Business Centre	2	15,000	17	510,000	51,000
Penyewa Berpindah ke Menara MAINS						
6.	Wisma Arab Malaysian	4	2,500 hingga 4,900	7	86,800	8,680
Dalam Proses Penyediaan Dokumen Perjanjian						
7.	Taman Senawang Indah	1	1,750	7	12,250	1,225
JUMLAH					893,667	77,616

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: *- Milik MHSB

- iv. Berdasarkan jadual di atas, kekosongan tersebut melibatkan premis di Bazaar MAINS, Taman Sri Pertang, Wisma Arab Malaysian, Arab Malaysian Business Centre, Wisma Cahaya dan Taman Senawang Indah 2 bagi tempoh antara tujuh (7) bulan hingga 39 bulan. Hasil temubual pihak Audit dengan pegawai Bahagian Pengurusan Hartanah MHSB mendapati kekosongan berlaku disebabkan oleh perpindahan pejabat MAINS dari Wisma Arab Malaysian ke Menara MAINS yang baru dan siap sepenuhnya pada awal Januari 2017. Selain itu, peniaga didapati telah menutup operasi perniagaan kerana mengalami kerugian.
- v. Berdasarkan analisis pihak Audit, kekosongan 38 unit premis di Bazaar MAINS telah memberi implikasi kewangan kepada MAINS dan MHSB yang mana MAINS boleh mengalami kehilangan hasil sewaan sejumlah RM235,017 (26.3%) yang menyebabkan MHSB kehilangan pendapatan yuran pengurusan sejumlah RM11,751 (15.1%) sepanjang tempoh kekosongan tersebut. Jumlah keseluruhan hasil sewaan yang sekiranya dikutip dan seterusnya boleh menyebabkan kerugian yuran pengurusan bagi keseluruhan 49 unit premis yang kosong adalah masing-masing berjumlah RM893,667 dan RM77,616.
- vi. Bagi menangani masalah kekosongan unit kedai di Bazaar MAINS, MHSB telah pun mengambil inisiatif dengan memberikan cadangan-cadangan bagi menarik peniaga untuk bermiaga di Bazaar MAINS. Semakan terhadap minit-minit Mesyuarat ALP MHSB juga mendapati permasalahan mengenai Bazaar MAINS kerap dibincangkan dan beberapa cadangan penambahbaikan pernah diketengahkan untuk mendapatkan persetujuan ALP. Bagaimanapun,

didapati cadangan-cadangan yang dibuat oleh MHSB ditolak manakala satu cadangan iaitu menjadikan aras satu (1) Bazaar MAINS sebagai medan selera telah dipersetujui pada Mesyuarat ALP Bil. 3/2017 seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.6
CADANGAN PENAMBAHBAIKAN BAZAAR MAINS**

BIL.	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	MESYUARAT ALP	KEPUTUSAN ALP
1.	Konsep pusat gajet dan elektronik Muslim	Bilangan 4 Tahun 2015	Ditangguh kerana kurang tempat letak kereta dan kos pengubahsuaian terlalu tinggi (RM3 juta)
2.	Medan selera dengan usahasama Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan	Bilangan 4 Tahun 2016	Pelan transformasi tidak diteruskan oleh pihak Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan mengikut perancangan awal
3.	Aras 1 dijadikan medan selera	Bilangan 3 Tahun 2017	ALP bersetuju. Kertas kerja cadangan perlu disediakan dan dikemukakan pada mesyuarat ALP akan datang.

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

- vii. Selain cadangan penambahbaikan dan kerja-kerja penyenggaraan bangunan, MHSB juga ada membuat pengiklanan bagi premis-premis yang kosong dengan menampal notis pada premis yang kosong seperti di **Gambar 3.1**. Selain itu, MHSB juga ada melantik lima (5) syarikat untuk mempromosi dan mendapatkan penyewa dan syarikat yang berjaya memperkenalkan penyewa baru akan diberi komisen dengan kadar sewa sebulan premis. Bagaimanapun, semakan fizikal pihak Audit ke lokasi-lokasi premis yang kosong berkenaan mendapati usaha-usaha ini juga masih tidak berupaya untuk menarik minat peniaga untuk menyewa premis tersebut walaupun terdapat deretan kedai-kedai di sekeliling kawasan sekitar bangunan premis berkenaan.

GAMBAR 3.1



Taman Senawang Indah, Seremban
- Antara Premis yang Dipamerkan
Nama dan Nombor Telefon Pegawai MHSB Bagi Tujuan Penyewaan
(17.10.2017)

- viii. Hasil lawatan Audit ke lokasi mendapati punca utama Bazaar MAINS ini kosong adalah disebabkan kekurangan pelanggan berikutan tiada kepelbagaiannya barang yang dijual untuk menarik minat pengunjung. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh MHSB semasa mesyuarat exit conference pada

9 Januari 2018 bahawa pada tahun 2016 para peniaga telah diarahkan keluar buat sementara waktu bagi membolehkan kerja-kerja pembaikan dan setelah kerja-kerja pembaikan tersebut selesai, terdapat peniaga yang enggan kembali berniaga.

- ix. Hasil temu bual pihak Audit dengan beberapa wakil penyewa di Bazaar MAINS memaklumkan Bazaar MAINS tidak mendapat sambutan pengunjung antaranya berpunca dari laluan utama di bahagian hadapan Bazaar MAINS ditutup pada jam 5.00 petang setiap hari bagi memberi laluan kepada operasi pasar malam. Tiada inisiatif untuk mempromosikan Bazaar MAINS dilakukan sedangkan kemudahan seperti pentas ada disediakan di bahagian tengah Bazaar yang sepatutnya boleh dijadikan tarikan pengunjung bagi menganjurkan program seperti forum. Selain itu, perlunya usaha-usaha bagi menawarkan kepelbagaian produk dengan pelbagai pilihan bagi menarik lebih ramai pengunjung datang ke Bazaar ini seperti musim perayaan, karnival pendidikan kembali ke sekolah dan sebagainya.
- x. Bagi menilai prestasi pendapatan di Bazaar MAINS, pihak Audit telah membuat analisis bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Julai 2017. Hasil analisis tersebut didapati MAINS melalui MHSB, telah memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM95,731 daripada penyewaan unit-unit premis perniagaan di Bazaar MAINS seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.7
PENGIRAAN UNTUNG/RUGI DARIPADA PENYEWAAN BAZAAR MAINS
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA BULAN JULAI 2017

PERKARA	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (*) (RM)	JUMLAH (RM)
Pendapatan Kutipan Sewa	256,770	186,667	152,063	74,199	669,699
(-) Penyelenggaraan	0	0	36,756	25,252	62,008
(-) Kos Keselamatan	63,315	63,315	63,315	63,315	253,260
(-) Kos Pembersihan	72,000	72,000	72,000	42,700	258,700
Untung/(Rugi)	121,455	51,352	(20,008)	(57,068)	95,731

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: * - Setakat Bulan Julai 2017

- xi. Berdasarkan jadual di atas, MHSB telah mengutip sewa sejumlah RM669,699 bagi unit-unit yang disewakan di Bazaar MAINS. Selain itu, sejumlah RM62,008 telah dibelanjakan untuk kerja penyenggaraan, RM253,260 dibelanjakan untuk perkhidmatan kawalan keselamatan dan sejumlah RM258,700 dibelanjakan untuk perkhidmatan pembersihan. Walaupun secara keseluruhan bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Julai 2017 terdapat keuntungan daripada penyewaan unit-unit premis perniagaan di Bazaar MAINS, namun keuntungan tersebut hanya berlaku pada tahun 2014 dan 2015. Bagi tahun 2016 dan setakat bulan Julai 2017, telah berlaku

kerugian sejumlah RM20,008 dan seterusnya kerugian tersebut meningkat kepada RM57,068.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018 dan 7 Februari 2018

MHSB akan membuat penambahbaikan terhadap strategi pemasaran antaranya dengan mengiklankan premis-premis kosong dalam majalah Explorer dan Metrolive serta memohon peruntukan MAINS bagi mengadakan pelbagai program/aktiviti bagi mempromosikan Bazaar MAINS. Selain itu, MHSB juga akan berusaha mendapatkan operator yang berminat untuk menguruskan Bazaar MAINS.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan sewa premis perniagaan adalah memuaskan kerana 64.2% premis perniagaan di bawah pengurusan MHSB telah berjaya disewakan.

xii. Prestasi Tunggakan Sewa

Setiap kontrak penyewaan telah dimeterai dengan Dokumen Perjanjian mengikut tempoh ditetapkan dan setiap penyewa dikenakan kadar sewa antara RM250 hingga RM30,000 sebulan yang mana ia bergantung kepada saiz, lokasi premis dan semakan harga pasaran. Tempoh sewaan pula adalah berdasarkan persetujuan antara kedua-dua pihak.

- xiii. Semakan terhadap 54 Dokumen Perjanjian yang melibatkan penyewaan premis/ kediaman dan yang masih aktif sehingga tahun 2017 mendapati klausa mengenai tempoh bayaran sewa tidak seragam dan hanya 20 penyewa (37%) telah ditetapkan untuk membuat pembayaran sewa pada atau sebelum tujuh (7) hari bulan bagi setiap bulan penyewaan dan satu (1) daripada penyewa (2%) ditetapkan membuat bayaran pada satu (1) hari bulan bagi setiap bulan penyewaan.
- xiv. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod pembayaran sewa tahun 2017 bagi dua (2) daripada 21 penyewa berkenaan mendapati kedua-duanya membayar sewa melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 30 hingga 60 hari. Keadaan ini telah mengakibatkan MHSB gagal mengutip sewa dalam tempoh yang sepatutnya. Baki 33 penyewa pula tidak dinyatakan tempoh bayaran dalam Dokumen Perjanjian. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai Bahagian Pengurusan Hartanah MHSB bahawa ketidakseragaman ini berlaku berpunca daripada berlaku ketinggalan klausa kontrak atas kesilapan pegawai yang tidak menyemak dengan terperinci setiap kontrak yang

dimeterai. Pada 31 Ogos 2017, terdapat sejumlah RM293,487 tunggakan sewa telah direkodkan seperti di jadual berikut:

**JADUAL 3.8
TEMPOH DAN JUMLAH TUNGGAKAN SEWA**

BIL.	BUTIRAN PREMIS	TEMPOH TUNGGAKAN DAN JUMLAH TUNGGAKAN				JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		0-30 HARI (RM)	31 – 60 HARI (RM)	61 – 90 HARI (RM)	> 90 HARI (RM)	
1.	Bazaar MAINS	18,715	3,684	994	10,201	33,594
2.	Lain-lain Premis	94,014	98,170	-	67,709	259,893
	JUMLAH	112,729	101,854	994	77,910	293,487

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

- XV. Berdasarkan jadual di atas, penyumbang utama kepada tunggakan sewa premis yang melebihi tempoh 90 hari adalah penyewa premis perniagaan MAINS yang terdapat di Terminal One Shopping Centre dengan jumlah tunggakan berjumlah RM66,337 (98%).

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018

MHSB telah mengemukakan cadangan pembayaran secara ansuran antara RM3,000 hingga RM10,000 sebulan bagi menjelaskan tunggakan sewa tersebut kepada penyewa terlibat. Sehingga 31 Disember 2017, jumlah tunggakan sewa telah berjaya dikutip sebanyak 55.8% dan menjadikan baki sewa tertunggak berjumlah RM29,353. Selain itu, MHSB juga telah menghantar surat pindaan berkaitan klausa tempoh pembayaran sewa kepada 23 penyewa yang berkenaan.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan tunggakan sewa premis perniagaan adalah pada tahap memuaskan dengan 55.8% tunggakan sewa utama telah berjaya dikutip.

e. Pajakan Tanah

Selain premis perniagaan dan kediaman, MHSB juga bertanggungjawab menguruskan kutipan pajakan tanah bagi 17 lot tanah milik MAINS. Mengikut perjanjian yang dimeterai bagi tempoh 2014 hingga 2017, tujuh (7) lot tanah telah dipajak oleh MAINS bagi tujuan perusahaan kuari kepada dua (2) pengusaha iaitu Highway Quarry Sdn. Bhd. (HQSB) dan Jaksa Quarry Sdn. Bhd. (JQSB). Tanah seluas 27.982 hektar (dua lot) telah dipajakkan kepada HQSB dan 45.116 hektar (lima lot) telah dipajakkan kepada JQSB bagi tempoh antara 30 hingga 99 tahun seperti di **Jadual 3.9** dan **Rajah 3.1**. Kedua-dua pengusaha telah menjalankan aktiviti kuari dengan mendapat permit dari Pejabat Daerah dan Tanah Seremban pada setiap tahun. Selain kuari, MHSB juga telah memajakkan 10 lot tanah milik MAINS kepada empat (4) pengusaha ladang kelapa sawit iaitu


Jentayu Anggun Sdn. Bhd., Ponak Plantations Sdn. Bhd., Kibaran Makmur Sdn. Bhd. dan Tokoh Nuri Sdn. Bhd. yang melibatkan secara keseluruhan tanah seluas 2,778.69 hektar dengan tempoh pajakan antara 60 hingga 99 tahun seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.9
TANAH MAINS YANG DIPAJAKKAN
BAGI AKTIVITI KUARI DAN PERLADANGAN

AKTIVITI	BIL. LOT	KELUASAN (Hektar)	LOKASI	TEMPOH SEWAAN (Tahun)	
HIGHWAY QUARRY SDN. BHD.					
Kuari	1	12.1406	Mukim Labu, Seremban	16.4.1999 hingga 15.4.2059	60
	1	15.841		2.6.1992 hingga 2.6.2022	30
JAKSA QUARRY SDN. BHD.					
Kuari	1	6.474	Mukim Labu, Seremban	19.3.1993 hingga 18.3.2092	99
	4	44.4302		19.9.1992 hingga 18.9.2091	
TOKOH NURI SDN. BHD.					
Ladang Kelapa Sawit	2	526.33	Air Kuning, Gemencheh	4.9.1996 hingga 3.9.2095	99
JENTAYU ANGGUN SDN. BHD.					
Ladang Kelapa Sawit	1	294	Air Kuning, Gemencheh	10.6.1994 hingga 9.6.2093	99
KIBARAN MAKMUR SDN. BHD.					
Ladang Kelapa Sawit	3	840.3	Mukim Gemencheh, Tampin	30.5.2003 hingga 28.5.2102	99
	2	511.06	Mukim Jelai, Jempol		
PONAK PLANTATION SDN. BHD.					
Ladang Kelapa Sawit	2	607	Mukim Kenaboi, Jelebu	9.3.2002 hingga 8.3.2062	60

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

RAJAH 3.1
KEDUDUKAN TANAH MAINS YANG DIPAJAKKAN BAGI AKTIVITI KUARI



Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia; dan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban

i. Prestasi Kutipan Pajakan

Perjanjian yang dimeterai antara MAINS dengan MHSB ada menyatakan MHSB diberikan kuasa sepenuhnya oleh MAINS untuk menasihati, membuat rundingan dan mengambil tindakan susulan bagi pihak MAINS terhadap pengurusan hartaanah MAINS serta memastikan dokumentasi pengurusan hartaanah tersebut adalah betul dan mencukupi. Berdasarkan Dokumen Perjanjian bagi pemajakan tanah antara MAINS dan syarikat pengusaha kuari, HQSB dan JQSB dikehendaki membayar pajakan bulanan berdasarkan tan metrik hasil bumi yang dikeluarkan. Kadar pajakan yang ditetapkan dalam Klausus 3 (*Appendix 2*) Dokumen Perjanjian HQSB adalah RM0.75 bagi setiap tan metrik hasil pengeluaran setiap bulan bagi pengeluaran sehingga 55,000 tan metrik dan pengeluaran seterusnya adalah pada kadar RM0.60 per tan metrik. Bagi tahun 2015 hingga 2019 pula kadarnya meningkat kepada RM1.00 bagi setiap tan metrik hasil pengeluaran setiap bulan bagi pengeluaran sehingga 55,000 tan metrik dan pengeluaran seterusnya adalah pada kadar RM0.75 per tan metrik. Selain itu, turut dinyatakan kadar bayaran pajakan minimum bulanan adalah sejumlah RM41,250.

- ii. Kadar pajakan yang dinyatakan dalam Klausus 2 (*Jadual 2*) Dokumen Perjanjian JQSB pula adalah RM1.50 bagi setiap tan metrik hasil pengeluaran setiap bulan bermula tahun ke-16 sehingga tamat perjanjian. Selain itu, turut dinyatakan kadar bayaran pajakan minimum adalah sejumlah RM45,000 bagi setiap suku tahun.
- iii. Selain itu, klausus dalam Dokumen Perjanjian juga menyatakan sebarang perubahan kadar pajakan hendaklah dibuat dengan memeterai Dokumen Perjanjian Tambahan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- iv. Berdasarkan laporan prestasi kutipan pajakan yang dibentangkan dalam Mesyuarat ALP, bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Ogos 2017, MHSB telah mengutip pajakan tanah sejumlah RM9.26 juta berbanding sasaran RM9.25 juta seperti di **Jadual 3.10** dan tiada tunggakan pajakan tanah bagi tempoh tersebut.

JADUAL 3.10
PRESTASI KUTIPAN PAJAKAN TANAH
BAGI TAHUN 2015 HINGGA BULAN JULAI 2017

TAHUN	SASARAN KUTIPAN PAJAKAN (RM Juta) (a)	KUTIPAN PAJAKAN SEBENAR (RM Juta) (b)	PERBEZAAN (%) (b) - (a) x 100 (a)
2015	3.65	3.44	(5.8)
2016	3.63	3.52	(3.0)
2017 *	1.97	2.30	16.8
JUMLAH	9.25	9.26	0.1

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: * - Setakat Bulan Ogos 2017

- v. Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhannya MHSB telah berjaya mencapai sasaran kutipan pajakan tanah bagi kuari dan ladang seperti mana yang ditetapkan. Bagaimanapun, kutipan pajakan bagi tahun 2015 dan 2016 adalah rendah berbanding sasaran iaitu masing-masing kurang sebanyak 5.8% dan 3.0%.
- vi. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai Bahagian Pengurusan Hartanah MHSB bahawa kegagalan mencapai sasaran sebenar kutipan pajakan tanah adalah disebabkan oleh penurunan harga *crude palm oil* daripada purata harga RM2,832 per tan metrik pada tahun 2014 kepada RM2,517 per tan metrik pada tahun 2015. Pihak MHSB telah membuat sasaran kutipan bagi tahun 2015 dan 2016 berdasarkan purata kutipan tahun 2014. Selain itu, berlaku juga penurunan jumlah pengeluaran bahan batuan oleh JQSB pada tahun 2015 sebanyak 228,704 tan metrik berbanding tahun 2015.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018 dan 7 Februari 2018

MHSB mengambil maklum akan kelemahan prosedur menetapkan sasaran dan kadar pajakan tanah serta akan mengambil kira perkara tersebut dalam penyediaan Standard Operating Procedure yang baru.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kutipan pajakan tanah adalah baik kerana telah berjaya mengutip pajakan tanah melebihi sasaran sebanyak 0.1%.

vii. Pengurusan Pajakan Tanah Bagi Aktiviti Kuari

Pihak Audit mendapati bagi tempoh tahun 2014 hingga Ogos 2017, JQSB telah membayar pajakan sejumlah RM6.17 juta bagi 4.11 juta tan metrik pengeluaran yang diisyiharkan seperti di **Jadual 3.11**. Semak silang telah dilakukan antara laporan pengeluaran yang dikemukakan oleh JQSB kepada MHSB dengan laporan yang dikemukakan oleh JQSB dan HQSB ke Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sembilan (JMG) mendapati kedua-dua laporan berkenaan adalah tepat bagi jumlah tan metrik yang telah dikeluarkan dalam tempoh tersebut.

JADUAL 3.11
JUMLAH PENGELUARAN BAHAN BATUAN HQSB DAN JQSB
SERTA BAYARAN PAJAKAN KUARI KEPADA MHSB
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA BULAN OGOS 2017

TAHUN	JUMLAH PENGELUARAN DAN BAYARAN PAJAKAN					
	HQSB			JQSB		
	(Tan Metrik)	(RM)	Purata Bayaran Pajakan (RM)	(Tan Metrik)	(RM)	Purata Bayaran Pajakan (RM)
2014	32,171	495,000	15.40	1,336,022	2,004,003	1.50
2015	29,232	632,500	21.64	1,022,019	1,533,028	1.50
2016	42,356	660,000	15.58	962,016	1,443,025	1.50
2017 *	47,650	440,000	9.23	792,975	1,189,462	1.50
JUMLAH	151,409	2,227,500	14.71	4,113,032	6,169,518	1.50

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd., dan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Sembilan

Nota: * - Setakat Bulan Ogos 2017

- viii. Semakan Audit mendapati HQSB telah membuat bayaran pajakan bulanan pada kadar tetap iaitu sejumlah RM41,250 sebulan pada tahun 2014 (sewa minimum) dan kadar ini dinaikkan kepada RM55,000 sebulan bermula bulan Mac 2015. Bagi tempoh tahun 2014 hingga Ogos 2017, HQSB telah membayar pajakan sejumlah RM2.23 juta bagi 151,409 tan tan metrik pengeluaran yang diisyiharkan kepada JMG seperti di **Jadual 3.11**. Pihak Audit mendapati secara puratanya HQSB telah membayar kadar pajakan RM14.71 per tan metrik. Walaupun kadar ini adalah lebih tinggi berbanding kadar asal yang dipersetujui dalam perjanjian, pihak Audit dimaklumkan semasa *exit conference* bahawa kedua-dua pihak telah bersetuju dengan kadar baru tersebut berdasarkan kutipan sewa bulanan yang diterima oleh MHSB sepanjang tempoh pajakan.

ix. **Pengurusan Pajakan Tanah Bagi Aktiviti Perladangan**

Berdasarkan Dokumen Perjanjian pemajakan tanah bagi tujuan perladangan pula, dua (2) lot tanah iaitu PN37440 dan PN45556 telah disewakan kepada Tokoh Nuri Sdn. Bhd. (TNSB) dengan kadar pajakan sejumlah RM140,000 setahun. Selain itu, Ponak Plantations Sdn. Bhd. (PPSB) pula dikenakan pajakan sejumlah RM89,160 setahun bagi dua (2) lot tanah yang iaitu Lot 2210 dan PT 1594 seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.12
JUMLAH PAJAKAN YANG DIBAYAR OLEH TNSB DAN PPSB
BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA BULAN OGOS 2017

TAHUN	BAYARAN PAJAKAN						PERBEZAAN (RM)	
	TNSB		PPSB		JUMLAH			
	Kadar Pajakan Mengikut Dokumen Perjanjian (RM)	Kutipan Pajakan Sebenar (RM)	Kadar Pajakan Mengikut Dokumen Perjanjian (RM)	Kutipan Pajakan Sebenar (RM)	Kadar Pajakan Mengikut Dokumen Perjanjian (RM)	Kutipan Pajakan Sebenar (RM)		
2014	140,000	130,000	89,160	89,160	229,160	219,160	10,000	
2015	140,000	130,000	89,160	89,160	229,160	219,160	10,000	
2016	140,000	130,000	89,160	89,160	229,160	219,160	10,000	
2017 *	-	-	89,160	89,160	89,160	89,160	-	
JUMLAH	420,000	390,000	356,640	356,640	776,640	746,640	30,000	

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: *- Setakat Bulan Ogos 2017

- x. Semakan Audit mendapati TNSB telah membayar pajakan tahunan dengan kadar RM130,000 dan bukannya RM140,000 seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian. Bagi PPSB pula, bayaran pajakan yang dibuat adalah sama seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian iaitu sejumlah RM89,160 setahun. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Ogos 2017, TNSB dan PPSB telah membuat bayaran pajakan sejumlah RM746,640 seperti di **Jadual 3.12** dan tiada tunggakan pajakan melibatkan kedua-dua penyewa tanah berkenaan.
- xi. Pihak Audit mendapati keadaan ini berlaku disebabkan perubahan kadar pajakan TNSB tidak didokumenkan dalam Perjanjian Tambahan walaupun ia mendapat kelulusan ALP. Keadaan ini seterusnya boleh memberikan implikasi pertikaian pembayaran di masa akan datang.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018

Kadar pajakan yang dikenakan kepada HQSB pada kadar RM41,250 sebulan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Baitulmal MAINS melalui mesyuarat pada 8 Januari 2008. Kadar pajakan yang dikenakan kepada TNSB juga telah dipersetujui oleh Setiausaha MAINS melalui surat bertarikh 17 Disember 1997. MHSB telah membuat Perjanjian Tambahan berkenaan pajakan tanah kepada TNSB pada 24 April dengan mengambil kira kadar pajakan sebenar.

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan pajakan tanah adalah kurang memuaskan kerana MHSB tidak menasihatkan MAINS agar persetujuan perubahan kadar yang dibuat dimeterai dalam Perjanjian Tambahan dan perubahan kadar pajakan tanah kepada HQSB daripada RM41,250 sebulan kepada RM55,000 sebulan tidak dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Penuh MAINS. Selain itu, kadar

pajakan JQSB adalah lebih rendah berbanding kadar yang dikenakan kepada HQSB.

f. Penyenggaraan, Pemantauan dan Keselamatan Hartanah

MHSB bertanggungjawab membuat lantikan kontraktor untuk kerja-kerja pencucian, membaiki kerosakan dan menyenggara premis-premis yang disewa. Pemilihan dan pelantikan kontraktor dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga MHSB dan senarai pendek kontraktor yang terpilih akan dimajukan kepada ALP MHSB untuk kelulusan. Pihak Audit mendapati semua urusan berkaitan perolehan, pelantikan, pembayaran dan kerja-kerja telah dilaksanakan dengan teratur di 15 lokasi pencucian dan 13 lokasi berkaitan penyenggaraan semasa lawatan Audit antara 28 September hingga 10 Oktober 2017. Bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Ogos 2017, sejumlah RM2.69 juta telah dibelanjakan bagi tujuan penyenggaraan dan daripada jumlah itu MHSB telah memperoleh sejumlah RM198,638 sebagai yuran pengurusan kerja-kerja penyenggaraan daripada MAINS seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.13
PERBELANJAAN PENYENGGARAAN HARTANAH MAINS
DAN YURAN PENGURUSAN YANG DITERIMA OLEH MHSB
BAGI TAHUN 2014 HINGGA BULAN OGOS 2017

PERKARA	TAHUN				
	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 * (RM)	JUMLAH (RM)
Perbelanjaan Penyenggaraan Dikenakan Kepada MAINS	480,146	645,686	625,160	935,876	2,686,868
Yuran Pengurusan Diterima Oleh MHSB	50,938	24,896	106,455	16,350	198,639

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.

Nota: * - Setakat Bulan Ogos 2017

Pada pendapat Audit, pengurusan kerja-kerja penyenggaraan, pemantauan dan keselamatan terhadap harta tanah telah diuruskan oleh MHSB dengan cekap. Secara keseluruhannya aktiviti pengurusan harta tanah MHSB adalah pada tahap memuaskan kerana 64.2% premis berjaya disewakan, manakala 55.8% tunggakan berjaya dikutip. Sebarang persetujuan oleh kedua-dua pihak dan di luar kontrak hendaklah dimuktamadkan dengan menyediakan Perjanjian Tambahan.

3.6.2.3. Perkhidmatan Penyewaan Peralatan ICT

a. Perkhidmatan penyewaan peralatan ICT merupakan aktiviti kedua utama syarikat yang menyumbang sejumlah RM1.69 juta (27.04%) kepada pendapatan operasi MHSB bagi tahun 2014 hingga Ogos 2017. Sehingga Ogos 2017, MHSB telah menandatangani kontrak penyewaan peralatan ICT dengan MAINS, MAINS Urus Harta Sdn. Bhd. (MUHSB) dan Perbadanan Wakaf Sdn. Bhd. (PWSB) yang

melibatkan sewaan sebanyak 301 unit *desktop*, 40 unit *laptop* dan lima (5) unit *tablet*. Setiap peralatan ICT yang disewakan dikenakan kadar sewa antara RM75.00 hingga RM400.00 seunit bagi setiap bulan dan tempoh sewaan adalah antara setahun hingga tiga (3) tahun. Jumlah sewaan keseluruhan adalah RM38,381 sebulan yang melibatkan 49 lokasi penempatan.

- b. Kontrak penyewaan yang dimeterai antara MHSB dengan MAINS adalah melibatkan 301 unit peralatan ICT yang ditempatkan di pelbagai lokasi agensi agama Islam seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Pejabat-pejabat Agama Islam Daerah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Baitulmal dan Pusat Kaunseling. Bagaimanapun, bagi peralatan ICT yang ditempatkan di Masjid Hussein, Pusat Saudara Baru As-Sa'dah, Klinik dan Pusat Dialisis Rembau, Lembaga Masjid Negeri Sembilan dan PWSB, kontrak penyewaan telah dimeterai dengan PWSB yang melibatkan penyewaan sebanyak 26 unit peralatan ICT. Bagi MUHSB pula, kontrak penyewaan hanya melibatkan tiga (3) unit *desktop* yang ditempatkan di MUSB sahaja.
- c. Semakan Audit mendapati setiap kontrak penyewaan telah dimeterai dengan Dokumen Perjanjian dengan teratur dan setiap agensi telah membuat pembayaran sewa mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan. Selain itu, setiap peralatan ICT yang disewakan bergantung kepada spesifikasi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan setiap aduan kerosakan melibatkan komputer tersebut akan dimajukan kepada Eksekutif IT, MHSB untuk diambil tindakan penyenggaraan atau diganti dengan komputer baru sekiranya tidak ekonomikal untuk dibaiki.
- d. Selain itu, analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Ogos 2017 MHSB telah memperolehi keuntungan daripada aktiviti penyewaan peralatan ICT sejumlah RM1.13 juta seperti di **Jadual 3.14**. Jumlah tersebut diperoleh setelah mengambil kira kos perolehan dan penyenggaraan peralatan ICT tersebut.

JADUAL 3.14
PENGIRAAN UNTUNG/RUGI DARIPADA PENYEWAAN PERALATAN ICT
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA BULAN OGOS 2017

PERKARA	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 * (RM)	JUMLAH (RM)
Pendapatan Kutipan Sewa	452,786	489,667	336,057	1,278,510
(-) Kos Perolehan	30,460	13,944	102,968	147,372
(-) Penyelenggaraan	1,880	1,020	910	3,810
UNTUNG/(RUGI)	420,446	474,703	232,179	1,127,328

Sumber: MAINS Holdings Sdn. Bhd.
Nota: * - Setakat Bulan Ogos 2017

e. Hasil semakan Audit terhadap proses perolehan, perekodan, penerimaan, penempatan, penyenggaraan, pelupusan dan pengurusan kehilangan peralatan ICT mendapatkan perkara seperti berikut:

i. Tiada Standard Operating Procedure (SOP) Disediakan Bagi Pengurusan Penyewaan Peralatan ICT

Berdasarkan perenggan 1.9(c) dan 2.2(f), Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan (*Handbook*) yang dikeluarkan oleh Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan, Lembaga Pengarah syarikat perlu memastikan pengurusan syarikat mewujudkan polisi dan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang sentiasa relevan tanpa menjelaskan kawalan, selaras dengan amalan terbaik. Pihak Audit mendapati MHSB tidak menyediakan SOP berkaitan pengurusan penyewaan peralatan ICT yang seterusnya telah memberi kesan kepada pengurusan yang kurang cekap seperti berikut:

- **Peralatan ICT Tiada di Lokasi Asal**

Hanya lima (5) daripada sembilan (9) unit *desktop* dan seunit *laptop* yang ditempatkan di Masjid Hussein, Seremban 2 berjaya dikesan. Sementara empat (4) unit *desktop* lagi tiada di lokasi dan pihak Audit dimaklumkan keempat-empat *desktop* tersebut telah dialihkan ke Lembaga Masjid MAINS yang bertempat di Bandar Baru Senawang, tanpa pengetahuan MHSB. Pihak Audit mendapati perkara ini berlaku disebabkan semua peralatan ICT yang disewakan dibuat perakuan penerimaan oleh penyewa dan bukannya oleh pegawai MHSB.

- **Peralatan ICT Telah Rosak dan Tidak Disenggarakan**

Hasil lawatan pihak Audit pada 28 September 2017 mendapati sebanyak 32 unit *desktop* di Makmal Komputer telah rosak sejak bulan Mei 2009. Pihak Audit juga mendapati MHSB pernah menawarkan sebutharga kadar penyewaan komputer baru kepada MAINS melalui surat bertarikh 22 Jun 2011 dan 22 Mei 2012, bagi menggantikan komputer yang disewakan di ITQAN. Bagaimanapun, kedua-dua tawaran tersebut tidak mendapat maklum balas daripada pihak MAINS dan MHSB beranggapan pihak ITQAN tidak berminat dengan tawaran tersebut. Semakan selanjutnya mendapati surat makluman berkenaan kerosakan komputer tersebut ada dikemukakan oleh MAINS kepada MHSB pada 14 Ogos 2017 bagi mendapatkan komputer baru dan borang aduan kerosakan komputer juga dikemukakan oleh pihak MAINS pada 18 Ogos 2014. Keadaan ini telah memberi implikasi kepada para pelajar dan warga kerja ITQAN yang tidak

dapat memanfaatkan peralatan ICT yang disewakan. Selain itu, MAINS selaku pembayar sewaan tersebut, telah membuat bayaran sewa sejumlah RM237,600 bagi peralatan ICT yang rosak bagi tempoh bulan Mei 2009 hingga Ogos 2017.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018 dan 25 Jun 2018

Bermula tahun 2018, MHSB akan mengambil langkah penambahbaikan terhadap perakuan penerimaan komputer yang dihantar ke lokasi penyewa di mana delivery order yang telah disahkan oleh MHSB akan dikemukakan kepada penyewa berserta peralatan ICT yang dibekalkan. Selain itu, semua peralatan ICT yang belum dilabelkan telah pun dilabelkan dan bagi mengatasi permasalahan peralatan ICT beralih tempat, surat peringatan bertarikh 5 Januari 2018 telah dikeluarkan kepada semua penyewa. Bagi peralatan ICT di ITQAN yang rosak pula, komputer baru telah dibekalkan pada 30 Januari 2018. Peralatan ICT yang hendak dilupuskan juga telah dikutip di Baitulmal Port Dickson pada 24 Oktober 2017.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti penyewaan peralatan ICT adalah kurang memuaskan kerana tanpa SOP, urusan pengurusan penyewaan menjadi tidak cekap dan MHSB terdedah kepada risiko kehilangan peralatan ICT serta menyebabkan bayaran sewa dibayar oleh penyewa tetapi tidak dapat memanfaatkan peralatan ICT tersebut.

3.6.2.4. Kepuasan Hati Pelanggan

- a. Bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan hartanah dan penyewaan peralatan ICT yang dilaksanakan oleh MHSB, pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 48 borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada 12 penyewa premis perniagaan/kediaman dan 36 penyewa peralatan ICT MHSB.
- b. Analisis Audit dibuat terhadap enam (6) kriteria penilaian iaitu melibatkan kepuasan hati terhadap kualiti premis/peralatan ICT yang disewakan, tahap keselamatan premis/peralatan ICT tersebut, kerja-kerja penyenggaraan yang dijalankan, maklum balas yang diberikan oleh pihak MHSB terhadap setiap aduan yang dikemukakan berkenaan dengan kerosakan, tempoh masa yang diambil untuk membaiki kerosakan tersebut dan kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh wakil MHSB.
- c. Hasil analisis soal selidik mendapati walaupun majoriti responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh MHSB, terdapat 17 (47.2%) responden mengemukakan cadangan agar pihak MHSB menjalankan penyenggaraan berkala termasuklah mengemas kini *antivirus* bagi setiap

komputer yang disewakan. Selain itu, terdapat juga cadangan agar MHSB melantik seorang pegawai bagi memudahkan penyewa berhubung mengenai urusan penyenggaraan peralatan ICT.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti MHSB adalah memuaskan berdasarkan prestasi kutipan sewaan premis dan pajakan tanah. Bagaimanapun, pengurusan penyewaan perkhidmatan ICT perlu dibuat semakan semula terhadap keseluruhan operasi aktivitinya bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan memenuhi kehendak pelanggan.

3.6.3. Tadbir Urus

3.6.3.1. Tadbir urus merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Pihak Audit telah menilai amalan tadbir urus MHSB berdasarkan *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2017, The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006*, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [*Handbook MKD*] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

3.6.3.2. Secara keseluruhannya amalan tadbir urus MHSB adalah memuaskan berdasarkan amalan terbaik yang telah diamalkan iaitu pelantikan pengerusi dan pengarah urusan yang terdiri daripada dua (2) individu yang berbeza, tanggungjawab Pengarah Urusan dan manfaat yang diperoleh dinyatakan dengan jelas, komposisi ahli lembaga pengarah (ALP) tidak lebih daripada 10 orang, kehadiran mesyuarat ALP adalah lebih daripada 50%, keputusan perniagaan yang material/signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan secara Resolusi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit ditubuhkan dan bermesyuarat mengikut perancangan, serta Audit Dalaman ada ditubuhkan.

3.6.3.3. Manakala aspek tadbir urus yang tidak diamalkan oleh MHSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

a. Pengerusi

Mengikut amalan terbaik, tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Semakan Audit mendapati YAB Menteri

Besar telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif MHSB berkuat kuasa 30 Mei 2007. Beliau juga tidak menganggotai mana-mana jawatankuasa lain di peringkat Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, tiada senarai tugas dan tanggungjawab Pengerusi dinyatakan dalam piagam Lembaga Pengarah seperti dinyatakan dalam MCCG 2017 *practice 1.3 & The Green Book* perenggan 2.1.3.

b. Lembaga Pengarah

- i. Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bertanggungjawab memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan (*business plan*) yang mantap, dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pada tahun 2017, ALP MHSB dianggotai oleh sembilan orang yang merangkumi enam (6) pengarah bebas dan tiga (3) pengarah bukan bebas. Pelantikan ALP MHSB dibuat melalui Mesyuarat Agung Tahunan seperti yang ditetapkan dalam *Articles of Association*.
- ii. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut tidak diamalkan di MHSB:
 - tiga ALP termasuk Pengerusi telah dilantik melebihi tempoh sembilan (9) tahun iaitu YAB Menteri Besar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban dan Setiausaha MAINS (selama 10 tahun), yang mana tidak mengikut amalan terbaik MCCG 2017, *practice 4.2*;
 - kod etika rasmi syarikat tidak disediakan selaras dengan MCCG 2017 *practice 3.1*;
 - peranan serta tanggungjawab ALP tidak dinyatakan dengan jelas dalam piagam Lembaga Pengarah seperti dinyatakan dalam MCCG 2017 *practice 2.1*; dan
 - tiada bukti program pembelajaran berterusan disertai oleh ALP bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan selaras dengan kehendak *The Green Book* perenggan 1.4.4.

c. Jawatankuasa Audit

- i. Mengikut amalan terbaik, Jawatankuasa Audit (JKA) perlu ditubuhkan untuk menilai dan memberi syor terhadap kualiti kawalan dalam operasi syarikat kepada Lembaga Pengarah untuk meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati JKA hanya dianggotai oleh dua (2) orang wakil ALP MHSB dan bukannya tiga (3) orang [*The Green Book* perenggan 1.2.3];

dan laporan JKA juga tidak dibentangkan di mesyuarat ALP MHSB [*The Green Book Appendix 3*].

d. Audit Dalaman

- i. Peranan utama Unit Audit Dalaman (UAD) ialah untuk menilai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, memastikan dasar Kerajaan dan prosedur yang ditetapkan dipatuhi. UAD juga berperanan untuk membantu JKA dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.
- ii. Semakan Audit mendapati skop kerja Audit Dalaman tidak dinyatakan dengan jelas dan diluluskan oleh JKA terlebih dahulu [MCCG 2017 *Guidance 10.1*]. Selain itu juga, UAD tidak melaksanakan pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus MHSB serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah kepada aktiviti syarikat [MCCG 2017 *Guidance 10.1*]

e. Standard Operating Procedures (SOP)

- i. SOP perlu disediakan dan dikemas kini bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan pentadbiran dan operasi syarikat. Mengikut amalan terbaik bagi meningkatkan kawalan pengurusan yang berkesan, syarikat kerajaan perlu mewujudkan peraturan berkaitan perbelanjaan dan peraturan yang menentukan dengan jelas perkara yang perlu diluluskan atau untuk makluman ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Antara polisi penting yang perlu diwujudkan adalah polisi kewangan. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan ALP.
- ii. Semakan Audit mendapati MHSB tidak mengamalkan amalan terbaik berkaitan penyediaan SOP seperti berikut:
 - Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah [*Handbook* – perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28];
 - Syarikat mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi aktiviti utama syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah [*Handbook* – perenggan 1.9(c), perenggan 2.2 (f), perenggan 3.25 hingga 3.28]; dan

- Pematuhan SOP yang telah diluluskan yang merangkumi pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat.
- iii. SOP yang disediakan oleh MHSB hanya merangkumi prosedur kewangan seperti urusan perolehan, pembayaran bil dan gaji pekerja serta pengurusan penyewaan premis. Tiada prosedur kerja bagi aktiviti penyewaan peralatan ICT, pengurusan aset dan perkhidmatan kaunseling disediakan. Selain itu, SOP yang disediakan juga tidak dilengkapkan dengan norma masa dan tiada bukti menunjukkan ianya mendapat persetujuan ALP MHSB.

f. Pelan Strategik, Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama

- i. Amalan terbaik MCCG 2017 *Practice 1.1, Guidance 1.1 & Handbook* perenggan 2.2(b) menyarankan antara tugas ALP adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya. Selain itu, syarikat Kerajaan juga perlu menyediakan atau mengemas kini rancangan korporat sebagai wawasan syarikat mencapai matlamat jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan korporat yang disediakan hendaklah diluluskan oleh ALP syarikat dan Lembaga Pengarah Agensi Kerajaan. Rancangan korporat yang baik dapat membantu syarikat memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif dan hubungan yang baik serta hala tuju yang jelas antara kakitangan dan pihak pengurusan.
- ii. Semakan Audit mendapati MHSB ada menyediakan Pelan Strategik bagi tahun 2016 hingga 2020. Terdapat lima (5) strategi syarikat dinyatakan dalam Pelan Strategik tersebut bagi meningkatkan pendapatan syarikat iaitu meningkatkan jumlah premis yang disewakan, menyelaras dan mengurus penyenggaraan berkala aset, pembaharuan dan pemberian pengurusan rekod, pentadbiran elektronik serta menambah baik faedah kakitangan. Bagaimanapun, Pelan Strategik tersebut tidak mendapat kelulusan ALP MHSB.
- iii. Mengikut *The Green Book* Bahagian 1 dan perenggan 3.3, syarikat Kerajaan perlu menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlu berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya serta KPI bagi seksyen/unit perniagaan. KPI yang baik perlulah boleh dicapai, membuat perbandingan dengan *benchmark* yang bersesuaian, mengandungi jangkaan, halangan dan situasi terhadap pencapaian KPI, mengambil kira rancangan jangka pendek dan sederhana serta indikator operasi dan kewangan. KPI hendaklah disampaikan kepada semua peringkat daripada kakitangan sehingga ALP.

iv. Semakan Audit mendapati MHSB ada menyediakan sasaran untuk menilai prestasi pendapatan syarikat setiap tahun dan dibentangkan dalam Mesyuarat ALP MHSB. Selain itu, KPI bagi menilai pencapaian setiap kakitangan MHSB ditetapkan melalui Borang Penilaian Kakitangan setiap tahun. Melalui penilaian tersebut, pihak pengurusan MHSB akan mempertimbangkan kenaikan pangkat atau kenaikan gaji kakitangan syarikat. Bagaimanapun, tiada KPI ditetapkan untuk menilai prestasi ALP MHSB.

Maklum Balas MHSB yang Diterima pada 17 Januari 2018 dan 25 April 2018

MHSB mengambil maklum teguran pihak Audit berkaitan amalan tadbir urus yang baik dan tindakan-tindakan penambahbaikan telah dibincangkan dalam Mesyuarat ALP Bil. 1/2018 pada 26 Mac 2018. Bagaimanapun minit mesyuarat tersebut masih di peringkat penyediaan Setiausaha Syarikat.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya amalan tadbir urus MHSB adalah memuaskan berdasarkan aspek tadbir urus yang dilaksanakan mengikut amalan terbaik.

3.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan MAINS Holdings Sdn. Bhd. (MHSB) dapat dicapai sepenuhnya pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah MHSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 3.7.1. menyediakan model dan strategi bagi mentransformasikan Bazaar MAINS seperti melantik operator khusus untuk menguruskan Bazaar MAINS agar dapat menarik lebih ramai pelanggan untuk berkunjung, meningkatkan promosi bagi memastikan setiap premis dapat disewakan dan mempelbagaikan produk dan perkhidmatan lain yang lebih menarik kepada pengunjung;
- 3.7.2. memastikan Dokumen Perjanjian Pajakan Hartanah disemak dan dikemas kini berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak bagi memastikan kepentingan syarikat dilindungi serta mengelakkan sebarang pertikaian di masa akan datang; dan
- 3.7.3. menambah baik amalan tadbir urus dengan memastikan Pelan Strategik yang telah disediakan diluluskan oleh ALP, SOP disediakan dengan lengkap melibatkan semua proses kerja syarikat dan memastikan Laporan UAD dibentangkan dalam Mesyuarat JKA bagi memantau pengurusan syarikat agar tindakan penambahbaikan boleh dibuat oleh JKA.

BAHAGIAN II

**PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI**

PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) JABATAN/AGENSI NEGERI

4. PENG AUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

4.1. PENDAHULUAN

4.1.1. Pengurusan kewangan sesebuah organisasi adalah merangkumi proses perancangan, pelaksanaan, penyelarasan, pengawalan, pemantauan dan penilaian. Proses ini perlu dilaksanakan berdasarkan dua (2) prinsip utama iaitu legaliti dan akauntabiliti. Ini bermaksud seseorang pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan sumber awam perlu melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi serta mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Pegawai tersebut juga bertanggungjawab untuk melaporkan pencapaianya kepada pegawai yang mewakilkan kuasa.

4.1.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957. Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan Jabatan Audit Negara menilai prestasi pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

4.1.3. Pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi setiap elemen kawalan utama akan diberikan markah bagi tujuan penarafan. Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat tahap penarafan yang Cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Jabatan/Agensi Negeri akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti jadual berikut:

JADUAL 4.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	
80 hingga 89.9	Baik	
70 hingga 79.9	Memuaskan	
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.1.4. Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a. Pada tahun 2017, kajian semula terhadap pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak dan juga *lessons learnt* daripada pengauditan yang dilaporkan. Antara isu yang dikenal pasti dan dikaji semula adalah:
 - i. Audit dinilai secara menyeluruh dan tidak diklasifikasikan mengikut kriteria yang tertentu seperti peruntukan, bilangan pusat tanggungjawab, perbelanjaan, hasil dan lain-lain;
 - ii. persampelan Audit tidak mengambil kira saiz sesebuah Audit; dan
 - iii. aspek risiko tidak diterapkan dalam pemberian markah dan keberkesanan kriteria.
- b. Pindaan kepada Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah mengambil kira penambahbaikan berikut:
 - i. klasifikasi Kementerian kepada dua (2) kategori iaitu Jabatan Mengakaun Sendiri dan Jabatan Tidak Mengakaun Sendiri;
 - ii. persampelan – saiz sampel mengambil kira sampel yang dilaksanakan dalam pengauditan interim penyata kewangan, pengauditan prestasi, tadbir urus dan lain-lain;
 - iii. setiap kriteria audit diberikan tahap risiko;
 - iv. tempoh pengauditan bagi Jabatan/Agensi yang dilaksanakan secara pusingan; dan

- v. format pelaporan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) disediakan dengan berteraskan konsep "ABC" iaitu tepat, padat dan sempurna (*accuracy, brevity and completeness*).

4.1.5. Penetapan Risiko Terhadap Kriteria Audit

Risiko adalah kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak sepatutnya atau berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan yang memberi impak kepada pengurusan kewangan. Tujuan analisis risiko dan impak dilakukan terhadap isu/penemuan Audit adalah untuk memaklumkan kepada Jabatan/Agensi Negeri mengenai tahap keseriusan sesuatu isu/penemuan. Ketidakpatuhan terhadap penemuan boleh menjadi indikator kepada kelemahan pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri serta membantu pihak pengurusan atasan mengambil tindakan susulan. Skala pemarkahan bagi setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.2
SKALA PEMARKAHAN BERDASARKAN TAHAP RISIKO**

SKALA	TAHAP RISIKO	KETERANGAN
3	Tinggi	Ketidakpatuhan yang memberi impak besar kepada kawalan dalaman organisasi serta boleh mengakibatkan berlakunya pemborosan, pembaziran, kehilangan dan penyelewengan.
2	Sederhana	Ketidakpatuhan yang memberi impak sederhana kepada pengurusan kewangan dan boleh menjelaskan operasi organisasi dalam jangka panjang.
1	Rendah	Ketidakpatuhan yang memberi impak kecil kepada pengurusan kewangan dan tidak menjelaskan operasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.1.6. Memandangkan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada tahun 2017 menggunakan pendekatan baru iaitu berdasarkan risiko, hanya prestasi kewangan tahun 2017 sahaja dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 1 dan tiada perbandingan dengan prestasi tahun sebelum.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan kewangan telah dijalankan bagi tujuan berikut:

- 4.2.1. menilai wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 4.2.2. menilai wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan kewangan;
- 4.2.3. menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 4.2.4. menentukan sama ada rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

4.3.1. Bagi Jabatan Negeri, semakan Audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2017 melibatkan lapan (8) Jabatan.

4.3.2. Bagi Agensi Negeri penilaian telah dibuat terhadap sembilan (9) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit; Pengurusan Aset dan Stor; Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Pengauditan telah dijalankan di empat (4) Agensi Negeri. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2017 serta penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.4.1. Pengauditan dijalankan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berdasarkan Risiko yang disediakan berasaskan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) yang diterima pakai oleh negara anggota *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). ISSAI 4000 *Compliance Audit* menggalakkan amalan tadbir urus organisasi yang baik dengan memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan polisi yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.


4.4.2. Semakan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dipilih. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh dan memperkuuhkan ketepatan penemuan Audit.

4.5. PENEMUAN AUDIT

4.5.1. Prestasi Keseluruhan

4.5.1.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di 12 Jabatan/Agensi Negeri Sembilan bagi tahun kewangan 2017 menunjukkan lima (5) Jabatan/Agensi mencapai tahap Cemerlang dan tujuh (7) Jabatan/Agensi tahap Baik. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan


Jabatan/Agensi secara keseluruhan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.1.2. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 12 Jabatan/Agensi Negeri yang dinilai pada tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.2
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2017



4.5.2 Prestasi Jabatan/Agensi Negeri Mengikut Kawalan

4.5.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi lapan (8) Jabatan Negeri mendapat dua (2) daripada lapan (8) kawalan berada pada tahap Cemerlang dan enam (6) kawalan berada pada tahap Baik seperti carta berikut:


CARTA 4.3
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

4.5.2.2. Analisis Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan pada tahun 2017 mengikut elemen kawalan bagi empat (4) Agensi Negeri pula mendapat enam (6) daripada sembilan (9) kawalan berada pada tahap Cemerlang, dua (2) kawalan berada pada tahap Baik dan satu (1) kawalan berada pada tahap Kurang Memuaskan seperti carta berikut:

CARTA 4.4
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017 MENGIKUT ELEMEN KAWALAN




Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Kawalan Pengurusan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lima (5) Jabatan mencapai tahap Cemerlang dan tiga (3) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dalam elemen Kawalan Pengurusan. Bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap Cemerlang. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Pengurusan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.5
PENCAPAIAN KAWALAN PENGURUSAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.6
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN BAGI JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 51 kriteria dalam Kawalan Pengurusan bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.7
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PENGURUSAN BAGI AGENSI NEGERI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.3
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PENGURUSAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pegawai tidak menyediakan Senarai Tugas, Senarai Tugas Tidak Menunjukkan Dengan Jelas Hubung Kait Pegawai Atasan, Pegawai Bawahan Dan Rakan Sejawat dan/atau Senarai Tugas tidak dikemas kini	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Pegawai tidak jelas dengan tugas sebenar. ii. Beban tugas sebenar setiap pegawai tidak dapat ditentukan dengan jelas. iii. Pegawai tidak merujuk kepada penyelia yang sebenar terhadap sesuatu tugas. iv. Penyelia tidak menyelia pegawai bawahan atau berhubung dengan pegawai setara.
2.	Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak direkodkan dengan lengkap.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin		Boleh menyebabkan: i. Pemeriksaan yang dijalankan tidak lengkap menyebabkan kehilangan wang/barang berharga tidak dikesan. ii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang tidak direkodkan menyebabkan pemantauan tidak dapat dijalankan.
3.	Tiada maklum balas atau susulan terhadap isu yang dibangkitkan dalam mesyuarat yang lepas.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Jabatan Mufti Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin		Boleh menyebabkan: i. Isu yang sama berulang dan tidak selesai. ii. Tiada tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan. iii. Sebarang tindakan tatatertib kepada pegawai tidak dilaksanakan. iv. Kelemahan kawalan dalaman/pengurusan.
4.	Pertanyaan Audit tidak dijawab dalam tempoh ditetapkan.	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ii. Jabatan Mufti Negeri Sembilan iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Isu Audit tidak dapat diselesaikan/isu berulang. ii. Kelemahan kawalan dalaman/pengurusan. iii. Syor-syor Audit tidak dapat dilaksanakan.
5.	Mesyuarat JITU tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson		Boleh menyebabkan mesyuarat tidak diadakan/tidak mengikut tempoh boleh menyebabkan isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan.
6.	Laporan Bulanan Pengurusan Tatatertib (Kesalahan Tidak Hadir Bertugas) bagi Pegawai Awam tidak dikemukakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Isu yang sama berulang dan tidak selesai. ii. Tiada tindakan pembetulan dan penambahbaikan dilaksanakan. iii. Sebarang tindakan tatatertib kepada pegawai tidak dilaksanakan. iv. Kelemahan kawalan dalaman/pengurusan.
7.	Mesyuarat Ahli Majlis lewat/tidak dilaksanakan mengikut tempoh		i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan: i. Isu berbangkit lewat dikenal pasti dan diambil tindakan. ii. Keadaan semasa Majlis tidak dapat dibincangkan dan tindakan segera tidak dapat diambil.

Sumber: Jabatan Audit Negara

b. Kawalan Bajet


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, lapan (8) Jabatan mencapai tahap Cemerlang. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Bajet bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.8
PENCAPAIAN KAWALAN BAJET JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Kawalan Bajet bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.9
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET BAGI JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap Sembilan (9) kriteria dalam Kawalan Bajet bagi empat (4) Agensi Negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.10
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN BAJET BAGI AGENSI NEGERI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.4
KELEMAHAN DALAM KAWALAN BAJET


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Penyediaan Bajet lewat dikemukakan kepada PKN iaitu selama 21 hari.	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Pemantauan di peringkat Bendahari Negeri tidak dapat dilaksanakan. ii. Menjejaskan pemantauan prestasi belanjawan negeri.
2.	Mesyuarat Pemantau Projek tidak diadakan 2 minggu sekali		Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan: i. Pelaporan kurang tepat. ii. Pemantauan prestasi perbelanjaan yang lemah.

Sumber: Jabatan Audit Negara


c. Kawalan Terimaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, empat (4) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agenzi dari aspek elemen Kawalan Terimaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.11
PENCAPAIAN KAWALAN TERIMAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 36 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Kawalan Terimaan bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:



Sumber: Jabatan Audit Negara

iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 4.5
KELEMAHAN DALAM KAWALAN TERIMAAN**


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Borang-borang Hasil dikeluarkan tidak mengikut nombor siri	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan v. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson	Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Borang hasil tidak dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul boleh menyebabkan penyalahgunaan/kehilangan borang hasil, penyalahgunaan kuasa. ii. Ketirisan hasil.
2.	Baki Borang Hasil tidak sama dengan fizikal	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan v. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson		Boleh menyebabkan: Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar boleh menyebabkan penyalahgunaan/kehilangan borang hasil, penyalahgunaan kuasa.
3.	Daftar Mel tidak diselenggara dengan lengkap/tanpa surat kelulusan	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Tidak dapat mengenal pasti hasil yang diterima melalui mel. ii. Kawalan dalaman yang lemah. iii. Resit lewat dikeluar dan diakaunkan.
4.	Tiada maklumat pengumuran untuk ABT		i. Majlis Daerah Jempol ii. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Peruntukan hutang lapuk tidak dapat disediakan. ii. Menjejaskan laporan di penyata kewangan.
5.	Resit bagi terimaan melalui mel lewat dikeluarkan resit/lewat dipos/tidak selenggara	Pejabat Daerah dan Tanah Tampin	i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Hasil lewat diakaunkan. ii. <i>Teaming and leading</i> .

Sumber: Jabatan Audit Negara

d. Pengurusan Perolehan


- Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, dua (2) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik, dua (2) Jabatan berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, tiga (3) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan satu (1) Agensi berada pada tahap memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Perolehan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.14
PENCAPAIAN PENGURUSAN PEROLEHAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017




- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 39 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.15
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI JABATAN



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 49 kriteria dalam Pengurusan Perolehan bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.16
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.6
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Perolehan secara pembelian terus tidak mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga dari pembekal tempatan	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan iv. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin v. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah	i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ii. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Perbandingan harga yang kompetitif dan menguntungkan Kerajaan tidak dibuat. ii. Kerajaan tidak mendapat 'value for money' (harga tidak munasabah).
2.	Kontrak tidak didaftarkan/Daftar pembayaran tidak kemas kini/tidak lengkap	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Risiko lewat atau gagal mendapatkan maklumat untuk mengenal pasti prestasi bayaran kontrak. ii. Boleh mengakibatkan lebihan bayaran.
3.	Kontrak Tidak Dibuat Atas Nama Kerajaan Negeri	i. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin ii. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson		Boleh menyebabkan: i. Kontrak tidak sah. ii. Penyelewengan dan salah guna kuasa.
4.	Perolehan telah dibuat di mana keseluruhan	i. Jabatan Mufti Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Risiko beraku pecah kecil

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
	perolehan jumlah melebihi RM20,000 tidak dibuat secara sebut harga	ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		perolehan. ii. Pembaziran dan penyelewengan dari aspek harga tidak kompetatif dan pemilihan pembekal yang tidak berkelayakan.
5.	Kontrak tiada bukti ianya telah dikemukakan, disemak serta diluluskan oleh PUU dan klausu pencegahan rasuah tidak dimasukkan dalam dokumen perjanjian	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Jabatan Mufti Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson v. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: Syarat perjanjian kontrak tidak disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-Undang Jabatan/Agenzi boleh menyebabkan terma dalam kontrak tidak menjamin kepentingan Kerajaan.
6.	Tiada bukti surat persetujuan dikeluarkan dan diterima dari pihak kontraktor/tiada tarikh dicatat pada kontrak/ lewat ditandatangani	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan v. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Kepentingan Kerajaan tidak terjaga kerana kontraktor tidak terikat dengan terma perjanjian. ii. Pembayaran hanya boleh dilaksanakan sehingga tiga (3) kali pembayaran dalam tempoh Surat Setuju Terima. iii. Sistem penyampaian Perkhidmatan Awam terjejas.
7.	Bon pelaksanaan dikenakan tidak mengikut kadar yang ditetapkan	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Tiada bon Pelaksanaan/WJP. ii. Kepentingan Kerajaan tidak dijamin sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada terma perjanjian. iii. Kerugian wang awam.
8.	Pembayaran bagi pembelian <i>toner</i> komputer telah dibuat tanpa Kontrak Formal ditandatangani seperti ditetapkan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP)-PK 4.2 Perkara 6.1.	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol		Boleh menyebabkan: i. <i>Improper payment</i> . ii. Penyelewengan dan salah guna kuasa. iii. Menjeaskan pelaksanaan kerja/perkhidmatan/bekalan

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Antara isu yang boleh dikenakan tindakan punitif yang berlaku di JKRNS seperti berikut:


- Perolehan bekalan *toner* dibuat secara pecah kecil melalui dua (2) baucar bayaran bertarikh 28 Mac 2017 dan 1 Jun 2017 masing-masing berjumlah RM6,423 dan RM16,819 sepatutnya dibuat secara sebut harga melalui Jawatankuasa Sebut Harga B. Bagaimanapun, pelawaan sebut harga telah dibuat pada 3 Julai 2017 dan ditawarkan kepada syarikat Iz Perfect Marketing bagi tempoh 12 bulan mulai 13 Julai 2017 hingga 12 Julai 2018 bernilai RM79,043. Namun, masih terdapat perolehan *toner* yang dibuat secara pembelian terus selepas sebut harga melalui baucar bayaran bertarikh 1 November 2017 berjumlah RM3,000.

- Perolehan bekalan peralatan ICT telah dipecah kecil melalui dua (2) baucar bayaran bertarikh 14 Disember 2017 dan bertarikh 15 Disember 2017 masing-masing berjumlah RM 19,928 dan RM2,849 di mana ia sepatutnya dibuat secara sebut harga melalui Jawatankuasa Sebut Harga B.

e. Kawalan Perbelanjaan


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, empat (4) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Kawalan Perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

**CARTA 4.17
PENCAPAIAN KAWALAN PERBELANJAAN JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.18
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN
RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN BAGI JABATAN**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 18 kriteria dalam Kawalan Perbelanjaan bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.19
**TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM KAWALAN PERBELANJAAN BAGI AGENSI**



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.7
KELEMAHAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Baucar bayaran tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan	i. Jabatan Mufti Negeri Sembilan ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan iv. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin v. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan vi. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah vii. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ii. Majlis Perbandaran Seremban iii. Majlis Daerah Jempol iv. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Dokumen sokongan tidak lengkap, dibayar kepada penerima yang tidak sah, kod objek tidak tepat boleh menyebabkan kerugian, penyelewengan dan salah guna kuasa. ii. Menggambarkan kelemahan kawalan dalaman. iii. Pembayaran yang tidak tepat dan dibuat kepada penerima yang tidak sah boleh menyebabkan kerugian wang awam.
2.	Bayaran Pukal tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab/tidak dikemukakan/tiada tindakan pelarasan	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Berlaku pembayaran dua (2) kali boleh menyebabkan kerugian wang awam. ii. Pembayaran melebihi daripada bil boleh menyebabkan kerugian wang awam.
3.	Penyata Penyesuaian lewat disediakan/tidak disesuaikan dengan buku tunai.		i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ii. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan atau disediakan tidak mengikut tempoh tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenarnya. ii. Perbelanjaan yang tidak sepatutnya masih kekal dalam vot tidak menggambarkan kedudukan kewangan yang sebenarnya.
4.	Bil-bil lewat dijelaskan melebihi tempoh 14 hari.		i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan pembayaran melebihi tempoh 14 hari boleh menggambarkan kelemahan kawalan dalaman.

Sumber: Jabatan Audit Negara

f. Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit


- Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, enam (6) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, satu (1) Jabatan berada pada tahap Baik dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap Baik, satu (1) Agensi berada pada tahap Memuaskan dan satu (1) berada pada tahap Tidak Memuaskan. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.20
**PENCAPAIAN PENGURUSAN KUMPULAN WANG/
 AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017**



- Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 23 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.21
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM
PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT BAGI JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 24 kriteria dalam Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.22
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN
BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM
PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT BAGI AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.8
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KUMPULAN WANG/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT


BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Tidak mengemukakan 'Nil Return' bagi Laporan Pendahuluan Diri kepada Bendahari Negeri mengikut tempoh yang telah ditetapkan	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan iv. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah		Boleh menyebabkan: i. Ketidakpatuhan terhadap peraturan ditetapkan. ii. Pemantauan terhadap pendahuluan diri tidak dilaksanakan oleh pengurusan atasan. iii. Kecuaian pegawai yang bertanggungjawab.
2.	Deposit belum diwartakan		i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Daerah Tampin iii. Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan deposit yang tidak dituntut dan tidak diwartakan menyebabkan kerugian kepada kerajaan kerana sejumlah wang tidak dikreditkan sebagai hasil.
3.	Kelewatan bayaran balik bagi pendahuluan pelbagai dan pinjaman komputer.		i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ii. Majlis Perbandaran Seremban	Boleh menyebabkan: i. Kawalan dalaman yang lemah. ii. Kehilangan hasil. iii. Pendahuluan pelbagai tidak diselaraskan. iv. Kecuaian pegawai bertanggungjawab.
4.	Bayaran balik deposit tanpa resit asal		Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Deposit dikembalikan sebelum cukup tempoh. ii. Dikembalikan kepada orang yang tidak berhak menerimanya. iii. Kerugian kepada Agensi. iv. Pemantauan dan penyeliaan yang lemah. v. Kepentingan Agensi tidak dipelihara.

Sumber: Jabatan Audit Negara

g. Pengurusan Aset dan Stor


- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, tiga (3) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, tiga (3) Jabatan berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan berada pada tahap Kurang Memuaskan dan satu (1) Jabatan berada pada tahap Tidak Memuaskan. Bagi Agensi Negeri, dua (2) Agensi mencapai tahap Cemerlang dan dua (2) Agensi berada pada tahap Baik. Pencapaian Jabatan/Agensi dari aspek elemen Pengurusan Aset dan Stor bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.23
PENCAPIAAN PENGURUSAN ASET DAN STOR JABATAN/AGENSI BAGI TAHUN 2017



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 64 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.24
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI JABATAN



- iii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 98 kriteria dalam Pengurusan Aset dan Stor bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.25
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR BAGI AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.9
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Pergerakan Aset tidak didaftarkan di dalam Daftar Pergerakan Harta Modal (KEW.PA-6).	i. Jabatan Mufti Negeri Sembilan ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Aset tidak dapat dikesan. ii. Maklumat aset tidak tepat. iii. Aset hilang dan boleh disalah guna. iv. Kerugian kepada Kerajaan. v. Penyelewengan aset Kerajaan.
2.	Perkara berkaitan pelupusan kenderaan tidak dibincangkan/tiada tindakan susulan di dalam mesyuarat JKPAK.	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah iii. Jabatan Mufti Negeri Sembilan iv. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin		Boleh menyebabkan: i. JKPAK tidak berfungsi secara berkesan. ii. Tindakan tidak/lewat diambil terhadap pegawai yang berkenaan. iii. Kerugian kepada Kerajaan dari segi ruang penyimpanan aset yang usang/rosak, pelupusan yang boleh menjana hasil/pelupusan yang mesra alam.
3.	Laporan Pemeriksaan dan Verifikasi Stok tidak dibincangkan di dalam JKPAK.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin ii. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson		Boleh menyebabkan: Agenda tidak dibincangkan mengikut peraturan boleh menyebabkan perkara mengenai pengurusan aset tidak dilaporkan.
4.	Laporan Eksekutif Pengurusan Aset	Pejabat Daerah dan Tanah Tampin		Boleh menyebabkan: i. Ringkasan Laporan Tahunan

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
	Kerajaan lewat dikemukakan kepada PKN.			<p>tidak disediakan</p> <p>ii. Laporan Tahunan tidak/lewat dikemukakan</p> <p>iii. Pegawai tidak/lewat memperakuan laporan boleh menjelaskan kredibiliti Pegawai Pengawal.</p>
5.	Kad Kawalan Stok KEW.PS-3 dan KEW.PS-4 tidak dikemas kini.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan: i. Maklumat baki stok tidak tepat. ii. Tiada rekod kedudukan stok semasa. iii. Boleh menjelaskan operasi berikutan risiko kekurangan/kehabisan barang stor contoh kertas, toner.
6	Kerosakan Aset tidak dilaporkan menggunakan KEW.PA-9.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah	Majlis Perbandaran Seremban	Boleh menyebabkan: Kerosakan aset tidak dilaporkan boleh menyebabkan menjelaskan jangka hayat penggunaan aset.
7.	Tiada catatan direkodkan mengenai penyenggaraan yang telah dilaksanakan di KEW.PA-14.	i. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson iv. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	i. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ii. Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Maklumat aset tidak tepat (akruan). ii. Tiada pemantauan penyenggaraan.
8.	Aset tidak dapat didaftarkan kerana perolehan melalui perolehan kerja.	Pejabat Daerah dan Tanah Tampin		Boleh menyebabkan: i. Aset hilang dan boleh disalah guna. ii. Aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat. iv. Kerugian kepada Kerajaan. v. Penyelewengan aset Kerajaan.
9.	Pemeriksaan Aset tidak dibuat ke atas semua aset kerajaan/ Pemeriksaan Aset tidak dilakukan 100%.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: i. Keadaan fizikal aset tidak dapat disahkan. ii. Kehilangan aset tidak dapat dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat.
10.	Terdapat perbezaan jumlah keseluruhan kuantiti aset berdasarkan KEW.PA-10 dan KEW.PA-11 berbanding laporan JKPAK.	i. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah		Boleh menyebabkan: Pemeriksaan aset boleh diragui dan mengakibatkan prestasi atau keadaan sebenar aset tidak dapat dikenal pasti.
11.	Pengiraan ke atas semua stok tidak dilakukan 100%.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Kedudukan baki stok semasa sukar ditentukan. ii. Kehilangan/salah guna barang-barang berharga dan menarik. iii. Tiada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya ada kes kehilangan barang menarik dan berharga.
12.	Pegawai-pegawai yang menjalankan tugas pegawai stor, pegawai penerima tiada surat lantikan.	i. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan i. Pegawai stor tidak dilantik/ Lantikan pegawai stor tidak dimaklumkan boleh menyebabkan tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku ketidakpatuhan berkaitan pengurusan stor. ii. Aset tidak diterima oleh pegawai yang diberi kuasa. iii. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
				sekiranya berlaku ketidakpatuhan semasa penerimaan aset.
13.	Borang KEW.PS-11 tiada kelulusan pegawai/tidak kemas kini.	Pejabat Daerah dan Tanah Jempol	Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan: i. Kehilangan/salah guna stok. ii. Kedudukan baki stok semasa sukar ditentukan. iii. Tiada pegawai yang bertanggungjawab sekiranya ada kes kehilangan stok.
14.	Aset – aset tidak diberi tanda pengenal “Hak Kerajaan Malaysia”.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah ii. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Aset hilang dan boleh disalah guna. ii. Aset tidak dikesan. iii. Maklumat aset tidak tepat. iv. Kerugian kepada Kerajaan. v. Penyelewengan aset Kerajaan.
15.	Daftar Aset KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 tidak dikemas kini.	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan iii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: i. Aset tidak dikesan. ii. Maklumat aset tidak tepat.
16.	KEW.PA-7 tidak dipamerkan/tidak kemas kini.		i. Majlis Perbandaran Seremban ii. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan rekod penempatan aset tidak dapat disahkan dan risiko penyalahgunaan serta kehilangan.
17.	Aset tidak digunakan.	Pejabat Daerah dan Tanah Tampin	Majlis Perbandaran Seremban	Boleh menyebabkan aset tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum boleh menyebabkan pembaziran wang Kerajaan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

v. Antara isu yang berlaku di JKRNS adalah kehilangan kenderaan Mitsubishi Pajero bernombor pendaftaran NAF 1302 di antara 8 hingga 9 Mei 2016. Hasil semakan lanjut terhadap dokumen berkaitan kehilangan kenderaan tersebut mendapati Laporan Akhir Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-30) telah disediakan dan dikemukakan kepada Pengarah JKRNS dengan surat rujukan (28) JKR(CKM) NS.BB[123]B1/004 Jld.7 bertarikh 22 September 2016.

h. Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman

i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, empat (4) Agensi mencapai tahap Cemerlang, Pencapaian Agensi Negeri dari aspek elemen Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:


CARTA 4.26
**PENCAPAIAN PENGURUSAN PELABURAN
 DAN PINJAMAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2017**



Cemerlang
 Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 25 kriteria dalam Pengurusan Pelaburan dan Pinjaman bagi empat (4) Agenzi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.27
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PELABURAN DAN PINJAMAN BAGI AGENSI




Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang berlaku di MAINS adalah peminjam tidak membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan serta mekanisme kawalan dan pemantauan terhadap pinjaman yang diberi

tidak dibuat termasuk tindakan terhadap tunggakan bayaran balik pinjaman.


i. Pengurusan Penyata Kewangan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Agensi Negeri, satu (1) Agensi mencapai tahap Cemerlang, dua (2) Agensi Baik dan satu (1) Agensi mencapai tahap Memuaskan. Pencapaian Agensi dari aspek elemen Pengurusan Penyata Kewangan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 28 kriteria dalam Pengurusan Penyata Kewangan bagi empat (4) Agensi adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.29
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN BAGI AGENSI



Sumber: Jabatan Audit Negara

iii. Antara kelemahan yang berlaku adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 4.10
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PENYATA KEWANGAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN	IMPAK
		AGENSI	
1.	Penyata Kewangan lewat dikemukakan.	i. Majlis Daerah Tampin ii. Majlis Daerah Jempol iii. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Tidak memohon kelulusan daripada Pejabat Kewangan Negeri boleh menyebabkan pengauditan dan pengesahan Penyata Kewangan lewat dibuat.
2.	Mendapat Sijil Tanpa Teguran	Majlis Daerah Tampin	Boleh menyebabkan: a. Menggambarkan tadbir urus dan kawalan dalaman yang lemah. b. Menunjukkan Lembaga Pengarah tidak memainkan peranan yang sepatutnya. c. Menjejaskan imej agensi.
3.	Penyata kewangan yang dikemukakan untuk diaudit mempunyai kesilapan persembahan, pengiraan dan angka.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan keputusan Lembaga Pengarah dalam meluluskan penyata kewangan belum diaudit yang dikemukakan kepada Audit.
4.	Penyata kewangan selepas diaudit dan isu mengenainya tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Boleh menyebabkan: a. Lembaga Pengarah tidak dimaklumkan mengenai kedudukan Penyata Kewangan. b. Lembaga Pengarah tidak boleh dipertanggungjawabkan sebarang <i>error and misstatement</i> .

Sumber: Jabatan Audit Negara


j. Pengurusan Kenderaan Kerajaan

- i. Secara keseluruhannya, bagi Jabatan Negeri, satu (1) Jabatan mencapai tahap Cemerlang, lima (5) Jabatan berada pada tahap Baik, satu (1) Jabatan masing-masing berada pada tahap Memuaskan dan Kurang Memuaskan. Pencapaian Jabatan dari aspek elemen Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi tahun 2017 adalah seperti carta berikut:



- ii. Tahap pematuhan dan ketidakpatuhan berdasarkan risiko terhadap 35 kriteria dalam Pengurusan Kenderaan Kerajaan bagi lapan (8) Jabatan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.31
TAHAP PEMATUHAN DAN KETIDAKPATUHAN BERDASARKAN RISIKO
TERHADAP KRITERIA DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN BAGI JABATAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

- iii. Antara kelemahan yang dikenal pasti paling kerap berlaku adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KETIDAKPATUHAN		IMPAK
		JABATAN	AGENSI	
1.	Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini	i. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol ii. Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan iii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan v. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah	Majlis Perbandaran Seremban	Boleh menyebabkan: i. Salah guna kenderaan Kerajaan. ii. Tiada pegawai boleh dipertanggungjawabkan jika ada kes kehilangan/kemalangan/saman. iii. Rekod penggunaan minyak tidak dapat disemak. iv. Kelemahan kawalan dalam penggunaan kenderaan Kerajaan.
2.	Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) tidak direkodkan dengan lengkap dan kemas kini	i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan ii. Pejabat Daerah dan Tanah Tampin iii. Pejabat Daerah dan Tanah Jempol iv. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan	Majlis Daerah Jempol	Boleh menyebabkan: i. Kedudukan /penggunaan tidak dapat ditentukan. ii. Salah guna/kehilangan kad KSBTTR. iii. Tiada pegawai yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kehilangan kad KSBTTR.
3.	Notis kesalahan lalu lintas masih belum/lewat diselesaikan	i. Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson ii. Jabatan Mufti Negeri Sembilan iii. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan		Boleh menyebabkan: i. Tiada pemantauan saman oleh Jabatan. ii. Peningkatan jumlah saman tertunggak di Jabatan. iii. Kerajaan terpaksa menanggung pembayaran saman sekiranya saman tertunggak terlalu lama dan pegawai bertanggungjawab tidak lagi berkhidmat.

Sumber: Jabatan Audit Negara

4.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan bagi tahun 2017 berada pada tahap Baik berdasarkan kepada markah keseluruhan pematuhan terhadap peraturan pengurusan kewangan. Bagaimanapun, terdapat beberapa Jabatan/Agensi yang perlu meningkat dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius. Sehubungan itu, Jabatan/Agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti yang berikut:

- 4.6.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;
- 4.6.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di Bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop yang terhad;
- 4.6.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan pembetulan dan pencegahan;
- 4.6.4. Ketua Jabatan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pegawai yang telah dipastikan melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjasaskan imej Kerajaan;
- 4.6.5. berusaha mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi Kedua boleh dijadikan rujukan;
- 4.6.6. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- 4.6.7. melaksanakan pusingan tugas setiap lima (5) tahun terhadap pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan terutamanya pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius; dan
- 4.6.8. **pihak Audit ingin memaklumkan bahawa pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) ini dilakukan berdasarkan sampel dan pihak Jabatan/Agensi**

adalah bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan kawalan dalaman organisasi. Oleh itu, tindakan penambahbaikan tidak hanya dilakukan terhadap penemuan Audit sahaja tetapi perhatian seluruhnya diberi kepada sistem, prosedur dan kawalan dalaman yang berkaitan bagi mengelakkan risiko berlakunya fraud dan salah laku.

PENGAUDITAN MENGEJUT JABATAN/AGENSI NEGERI

5. PENGAUDITAN MENGEJUT

5.1. PENDAHULUAN

5.1.1. Pengauditan ini dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri, akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu negeri atau Wilayah Persekutuan.

5.1.2. Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 juga menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam penguditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada penguditannya.

5.1.3. Pengauditan Mengejut adalah satu pendekatan Audit yang meliputi pemeriksaan, penyiasatan dan pengaudit tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan dan jangka masa pengaudit kepada pihak Audit.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif Pengaudit Mengejut adalah untuk menentukan sama ada penerimaan, kutipan, kawalan perbelanjaan, panjar wang runcit, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes serta peti besi yang berada di bawah jagaan/seliaan pegawai yang bertanggungjawab diakaunkan secara teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengudit mengejut meliputi kawalan terimaan, dan kawalan perbelanjaan. Pengudit mengejut dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari atau tempoh masa yang sesuai bagi kes-kes tertentu. Pengudit ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan terhadap penerimaan wang, wang panjar, borang hasil yang dikawal dan barang berharga bagi tahun 2017 di sembilan (9) Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) Kerajaan Negeri di bawah tujuh (7) Jabatan seluruh negeri seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.1
PENGAUDITAN MENGEJUT DI PUSAT TANGGUNGJAWAB/
PUSAT KOS MENGIKUT JABATAN PADA TAHUN 2017

BIL.	JABATAN	BILANGAN PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PUSAT KOS YANG DIAUDIT
1.	Pejabat D.Y.M.M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan	1
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan	2
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan	1
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan	1
5.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	2
6.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan	1
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan	1
JUMLAH		9

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.4. METODOLOGI

Metodologi pengauditan mengejut adalah melalui pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam, panjar wang runcit, dokumen berharga, barang rampasan dan barang kes. Semakan terhadap rekod-rekod kewangan, temu bual dengan pihak Audit, pengamatan keadaan semasa pada tarikh pengauditan seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan dan keadaan peti besi yang sentiasa berkunci. Lawatan dan tinjauan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor juga dilakukan.

5.5. PENEMUAN AUDIT

5.5.1. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK yang Diaudit

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos dinilai berdasarkan 84 kriteria melibatkan 72 kriteria di kawalan terimaan, dan 12 kriteria di kawalan perbelanjaan. Pihak Audit mendapati ketidakpatuhan seperti di jadual berikut:

JADUAL 5.2
BILANGAN KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK YANG DIAUDIT

BIL.	KAWALAN	JUMLAH KRITERIA	KRITERIA TIDAK PATUH MENGIKUT PTJ/PK
1.	Terimaan	72	12
2.	Perbelanjaan	12	9
JUMLAH		84	21


Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5.2. Tahap Pematuhan Pengauditan Mengejut di PTJ/PK yang Diaudit Mengikut Kawalan

a. Kawalan Terimaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak lapan (8) PTJ/PK tidak mematuhi 12 kriteria dalam kawalan terimaan adalah seperti **Carta 5.1**. Hasil analisis mendapati:
 - Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan terimaan masing-masing sebanyak tiga (3) PTJ/PK melibatkan Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggara dengan lengkap dan tiada bukti terimaan dan pengeluaran setem/pos disahkan oleh Ketua Pejabat.
 - Ketidakpatuhan yang seterusnya melibatkan masing-masing dua (2) PTJ/PK adalah berkenaan daftar borang hasil tidak diselenggarakan dengan lengkap; kunci dan kod kombinasi peti besi dipegang oleh pegawai yang sama dan dibuka oleh pegawai yang tidak diberikan kuasa; serta peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan.
 - Selanjutnya, masing-masing satu (1) PTJ/PK tidak mengeluarkan resit rasmi pada masa urusan dibuat; baki buku stok hasil tidak bersamaan baki sebenar; resit rasmi tidak disimpan dalam kabinet berkunci; resit rasmi Perbendaharaan tidak diterima bagi jumlah wang yang dibankkan; Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan; baki daftar setem tidak bersamaan dengan baki fizikal; dan Pemeriksaan Mengejut AP309 tidak dilaksanakan dalam tempoh ditetapkan.

CARTA 5.1
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DALAM KAWALAN TERIMAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- a Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan direkodkan ke dalam buku yang disimpan (AP309 (b))
- b Semua terimaan dan pengeluaran telah direkod dan disahkan oleh Ketua Pejabat
- c Daftar Borang Hasil diselenggarakan (AP67)
- d Peti besi dicantumkan ke rangka bangunan; jika bersesuaian (AP127)
- e Peti besi/bilik kebal mempunyai anak kunci dan kod kombinasi yang berasingan yang dipegang oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan (AP125)
- f Resit rasmi dikeluarkan bagi setiap penerimaan
- g Baki stok hasil bersamaan dengan baki sebenar (AP67)
- h Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan disimpan dalam peti besi atau bilik kebal (AP126 (a))
- i Resit Rasmi Perbendaharaan diterima untuk jumlah dibankkan (AP80(e))
- j Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar ada dipamerkan (AP61)
- k Stok setem fizikal adalah bersamaan dengan Daftar Setem
- l Ketua Jabatan melakukan Pemeriksaan Mengejut dilakukan tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan (AP309(a))


ii. Kawalan terimaan yang tidak mematuhi peraturan/pekeliling menunjukkan kawalan dalaman PTJ/PK yang lemah, proses kerja yang tidak difahami sepenuhnya dan kawalan terhadap penggunaan borang hasil yang lemah. Ketidakpatuhan ini juga memberi risiko kepada perekodan yang tidak tepat, penyelewengan dan penyalahgunaan borang hasil. Kelemahan-kelemahan ini memberi implikasi kepada ketirisan hasil kerajaan dan menjelaskan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna.

b. Kawalan Perbelanjaan

- i. Analisis Audit mendapati sebanyak enam (6) PTJ/PK tidak mematuhi sembilan (9) kriteria dalam kawalan perbelanjaan adalah seperti **Carta 5.2**. Hasil analisis mendapati:

- Ketidakpatuhan yang signifikan dalam kawalan perbelanjaan adalah melibatkan tiga (3) PTJ/PK di mana Invois/Bil tidak dicap tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran.
- Ketidakpatuhan yang seterusnya melibatkan masing-masing dua (2) PTJ/PK adalah berkenaan tiada bukti semakan dibuat terhadap Buku Vot; kenyataan dalam dokumen tuntutan tidak lengkap; dan baucar kecil tidak dikeluarkan bagi bayaran Panjar Wang Runcit (PWR).
- Selanjutnya, masing-masing satu (1) PTJ/PK menunjukkan ketidakpatuhan berkaitan Pesanan Kerajaan tidak lengkap dengan tarikh penerimaan; tiada pengesahan Ketua Jabatan bagi tuntutan perjalanan pegawai; baucar bayaran yang telah dibayar tidak ditebuk/cop telah bayar; baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap; dan surat kelulusan had apungan PWR tidak dikemukakan.

CARTA 5.2
BILANGAN PTJ/PK YANG TIDAK MEMATUHI
PERATURAN DALAM KAWALAN PERBELANJAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:

- Semua bil yang diterima di cop tarikh terima bagi tujuan pemantauan bayaran
- Buku Vot/Buku Vot elektronik hendaklah disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia (AP95 (e))
- Pembayaran dibuat dengan betul dan tepat
- Baucar bayaran direkodkan dalam buku tunai PWR dengan lengkap
- Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu bagi setiap pembelian (AP176)
- Baucar bayaran yang diluluskan tidak melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan
- Baucar bayaran yang telah dibayar ditebuk/cop telah bayar
- Baucar bayaran disokong dengan dokumen yang lengkap (AP99(a))
- Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit diperolehi

- ii. Kelemahan-kelemahan yang ditemui semasa pengauditan mengejut di PTJ/PK menyebabkan rekod tidak tepat (lebihan/kurangan) dan tidak kemas kini yang meningkatkan risiko kehilangan wang awam. Kelemahan ini juga memberi risiko terhadap penyelewengan di kalangan pegawai di PTJ/PK tersebut.

5.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Pengauditan Mengejut di PTJ/PK yang diaudit adalah baik berdasarkan kepada bilangan pematuhan dalam kriteria bagi dua (2) kawalan yang diaudit. Ketua PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memastikan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dipatuhi. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian serius bagi meningkatkan dan memantapkan kawalan pengurusan kewangan di PTJ/PK agar isu yang dibangkitkan tidak berulang dan mengurangkan risiko ketidakpatuhan di masa akan datang. Sehubungan itu, semua PTJ/PK di setiap Jabatan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya seperti berikut:

- 5.6.1. semua daftar dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- 5.6.2. perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan dan pencegahan dengan segera;
- 5.6.3. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;
- 5.6.4. memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan;
- 5.6.5. mengenakan tindakan punitif terhadap pegawai yang gagal melaksanakan tugas mengikut peraturan ditetapkan;
- 5.6.6. surat penurunan kuasa diberi kepada pegawai yang memegang kunci dan nombor kombinasi peti besi selaras dengan AP 125; dan
- 5.6.7. pemeriksaan mengejut diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan merekodkan hasil pemeriksaan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut selaras dengan AP 309.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengaudit yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
12 Jun 2018



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62518 PUTRAJAYA

www.audit.gov.my